

Jilid II
Bil. 12



Hari Jumaat
27hb Jun, 1980

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1513]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan ([Ruangan 1556])

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Membarahui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) [Ruangan 1557]

Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) [Ruangan 1578]

Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) [Ruangan 1587]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Jeneral TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K., (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

Yang Berhormat TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO' SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., S.B., S.T., J., DATUK KAYA PATI (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 27hb Jun, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KEANGGOTAAN MAJLIS TINDAKAN
DAERAH/NEGERI

1. Tuan M. Mahalingam (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan siapakah yang layak untuk menjadi ahli Majlis Tindakan Daerah/Negeri dan bolehkah seorang wakil dihantar bagi pihak seorang Ahli untuk menjalankan tugas-tugasnya. Jika boleh dalam keadaan bagaimana.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, keanggotaan ahli Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Daerah adalah selaras dengan arahan Majlis Tindakan Negara Nombor Satu. Jawatankuasa Tindakan Negeri adalah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri (Negeri berkenaan). Ahli-ahli yang lain adalah terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, pegawai kanan tentera, Ketua-ketua Jabatan peringkat negeri dan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Jawatankuasa ini diurusetia-kan oleh Pegawai Kemajuan Negeri.

Keanggotaan Jawatankuasa Tindakan Daerah adalah terdiri daripada pengerusinya Pegawai Daerah sendiri dan ahlinya terdiri dari Wakil-wakil Rakyat parti pemerintah, Ketua-ketua Jabatan peringkat daerah dan pegawai kanan tentera. Semua ahli di atas adalah dikehendaki hadir di mesyuarat yang telah ditetapkan. Sekiranya seseorang ahli tidak dapat hadir dalam keadaan mendesak adalah menjadi tanggungjawabnya untuk

memberitahu pengerusi Jawatankuasa berkenaan dan mewakilkan timbalan atau penolongnya sebagai pengganti.

**BEKAS PESALAH RASUAH DALAM
BADAN BERKANUN**

2. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Perdana Menteri menerangkan sama ada beliau sedar adanya kemungkinan setengah-setengah Badan Berkanun mengambil pekerja-pekerjanya dari orang yang telah dihukum di bawah kesalahan rasuah hasil siasatan Biro Siasatan Negara.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar adanya kemungkinan setengah-setengah Badan-badan Berkanun mengambil pekerja-pekerja dari orang-orang yang telah dihukum di bawah kesalahan rasuah hasil siasatan Biro Siasatan Negara.

Walau bagaimanapun, suka saya menjeleskan iaitu sebelum seseorang itu dilantik untuk menjawat satu-satu jawatan dalam Badan-badan Berkanun, ianya perlu mematuhi beberapa syarat termasuk syarat mengangkat sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah atau Majistret, memberi perakuan yang ia tidak pernah dibuang kerja atau disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah, termasuk kesalahan rasuah.

Di samping itu, terdapat juga Badan-badan Berkanun yang merujukkan calon-calon bagi lantikan ke jawatan-jawatan tertentu di dalam organisasi mereka kepada pihak polis untuk dibuat tapisan bagi memastikan bahawa mereka mempunyai rekod yang baik dan bebas dari apa-apa kesalahan jenayah.

Sekiranya didapati kenyataan-kenyataan yang telah diberikan itu adalah palsu, maka Badan-badan Berkanun itu tidak terikat untuk meneruskan perkhidmatan seseorang yang dilantik yang melanggar syarat-syarat perlantikan tersebut.

Berdasarkan kepada cara-cara perlantikan dibuat, sepanjang yang diketahui tidak ada Badan-badan Berkanun yang mengambil pekerja-pekerja dari orang-orang yang telah dihukum di bawah kesalahan rasuah. Jika Ahli Yang Berhormat Senator mengetahui adanya Badan-badan Berkanun yang mengambil pekerja-pekerja yang disabitkan di bawah kesalahan rasuah, diharap Ahli Yang Berhormat Senator dapat memberi laporan sepenuhnya supaya tindakan tertentu dapat diambil.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Sepanjang yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa seseorang yang hendak diambil bekerja dalam satu-satu badan berkanun itu terlebih dahulu hendaklah membuat surat akuan sumpah mengatakan kononnya beliau itu tidak pernah dihukum salah oleh mana-mana mahkamah di bawah apa-apa kesalahan jenayah. Kalau sekiranya pengakuannya itu berlawanan dengan apa yang sebenar berlaku, bolehkah badan yang berkenaan ataupun mahkamah yang bersabit mengenakan kesalahan di atas akuan sumpah yang palsu itu.

Saya ingin mendapat penjelasan.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan dalam jawapan saya iaitu kalau didapati pengakuannya itu salah dianya boleh ditamatkan kerjanya dan apa juga syarat-syarat tentang membuat pengakuan yang salah itu yang terdapat dalam badan-badan berkanun bolehlah dikenakan kepada orang ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Saya hendak bertanya, seorang yang minta kerja dia sudah tahu dia sudah dijel. Kemudian dia keluar jel selepas 2 tahun dia kena jel. Selepas jangka masa lima tahun dia pun minta kerja dalam perbadanan misalnya sebab dia salah sudah dihukum. Selepas lima tahun dia dihukum bolehlah dia menjadi Wakil Rakyat sebab dia bebas. Bolehkah dia diambil oleh badan-badan berkanun untuk bekerja dalam Kerajaan atau tidak.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, biasanya Badan-badan Berkanun mengambilkira sejarah orang yang akan diambil olehnya untuk berkhidmat dalam badan-badan itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah

meliputi kuatkuasa ini sekiranya mereka yang hendak menyertai rancangan tanah FELDA dan FELCRA yang telah menerima hukuman mahkamah, adalah mereka ini layak menjadi peserta rancangan?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, itu bergantunglah kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh FELDA sendiri kalau mereka tidak mahu orang yang sedemikian maka mereka boleh menolak orang itu daripada menyertai rancangan-rancangan FELDA.

RUMAH KOS RENDAH

3. Tuan M. Mahalingam (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau bercadang untuk mengkaji semula harga rumah kos rendah yang ditetapkan sekarang sebanyak \$20,000 supaya orang-orang yang membeli rumah sehingga \$30,000 dapat menikmati faedah yang sama seperti yang dibenarkan ke atas rumah berharga sehingga \$20,000.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu tidak jelas. Saya tidak pasti apa sebenarnya yang ingin beliau ketahui.

Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan bahawa faedah yang dapat pada masa ini bagi mereka yang membeli rumah harga rendah iaitu \$20,000 ke bawah ialah mereka layak mendapat pinjaman daripada MBSB dengan kadar faedah yang rendah iaitu 5.5% setahun dengan tempoh bayaran balik selama 20 tahun. Pinjaman ini hanya diberikan kepada mereka yang berpendapatan \$500 ke bawah sebulan.

Jika perkara ini yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sukalah saya memberi tahu bahawa kadar pinjaman MBSB ini di dalam kajian pihak Perbendaharaan.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya bagaimana Kerajaan dapat membina rumah kos rendah sementara harta tanah dan bahan binaan kian hari kian meningkat. Adakah Kerajaan bercadang memberi subsidi kepada rakyat yang miskin dan rakyat mendapat rumah kos rendah untuk membeli rumah tidak serendah itu.

Dato Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini soal lain.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya dengan Timbalan Menteri sama ada beliau bersetuju dengan saya jikalau syor yang dikemukakan oleh sahabat saya tuan S. Subramaniam ini diterima ini boleh memberi satu lesen kepada pemaju-pemaju rumah untuk sengaja meninggikan harga rumah kos rendah?

Dato Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal Yang Berhormat itu ialah hendak refer daripada MBSB pinjaman yang dikeluarkan kepada MBSB yang mana faedah orang yang mendapat pinjaman daripada \$20,000 seunit dinaikkan kepada \$30,000 kerana hendak mengambil faedah yang rendah daripada pemaju itu. Jadi ertinya kita berkehendakkan supaya dinaikkan, ini haruslah berpanjangan kalau dikatakan orang itu naik \$30,000 barangkali ada juga yang minta \$40,000. Jadi pada himat saya pemaju juga lain daripada MBSB sebab MBSB telah memperuntukkan daripada peruntukan-peruntukan EPF dan Bank Negara \$400 juta kepada MBSB untuk dipinjamkan pembeli-pembeli rumah dan sekiranya harga rumah dalam projek ini tidak melebihi \$20,000 seunit keutamaan diberi pula kepada projek yang mana harga rumah \$12,000 seunit dengan syarat-syarat yang tertentu.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan adalah senang, saya cuma mengatakan jikalau syor yang dikemukakan oleh sahabat saya Tuan S. Subramaniam diterima iaitu dinaikkan takrif harga rumah rendah itu daripada \$20,000 kepada \$30,000 ini mungkin memberi satu keluasan kepada pemaju-pemaju rumah dengan sengaja menaikkan, mungkin rumah itu harga \$6,000 sahaja tetapi oleh kerana ada syaratnya dan takrif rumah harga rendah \$30,000 ke bawah maka dengan sengaja mereka naikkan kepada \$30,000 dan tidak umpamanya letak \$15,000 atau harga sepatutnya, itu saya tanyakan tadi.

Dato Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya telah katakan tadi jika perkara ini memerlukan sukalah saya memberitahu

bahawa kadar pinjaman atau kadar peruntukan itu sekarang ini di dalam kajian oleh pihak Perbendaharaan.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah pinjaman MBSB ini boleh diberi kepada orang yang berpendapatan rendah yang hendak membeli rumah pangsa kerana buat masa ini ada PKNS yang saya dapat tahu dia tidak mahu menerima?

Dato Haji Ramli bin Omar: Syarat-syarat untuk mereka hendak dapat pinjaman MBSB ini iaitu adalah tertakluk kepada badan pemaju yang tertentu yang mendirikan rumah \$20,000 ke bawah dan keutamaannya diberi kepada \$12,000. Projek perumahan ini sebagaimana saya telah jawab tadi kepada Yang Berhormat pertanyaan yang asal ialah dia refer kepada MBSB. Jadi kalau ada projek perumahan yang banyak yang lain termasuklah PKNS, SEDC dan Badan-badan Berkanun yang lain, jadi ini adalah tertakluk kepada MBSB untuk memberi pinjaman kepada rumah-rumah pangsa sebagaimana Ahli Yang Berhormat sebutkan itu.

BAYARAN KOMPAUN BAGI KESALAHAN LALULINTAS

4. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa resit untuk bayaran kompaun bagi kesalahan-kesalahan lalulintas yang dikeluarkan oleh Pejabat Polis Lalulintas hanya dalam tulisan Jawi sahaja dan itu telah meragukan pembayar-pembayar yang tidak memahami tulisan Jawi; jika ya, sama ada beliau bercadang supaya resit-resit yang tersebut dapat dicetak dalam Bahasa Malaysia dengan tulisan rumi untuk fahaman rakyat jelata.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa resit-resit kesalahan lalulintas itu dikeluarkan dengan tulisan Jawi sahaja misalnya adalah tidak benar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di samping menggunakan resit dalam tulisan Jawi maka pihak Polis juga menggunakan resit-resit di dalam tulisan rumi bagi bayaran kompaun dan lain-lain bayaran yang diterima

oleh pihak Polis. Dan sukalah saya menyatakan bahawa kedua-dua resit ini masih lagi digunakan oleh Kerajaan iaitu resit-resit sama ada dalam tulisan rumi ataupun Jawi dan belum lagi ada arahan-arahan supaya ditarik balik resit Jawi yang disebutkan itu. Maka saya rasa dengan demikian masalah keraguan pihak pembayar tidaklah timbul kerana sekiranya digunakan resit dalam tulisan Jawi itu nama-nama yang dicatitkan akan ditulis dalam huruf rumi iaitu kepada semua orang sama ada orang Melayu atau bukan Melayu.

PERKHIDMATAN MAS DALAM/LUAR NEGERI

5. Tuan Chua Ching Cheng (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah pesawat-pesawat MAS yang digunakan untuk penerbangan dalam negeri dan ke luar negeri dan menyatakan rancangan pembangunan MAS mengenai kekurangan pesawat-pesawat perkhidmatan dalam negeri dan ke luar negeri.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, pesawat-pesawat MAS yang digunakan dalam perkhidmatan sekarang ialah seperti berikut:

Jenis Kapalterbang	Banyaknya
DC 10 ... 3 buah	(termasuk satu dalam sewaan)
A 300 ... 3 buah	
B 737 ... 10 buah	(termasuk satu dalam sewaan)
F 27 ... 11 buah	(termasuk dua dalam sewaan)
BN 2 ... 4 buah	

Kapalterbang jenis DC 10 digunakan untuk sektor penerbangan jauh umpamanya ke Australia, Eropah dan Timur Tengah. Kapalterbang jenis A 300 digunakan untuk penerbangan di daerah-daerah Timur dan juga bagi setengah-setengah penerbangan dalam negeri. Kapalterbang-kapalterbang jenis B 737 dan F 27 adalah digunakan untuk penerbangan dalam negeri.

MAS telah menempah 5 pesawat yang baru iaitu:

1 DC 10

1 Airbus A 300

1 B 737

2 Fokker Friendship F 27

Pesawat-pesawat ini dijadualkan akan tiba dan digunakan dalam perkhidmatan MAS pada tahun 1981.

Jumlah pesawat-pesawat MAS akan ditambahkan lagi sekiranya kajian-kajian mendalam yang dijalankan oleh MAS sekarang menunjukkan keperluannya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu iaitu DC 10 daripada 3 satu disewakan maknanya kita tentu tidak boleh berjalan atau bergerak sebab disewakan kepada negeri lain. Kemudian daripada itu ditambah lagi iaitu kita akan membeli lagi DC 10 untuk disewakan juga ataupun untuk kita bergerak pergi ke lain negeri sebab macam Singapura pulau yang begitu kecil boleh keliling seluruh dunia, tetapi negeri kita yang lebih besar tidak boleh buat begitu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, DC 10 ialah sebuah pesawat yang mahal dan sekarang ini sebuah dalam sewaan dan sebuah telah ditempah dan akan dibeli oleh MAS pada tahun hadapan.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan perjalanan jauh khususnya di antara Kuala Lumpur dengan London melalui Eropah memang sangat popular. Oleh yang demikian adakah cadangan pihak MAS untuk membeli kapalterbang yang lebih besar seperti B747 dan tidak DC 10?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu bahawa penerbangan MAS dari Kuala Lumpur ke London sangatlah popular. Walau bagaimanapun MAS tidak dapat menambah jumlah penumpang setiap minggu ke London kerana ada hadnya oleh pihak yang berkuasa di negara yang berkenaan.

Berkenaan dengan pesawat lain barangkali harus dipertimbangkan, saya boleh beri jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa MAS mempunyai sikap terbuka terhadap pesawat-pesawat apa jenis pun yang sesuai untuk kegunaannya.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, daripada mula-mula sehingga sekarang Sistem Penerbangan Malaysia kita ialah kelemahan-kelemahan amat banyak iaitu kapalterbang selalu sampai lewat dan berangkat lewat. Ini telah menimbulkan berbagai-bagai masalah untuk passengers dan selalu biasanya pihak-pihak berkenaan tidak beritahu penumpang-penumpang iaitu sekian-sekian kapalterbang akan datang lambat. Bagaimanakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan bercadang untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya iaitu kapalterbang DC 10 yang disebutkan itu kepada negeri manakah yang disewakan?

Yang kedua, kapalterbang DC 10 yang akan dibeli sebuah lagi pada tahun 1981 begitu juga hendak disewakan kepada negeri mana, cagaran hendak disewakan kepada negeri mana?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis berkenaan soalan daripada syarikat mana DC 10 itu disewakan.

Berkenaan soalan yang kedua, saya boleh jawab bahawa pesawat ini akan dibeli oleh MAS daripada manufacturer DC 10 itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Syarikat Penerbangan MAS kita dalam khidmat jauhnya pada tahun ini menaikkan tambangnya kepada penumpang-penumpang jemaah Haji yang akan belayar pada tahun ini. Kalau Yang Berhormat Menteri sedar, apa sebab puncanya kenaikan ini?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, punca kenaikan tambang ialah kenaikan harga minyak.

TELEFON—SUKAR PANGGILAN LUAR

6. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penduduk Batu Pahat sukar membuat panggilan luar daerah dan jika sedar nyatakan tindakan yang akan diambil untuk menambah talian untuk panggilan luar.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa pada masa ini pengguna-pengguna telefon di kawasan Batu Pahat sedang mengalami kesukaran untuk membuat panggilan luar (trunk calls). Kesukaran ini berlaku oleh kerana Kawasan Batu Pahat hanya mempunyai 120 litar sekarang yang mana sudah tidak mencukupi untuk membawa panggilan-panggilan yang bertambah. Bagi mengatasi masalah ini satu projek Sistem Gelombang Mikro yang akan menambah 600 saluran telefon lagi sedang dalam pelaksanaan dan ianya akan dijangka siap pada pertengahan tahun 1981.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberi jaminan atas jawapan itu bahawa akan diatasi segala kesulitan-kesulitan panggilan telefon di seluruh negeri Johor, bukan sahaja di Batu Pahat?

Tuan Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, sukar bagi saya hendak memberi jaminan tetapi maksud Kerajaan ialah untuk mengadakan perkhidmatan sebagai-bagus yang boleh.

KEBENARAN MENGENAI PERUBAHAN SESEBUAH RUMAH

7. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada peruntukan dalam undang-undang Kerajaan Tempatan bahawa seorang tuannya rumah itu dibenarkan sesuatu perubahan atau tambahan kepada rumahnya tanpa mendapat kebenaran dari Majlis Perbandaran atau pihak berkuasa tempatan yang berkenaan.

Dato Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, seorang tuannya rumah yang hendak membuat perubahan atau tambahan kepada rumahnya mestilah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Majlis Perbandaran atau Pihakberkuasa Tempatan yang berkenaan.

Menurut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 tiada seseorang boleh mendirikan sesuatu bangunan atau berdiri atau mengarah atau membenarkan didirikan dalam suatu bangunan apa-apa binaan, termasuk sekatan, petak, bumbung, galeri, loteng dan siling tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan.

DASAR PERUMAHAN NEGARA

8. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau akan membuat satu dasar Perumahan Negara yang akan diikuti oleh semua pemaju perumahan di negara ini.

Dato Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun mempunyai Dasar Perumahan Negara seperti yang dihuraikan di dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga dan Manifesto Barisan Nasional iaitu akan terus membina lebih banyak rumah-rumah murah atau rumah awam kos rendah, dan berusaha kearah memberi peluang kepada setiap orang memiliki rumah. Cara-cara ini dilaksanakan telahpun dihuraikan di dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, dalam Manifesto itu memang betul tetapi selepas Manifesto itu pun kita juga hendak tahu. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu pada hari ini sekatan-sekatan untuk membuat rumah, misalnya ada negeri menyatakan cuma 10 ekar, ada negeri menyatakan tidak ada apa-apa sekatan. Jikalau begini, Tuan Yang di-Pertua, satu daripadanya harga rumah jikalau misalnya banyak demand, kehendak orang ramai banyak, macam di Kuala Lumpur dan di Selangor ini banyak, tanah sedikit sahaja yang dibuat perumahan tentulah harga melambung naik, begitu juga di negeri-negeri lain. Jadi ini dibuat satu dasar, kalau tidak dengan dasar begitu sungguhpun tanah adalah hak negeri (land is a State matter), itu tidak boleh dipersoalkan, kita tahu, tetapi cara-cara membuat satu dasar supaya apa yang dalam Manifesto kita mengatakan rakyat mesti dapat buat rumah. Kalau misalnya ada sekatan-sekatan begini tentulah sama ada swasta ataupun Kerajaan tidak dapat membina dengan seluas-luasnya. Boleh atau tidak Kementerian Perumahan berunding dengan Kerajaan Negeri supaya dapat satu pemikiran yang tetap di atas dasar membina rumah-rumah ini?

Dato Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, adapun masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah luas. Tadi saya telah menjawab iaitu perkara-perkara hendak membuat sekatan-sekatan dan

sebagainya, bagi pihak Kerajaan Kementerian Perumahan melaksanakan rancangan perumahan melalui agensi-agensi Kerajaan dan Jabatan Perumahan Negara memang kalau tidak ada sekatan kita telah memberi subsidi atau memberi bantuan dengan harga yang mampu dibeli oleh rakyat yang berpendapatan rendah. Di samping itu Kementerian saya juga sedang mengkaji dan mengucapkan terima kasih atas kehendak Ahli Yang Berhormat itu dan sekarang ini Kementerian sedang mengkaji dan telah merangka satu memorandum dan memorandum ini akan dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menentukan dasar perumahan dan soal hendak menyekatkan perumahan yang dilaksanakan oleh pemaju, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini sedia maklum bahawa di segi perniagaan itu adalah perniagaan secara bebas dan kita hanya boleh menetapkan atau memberitahu kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya meletakkan sekatan atas syarat-syarat sebelum hendak meluluskan tukar syarat daripada syarat pertanian kepada perumahan dan hendak memecahkan sempadan, lay-out plan supaya jangan dibuat rumah itu dengan harga yang hanya mampu dibeli oleh orang-orang yang berpendapatan pertengahan dan tinggi sahaja tetapi akan diminta juga dilaksanakan rumah-rumah untuk mereka yang berpendapatan rendah dan banyak negeri-negeri telah bersejua iaitu di antara 30%-40% bagi membuat rumah-rumah dengan harga yang mampu dibeli oleh rakyat.

Dato Sulaiman Ninam Shah: Saya hendak bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan, dasar perumahan yang ada berjalan sekarang ini oleh Kerajaan Barisan Nasional sangat baik, bagus. Tetapi ada satu kalau dapat diselaraskan adakah boleh ditimbang oleh Menteri oleh sebab rumah kos murah yang berharga \$20,000 ke bawah ini terlampau rapat dan dindingnya nipis sangat antara satu rumah ke satu rumah. Ini sudah menjadi kurang baik sedikit kerana dasar Kerajaan baik, hendaklah semua kaum duduk sebelah menyebelah. Tetapi oleh sebab berlainan agama, ini ada susah sedikit. Pihak orang Islamnya ia ada majlis membaca Yasin, Tahlil, Sembahyang, Maulud dan sebagainya dan pihak orang Cina pula ada tok pekong dengan sembahyangnya dan masakannya pun berbau ke sebelah menyebelah. Dinding yang ada sekarang nipis sangat. Pendek kata suara

bercakap sebelah dengar dan apa dibuat disebelah sana, sebelah sini pun tahu. (*Ketawa*). Minta maaf saya bercakap ini, harga rumah itu murah, sebab kita berkehendakkan harga yang murah.

Kalau tahukan masalah itu, bolehkah atau tidak kerajaan mengasingkan, blok ini untuk orang Islam sahaja, blok ini untuk orang Cina sahaja dan lain-lain dalam satu kawasan tidak apa, tetapi di lain-lain blok. Saya fikir ini lebih baik kerana kalau ikut dasar sekarang ini tidak, dia main cabut undi, siapa dapat sebelah duduk sebelah. Ini saya harap Kerajaan dapat menimbangkan untuk kebajikan kita bersama.

Dato Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Berhormat Senator yang mengemukakan masalah-masalah penduduk-penduduk yang berapat-rapat dalam perancangan perumahan. Rancangan Perumahan dalam bandar sebagaimana kita sedia maklum tanah adalah susah dan rancangan itu mengikut density yang kita buat itu kerana hendak rendahkan harga rumah, terpaksa kita adakan satu skim sebagai pilot projek mengenai tanah dalam bandar ini. Di luar bandar tanah banyak, saya bersetuju di dalam kawasan yang tanah banyak kita tidak adakan density terlampau banyak dan kita jauh-jauhkan sedikit.

Mengenai kaum-kaum itu atas pemberian tanah ini sepertimana saya juga berkali-kali mengatakan bahawa Kementerian saya telah menyediakan peruntukan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membina rumah awam kos rendah dan bagi hendak menentukan untuk membahagi-bahagikan rumah-rumah itu adalah terpulang kepada budibicara Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa berhubung rapat untuk mengatasi apa-apa masalah yang ditimbulkan oleh orang ramai, oleh rakyat supaya perkara-perkara itu dapat selesai dan dapat diduduki dengan baik oleh rakyat lebih-lebih lagi mereka yang berlainan agama supaya tempat tinggal itu dibahagikan blok. Jadi saya bersetuju seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu supaya blok-blok itu diasingkan supaya tidak dicantumkan satu blok itu diduduki beramai-ramai begitu. Saya ucapkan terima kasih.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya,

cukup senang. Sekarang apabila ditanya berkenaan perumahan, maknanya tanah juga. Menteri Tanah mengatakan: saya tidak bertanggung jawab sebab tanah dipunyai oleh State. Bila ditanya Menteri Perumahan, ia mengatakan tanah ini dipunyai oleh State tetapi manifesto kita mengatakan tiap-tiap rakyat dalam negeri mesti ada perumahan. Kalau tidak perumahan rakyat memang susah. Jadi sekarang ini pula ada State mengatakan tidak boleh ditukar syarat tanah yang lebih daripada 10 ekar.

Saya hendak tahu, bolehkah atau tidak ketiga-tiga Kementerian ini duduk, sebab Menteri Tanah mengatakan panggil Commissioner of Land and Mines bermesyuarat. Commissioner of Land and Mines pun tidak boleh menentukan oleh kerana ini adalah state matters. Bolehkah ini jadi political matters. Kalau state matters tidak boleh political matters boleh. Bolehkah atau tidak dijadikan political matters supaya rakyat mendapat rumah, baik murah atau rumah tidak murah, mendapat rumah supaya tidak ada kekurangan rumah, harga murah melambungkan dengan sebab itu Menteri Perumahan betul-betul menjalankan perkara ini supaya dapat satu dasar untuk negara ini.

Dato Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawabnya boleh, seperti saya telah katakan tadi polisi perumahan ini mengikut dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga dan dalam manifesto Barisan Nasional, bila sebut perkataan Barisan Nasional, Kerajaan Pusat Barisan Nasional, Kerajaan Negeri Barisan Nasional. Saya katakan boleh tadi kita menkaji dari masa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat sekali lagi saya telah menyatakan satu rangka memorandum akan dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas masalah-masalah yang ada pada hari ini bagi hendak mengatasi itu. Sekarang ini kita tidak dapat, bagaimana soalan Yang Berhormat itu, hendak menentukan satu dasar. Walaupun cadangan itu satu cadangan yang baik dan sebagainya tetapi implikasinya yang kita hendak timbangkan sedalam-dalamnya supaya masalah itu bila dibuat tidak sebagaimana kata orang tua-tua: rumah sudah, pahat berbunyi. Kita akan timbangkan.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Soalan tambahan. Saya suka minta pengertian daripada Yang Berhormat Timbalan

Menteri. Benarkah atau tidak Kementerian Perumahan ini tidak membina rumah akan tetapi diberi peruntukan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membina rumah dan terpulanglah kepada Kerajaan Negeri untuk membina rumah-rumah yang dikehendaki oleh Kementerian itu. Oleh yang demikian, hanya Kementerian Perumahan sahaja meletakkan dasar dan asas rupa bentuk yang dikehendaki dibina tetapi terpulanglah kepada Kerajaan Negeri mempunyai kuasa di atas tanah untuk mengatur pembinaan yang sedemikian.

Dato Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Kementerian saya yang di beri kepada Kerajaan Negeri iaitu Kerajaan Negeri membangunkan rumah melalui SEDC. Kerajaan Negeri ada memberi tanah tetapi tidak mampu untuk melaksanakan rancangan perumahan. Kementerian saya ada satu Jabatan yang dinamakan Jabatan Perumahan Negara. Jabatan Perumahan Negara membangun rumah atas tanah yang diberi oleh Kerajaan Negeri dan Jabatan Perumahan membantu. Jadi ada dua, sebenarnya kedua-dua peruntukan ini adalah serupa kepada Kerajaan Negeri hanya setakat pelaksanaan yang mana banyak agensi-agensi sebab sesuatu bidang itu tidak dapat kita hendak tentukan satu saluran sahaja. Kita hendak berikan satu atau dua saluran kerana kita hendak membanyakkan rumah itu.

PEMILIKAN 30% BANGUNAN KEPADA BUMIPUTRA

9. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau akan mengadakan undang-undang supaya 30% bangunan di dalam bandar akan dimiliki oleh kaum bumiputra.

Dato Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu menyentuh masalah pemilikan bangunan. Sebenarnya Kementerian saya tidak bertanggungjawab ke atas perkara ini. Oleh yang demikian, saya tidak dapat memastikan sama ada Kerajaan akan mengadakan undang-undang atau sebaliknya dalam perkara ini. Walau bagaimanapun, sekiranya perkataan "Bangunan" yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah "rumah-rumah", maka saya ingin memberitahu bahawa syarat berhubung dengan

pemilikan rumah untuk bumiputra adalah ditentukan oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Pada masa ini boleh dikatakan semua Kerajaan Negeri menetapkan sekurang-kurangnya 30% daripada rumah yang dibina oleh sektor swasta dijual kepada bumiputra.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Sebelum saya bercakap saya minta maaf kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab saya bertalu-talu soal kepada beliau sahaja. Saya berasa sedih kerana Menterinya sendiri tidak pernah datang ke Dewan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak soal demi perpaduan keharmonian dan demi memandang jauh 50 tahun ke hadapan negara kita ini, saya soal 30% mesti dibuat kajian yang nyata dan konkrit. Sebelum saya soal saya terangkan. Kalau kita lihat di seluruh negara kita, khasnya di bandar-bandar kita dapati bumiputra tidak usahkan 30%, 5% pun tidak ada. Tengoklah bandar-bandar Kuala Lumpur, Taiping, Johor Bahru sampai Pulau Pinang dan ke mana sahaja menggambarkan satu ketimpangan keharmonian negara kita. Menteri yang bertanggungjawab hendaklah membuat satu kajian yang konkrit pada masa sekarang sehingga 50 tahun yang akan datang, walaupun itu sangat jauh.

Pada pandangan saya kalau kita tidak dapat kaji, generasi kita yang akan datang menggelakkan pemimpin atau pak menteri-pak menteri kita pada masa ini dan menyoal mengapa anak bumiputra ketinggalan langsung di bandar-bandar. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya bolehkah atau tidak, Menteri Perumahan dalam jangka pendek ataupun jangka panjang bahawa dalam masa 10 tahun ini bandar-bandar di seluruh negara kita ini ada anak bumiputra sekurang-kurangnya 30% atau kalau tidak dapat, 10% ada anak bumiputra yang mempunyai bangunan-bangunan atau rumah yang ada di bandar tersebut. Jikalau tidak boleh, saya hendak tanya mengapa. Mengapa diserahkan kepada Negeri? Yang sebenarnya, Menteri Perumahan bertanggungjawab sepenuhnya dalam dasar perumahan dalam negara ini. Tidak boleh kita katakan ini hal State padahal yang sebenarnya Menteri bertanggungjawab membuat satu matlamat yang nyata mengikut manifesto Barisan Nasional mensambalngkan kedudukan kita yang sebenarnya terutama sekali bumiputra.

Dato Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak ketinggalan mengucapkan terima kasih. Boleh atau tidak itu tidak timbul. Jikalau Yang Berhormat itu membaca buku Rancangan Malaysia Ketiga iaitu Dasar Ekonomi Baru, Kementerian saya terutama sekali melaksanakan projek-projek perumahan itu mengikut panduan-panduan di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Jadi di dalam Dasar Ekonomi Baru itu hari ini semua sekali rasa saya Kementerian ataupun daripada pihak Negeri akan mematuhi semua Dasar Ekonomi Baru yang diuntukkan sekian-sekian peratus. Masalahnya yang dikatakan 5% atau sedikit yang ditetapkan kepada orang-orang Melayu, sebenarnya kalaulah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri kepada bumiputra, jadi bumiputra tidak boleh berikan rumah itu kepada orang lain. Ada syarikat-syarikat yang tertentu yang patut kita semua maklum iaitu rumah ini mestilah diberikan kepada bumiputra yang ditentukan bagaimana yang saya katakan tadi iaitu Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri ada membuat peraturan ini yang saya nampak ada kejayaan sedikit sebanyak khususnya kepada bumiputra. Kalau Yang Berhormat memerhatikan terutama sekali di Johor Bahru, ada kejayaannya. Tetapi kita hendak terangkan di sini secara detail terlampau panjang, secara kasarnya maka saya refer iaitu kepada negeri Johor mendapat kejayaan dalam peruntukan rumah yang dibuat oleh pemaju dan yang didapati oleh pihak bumiputra.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan saya tidak berjawab langsung. Apa yang saya tanya secara tegas semua orang boleh faham apa pertanyaan saya itu. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat satu matlamat yang konkrit, yang nyata dan yang boleh dipraktikkan dari satu peringkat ke satu peringkat kepada anak bumiputra kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada suatu hari seorang kerabat di Raja melawat ke negeri kita, dia kata mana dia orang Melayu-bumiputra? Aku pergi daripada Johor Bahru Kuala Lumpur, Seremban sampai ke Pulau Pinang aku tidak nampak bumiputra di dalam bandar-bandar ini. Mana dia orang Melayu? Malu kita, Tuan Yang di-Pertua, jadi ini sebabnya, bukan sebab saya ini bercakap secara sentimen, tidak, tetapi secara keadilan demokrasi dalam negeri dan apa yang

tercatit di dalam Perlembagaan kita. Dalam semua bidang di negara kita ini, Menteri yang berkenaan bertanggungjawab menyempurna kehendak Perlembagaan ini. Misalnya, dalam bidang perumahan ini, Menteri mesti membuat satu matlamat yang nyata, yang berkesan dari peringkat ke peringkat. Ini saya tidak nampak.

Sekarang saya soal, saya tidak hendak cakap panjang lagi. Boleh atau tidak Timbalan Menteri menyatakan perkara ini akan dibuat dengan nyata secara peringkat demi peringkat.

Dato Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini boleh dikatakan Kementerian saya dan Kerajaan-kerajaan Negeri menetapkan sekurang-kurangnya 30% rumah-rumah yang dibina oleh sektor swasta dijual kepada bumiputra.

PAKAR BEDAH DI HOSPITAL JOHOR

10. Dato Sulaiman Ninam Shah (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan pakar-pakar bedah di hospital-hospital di Johor, dan sama ada terdapat rancangan untuk menambah bilangan pakar-pakar ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, kedudukan bilangan pakar bedah di hospital-hospital di negeri Johor ialah seperti berikut:

Hospital Besar, Johor Bahru	...	2
Hospital Daerah Muar	...	1
Hospital Daerah Segamat	...	1

Pada masa ini terdapat satu kekosongan jawatan pakar bedah di Hospital Daerah Batu Pahat dan Kementerian saya akan mengisi jawatan ini apabila ada pegawainya kelak.

Dato Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat dukacitalah menyatakan yang pakar-pakar bedah dan pakar-pakar lain sangat kekurangan dalam negeri Johor. Saya harap Kementerian yang berkenaan dapat membuat satu rancangan supaya dapat menambah pakar-pakar ini, kerana apa yang dikatakan oleh Menteri yang berkenaan tadi iaitu ada seorang pakar di Muar, Segamat dan Batu Pahat ada seorang. Yang sebenarnya pada masa-masa yang tertentu terus

tidak ada. Kalau ada dua atau tiga pakar barangkali sakit atau cuti dan sebagainya ada juga ganti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh, satu perkara yang berlaku iaitu di Muar tidak ada langsung pakar jantung. Sudah berapa lama? Barangkali berapa banyak orang yang mati kerana sakit jantung, pakar jantung langsung tidak ada. Tetapi saya terpaksa bercakap dalam Dewan yang bertuah ini, nasib kurang Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kena sakit jantung, dengan sebab beliau sakit jantung orang Muar untung dapat pakar jantung. Jadi kalau macam ini kita minta Menteri selalu sakit, barulah kawasan itu dapat pakar. Jadi begini susah keadaan. Ini cerita yang betul saya beritahu kepada Menteri yang berkenaan, begini keadaannya. Adakah perkara yang semacam ini suka berlaku dalam tanahair kita? Tolong Menteri yang berkenaan mengambil ingatan terutama sekali pakar-pakar ini mustahak, diikhtikarkan dan dihantar ke hospital-hospital daerah. Ini harapan saya. Saya harap dapat pengakuan daripada Menteri dalam perkara ini dan dapat mengatasi perkara yang semacam itu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, itu juga harapan saya.

"RED TAPE" DI PEJABAT KERAJAAN

11. Dr Choo Kooi Fook minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa perjanjian yang telah dibuat pada masa dahulu untuk mengurangkan "red-tape" di pejabat-pejabat Kerajaan adalah kurang berkesan dan jika ya, sama ada langkah-langkah lain yang lebih berkesan dapat dilaksanakan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan Yang Berhormat itu, saya suka menegaskan bahawa Kerajaan memberi perhatian yang berat dan mengambil tindakan perlu bagi mengurangkan redtape di pejabat-pejabat Kerajaan. Langkah-langkah tersebut adalah berkesan berlainan dengan apa yang diketahui oleh Yang Berhormat itu dan banyak peraturan-peraturan di pejabat telahpun dapat diperkemaskan dan dibuat lebih ringkas lagi.

Usaha-usaha terus akan dijalankan untuk memodenkan pentadbiran di pejabat-pejabat Kerajaan dengan tujuan mempercepatkan tindakan dan mengurangkan red-tape. Pihak MAMPU telah dan sedang menjalankan beberapa projek ke arah ini misalnya kajian pentadbiran di Pejabat-pejabat Tanah dan Pejabat Daerah. Matlamatnya ialah supaya urusan-urusan Kerajaan dapat dikendalikan dengan cekap dan pantas bagi faedah dan kesenangan orang ramai.

BIRO SIASATAN NEGARA

12. Tuan Abdullah bin Salleh minta Perdana Menteri menyatakan sebabnya Biro Siasatan Negara diambilalih oleh Jabatan Perdana Menteri dan sama ada selama ini Biro Siasatan Negara tidak dapat menjalankan tugas dengan sewajarnya.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Memandangkan kepada keazaman Kerajaan yang begitu kuat untuk membasmi rasuah dalam segala bentuk bagi mewujudkan pentadbiran yang cekap dan bersih, maka adalah didapati sangat wajar BSN ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Peralihan ini juga menyenangkan lagi pentadbiran Biro ini.

Saya suka juga menyatakan bahawa BSN telah menjalankan tugas-tugasnya dengan sangat memuaskan selama ini.

BADMINTON PIALA THOMAS

13. Tuan Yap Peng minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan persediaan yang dibuat dan langkah yang akan beliau ambil untuk merebut semula Piala Thomas di masa yang akan datang.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Chin Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, memang berbagai-bagai usaha dijalankan untuk memajukan sukan badminton dengan matlamat untuk memenangi Piala Thomas. Antaranya ialah menggalakkan ahli-ahli sukan yang muda

mengambil bahagian dalam sukan badminton, menyediakan pasukan yang muda dengan memberi latihan yang intensif, menggalakkan penyertaan pemain-pemain muda dalam badminton mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa.

Pembangunan sukan badminton adalah juga diselenggarakan oleh Persatuan Badminton Malaysia. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terus memberi kerjasama kepada Persatuan ini.

MAKANAN DALAM TIN— PEMERIKSAAN

14. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Kesihatan menyatakannya:

- (a) sama ada pemeriksaan masih dijalankan untuk memastikan bahawa barang makanan dalam tin yang dijual kepada orang awam adalah bersih dan selamat dan jika ya, nyatakan hasil pemeriksaan dan jumlah kes-kes penyelewengan yang telah didakwa di mahkamah; dan
- (b) tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk negara ini mengenai satu laporan surat khabar bahawa sejenis sotong yang ditinkan di Malaysia telah diharamkan di Filipina oleh kerana basi dan tidak sesuai lagi dimakan oleh manusia.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan ada memeriksa makanan-makanan dan makanan-makanan dalam tin di mana yang perlu, dan aktiviti ini adalah kian bertambah dari tahun ke tahun dengan adanya pertambahan kakitangan dan pengkhususan kita bagi menjalankan penyiasatan-penyiasatan ini. Sebanyak 13,141 contoh pelbagai makanan telahpun di analisa pada tahun 1979, termasuk 879 contoh makanan dalam tin. Dari jumlah ini, adalah didapati bahawa hanya 20 contoh sahaja, ataupun 2.3%, melanggar Peraturan Penjualan Makanan dan Ubat, 1952.

Empat dari kes-kes ini telahpun dihukum di mahkamah dan yang lain-lainnya telah diberi amaran untuk menghentikan penjualan makanan ini.

- (b) Kementerian Kesihatan sedang menyasiat mutu sotong yang dikatakan telah diharamkan oleh Negara Filipina. Buat masa sekarang eksport udang-udang beku yang dikupas dan dimasak dikawal dengan adanya piawai yang ditentukan oleh Kementerian. Kemungkinan untuk meluaskan lagi kawalan mutu ini kepada berbagai jenis makanan yang dieksport adalah sedang dipertimbangkan.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, sama ada Kementerian Kesihatan menyasiat atau memeriksa juga makanan dalam tin atau makanan mengawit (preserved food) yang dijual di Supermarket dalam negara kita dan sama ada tin-tin itu disebut tarikh yang selepasnya tidak selamat digunakan? Saya bertanya ini oleh sebab saya sendiri telah menderita sakit perut selepas minum-minuman dalam tin itu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, makanan dalam tin-tin memang diperiksa dari semasa ke semasa. Soal sama ada kita harus mengadakan peraturan supaya semua makanan dalam tin ini diletakkan tarikh-tarikh (shelf life) sedang dipertimbangkan oleh kerana ini boleh juga timbul masalah-masalah dan implikasi-implikasi yang lain, tetapi dan juga makanan-makanan dalam tin dan ubat-ubat dalam negara yang lain saya tahu mengadakan peraturan supaya tin-tin ini mesti diadakan satu tarikh dan lepas itu tidak dapat dijual lagi ataupun diharamkan.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga imej Malaysia ataupun menjaga nama baik negara kita, tidakkah pihak Kementerian membuat analisa atau membuat pemeriksaan barang-barang yang hendak dieksport keluar negeri kerana dijual di negeri-negeri lain supaya tidak berlaku sebagaimana yang telah berlaku, sotong yang ditinkan itu telah diboikot oleh Filipina dan ini telah menjatuhkan imej Malaysia dan pada masa yang akan datang Filipina tidak sanggup membeli lagi. Begitu juga sebagaimana telah kita dengar seumpamanya nenas Malaysia ini jika dinisbahkan dengan nenas

negeri lain jatuh mutunya, dengan sebab nenas kita ini pada masa hendak dieksport keluar negeri tidak diperiksa dengan betul-betul, tidak diserahkan kepada SIRIM dan tidak diambil berat oleh pihak Kementerian yang berkenaan. Bolehkah pada masa yang akan datang untuk menjaga imej Malaysia dan menjaga nama baik kita supaya tidak lagi tersentuh maka supaya perkara makanan yang hendak dieksport ke luar negeri terlebih dahulu mesti diperiksa dengan betul supaya tidak berlaku sebagaimana yang telah berlaku?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, kawalan mutu itu ada bermacam-macam. Dari segi pihak Kementerian Kesihatan kawalan mutu ialah supaya makanan yang dieksport itu tidaklah berbahaya dari segi kesihatan. Tetapi kalau mutu umpamanya nenas, kadang-kadang nenas ini cukup manis, masam, cair ataupun lain-lain itu satu mutu yang lain. Apa yang Kementerian mengawal sekarang ini ialah tentang adakah berbahaya atau tidak makanan yang dieksport itu. Tadi pun saya telah katakan bahawa Kementerian telah menentukan satu standard untuk udang-udang yang dieksport dan ini saya rasa sudah dijalankan dengan memuaskan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, Saya hendak bertanya sama ada boleh atau tidak sebab bila ditanya dahulu dikatakan boleh dibuat, iaitu macam negeri-negeri yang telah maju kerana negeri kita adalah akan menjadi negeri perusahaan dan kita hendak maju. Dengan sebab itu boleh atau tidak, terutama sekali minuman dan makanan ditetapkan hari keluarga, misalnya keluaran pada 1-1-1981 tidak boleh dimakan lagi pada 1-1-1982 - ada hadnya. Apabila orang tengok sudah ada tarikh ini sesudah itu tidak boleh dibeli lagi. Jadi boleh atau tidak dibuat begitu pada masa akan datang tiap-tiap kilang yang mengeluarkan makanan dan minuman.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, memang senang membuat satu peraturan seperti itu oleh kerana jikalau kita ada kuasa undang-undang bolehlah kita memaksa semua kilang-kilang membuat satu tanda supaya selepas tarikh itu tidak boleh dijual lagi, tetapi implikasi yang timbul ialah jikalau barang itu tidak laku oleh kerana sebab-sebab yang tertentu,

kilang itu akan mendapat satu kerugian yang besar. Ada kemungkinan implikasi inilah yang kita sedang mengkajikan sama ada orang yang telah membeli barang hendak pilih satu tin yang baru ataupun dia kata ini tin lama walaupun tarikhnya belum tamat, dia tidak mahu, dia tolak, hendak ambil tin baru sahaja. Ini ada satu implikasi yang kita sedang mengkaji dengan telitinya.

PROJEK KASBAN (KESELAMATAN DAN PEMBANGUNAN)

15. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apa yang telah dapat dilaksanakan dari projek KASBAN dan sama ada projek ini akan disertai oleh Kerajaan Thailand.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan KASBAN, iaitu ringkasan daripada keselamatan dan pembangunan, rancangan ini masih lagi dalam peringkat perancangan. Maka di bawah rancangan ini usaha pembangunan akan dipertingkatkan lagi khususnya di kawasan-kawasan pendalaman di sempadan negara kita Malaysia dan juga Thailand yang masih mundur.

Salah satu daripada prospek rancangan KASBAN di perbatasan Malaysia/Thai ini ialah unsur kerjasama dengan Thailand dengan membangunkan dengan serentak kawasan sempadan masing-masing supaya kemajuan sosio-ekonomi kedua-dua buah negara ini adalah sama. Hakikat ini telahpun disetujui oleh kedua-dua pihak dan telah disahkan dalam satu Mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia/Thai yang diadakan pada 12hb Mei, 1980. Kerjasama ini boleh juga merupakan perlaksanaan projek-projek usaha sama seperti mana memajukan kawasan Sungai Golok basin yang mengalir di sempadan kedua-dua buah negara.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa projek-projek ini diusahakan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat.

Yang kedua, adakah atas projek ini diberikan keutamaan, iaitu didahulukan daripada segala projek-projek yang lain.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, projek ini akan diusahakan oleh Kerajaan Pusat dengan menyalurkan rancangan-rancangan ini kepada Kerajaan-kerajaan Negeri oleh sebab rancangan ini akan dilaksanakan di negeri-negeri yang berkenaan, khususnya negeri-negeri sempadan seperti Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Sepertimana rancangan pembangunan negara yang lain juga, maka sebegitulah rancangan ini akan dilaksanakan. Oleh sebab rancangan ini sebagaimana yang saya katakan tadi masih lagi dalam peringkat perancangan, maka keutamaannya tidaklah berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 42 adalah diberi di bawah ini)

BIL AIR BAGI PENDUDUK BANDAR MARAN

16. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sebab-sebab penduduk bandar Maran Pahang terpaksa membayar bil air mereka beratus-ratus ringgit sekali dan sebab-sebabnya perkara ini telah dibiarkan berlaku begitu lama.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan Clarence E. Mansul): Sayogia dimaklumkan bahawa urusan pemeriksaan meter-meter air dikendalikan oleh JKR Negeri oleh kerana bekalan air adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

Saya telah difahamkan kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang berlaku disebabkan kelengahan pembaca meter yang berkenaan. Walau bagaimanapun, perkara ini telah diselesaikan dan pengguna-pengguna air yang berkenaan dibenarkan menjelaskan jumlah bayaran yang dikenakan itu secara beransur-ansur. JKR Pahang memberi jaminan perkara seumpama itu tidak akan berulang lagi.

URUSNIAGA PERUMAHAN SECARA GELAP

17. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau terhadap pemaju-pemaju perumahan yang melakukan kesalahan menjual rumah secara gelap.

Dato Haji Ramli bin Omar: Masalah kutipan atau pembayaran wang "under-the-counter" dalam urusan niaga perumahan hendaklah dipertimbangkan dari segi faktor-faktor dan suasana urusan niaga pada keseluruhannya yang menyebabkan kejadian-kejadian tersebut. Adalah mustahak untuk mewujudkan perspektif dalam masalah ini supaya usaha-usaha yang menyeluruh dapat diambil untuk mengatasinya.

Saya sedar bahawa amalan-amalan ini telah merebak dalam satu dua tahun yang lalu dan Yang Berhormat Senator mungkin faham bahawa masalah yang telah timbul itu merupakan satu kelemahan sementara dalam keadaan perindustrian perumahan pada amnya, di mana keperluan perumahan tidak seimbang dengan bekalannya. Ianya juga merupakan satu aspek "inflation psychology" yang amat rumit untuk diatasi yang pada akhirnya membayangkan kelemahan-kelemahan dikalangan para pembeli sendiri. Dengan demikian, sudah menjadi tugas utama Kementerian saya untuk mempergiatkan usaha-usaha bagi melipatgandakan rumah-rumah sama ada melalui program-program Kerajaan atau pihak swasta.

Saya suka menerangkan juga bahawa kutipan wang "under-the-counter" merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pencegah atau Undang-undang Hasil Dalam Negeri mengikut keadaan masing-masing atau pihak-pihak yang terlibat. Adalah sukar untuk menentukan sama ada pihak pemaju terlibat secara langsung atau pun seorang anggota syarikat telah melakukan penyelewengan tersebut secara persendirian. Kerap kali juga mereka yang terlibat adalah "orang tengah". Tambahan pula adalah sukar untuk mendapat bukti-bukti yang tertentu oleh sebab keengganan para pembeli untuk memberi maklumat dan melibatkan diri dalam penyiasatan. Kebanyakan aduan-aduan yang diterima adalah tidak beralamat.

Dengan demikian, Kementerian saya telah menyerahkan masalah ini kepada Biro Siasatan Negara yang mempunyai undang-undang dan pengalaman yang lebih luas dalam bidang ini, dan saya berharap mereka yang mempunyai maklumat-maklumat yang berkenaan akan berhubung terus dengan pihak BSN. Bagaimanapun Kementerian saya sedang meneliti masalah ini dengan mendalam dan bersama-sama dengan BSN dan Jabatan Hasil Dalam Negeri akan mencuba merancang satu strategi bagi mencegah perbuatan-perbuatan tersebut.

OLIMPIK DI MOSCOW

18. Tuan K. Kumaran minta Mentari Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Malaysia akan mengambil bahagian dalam sukan Olimpik di Moscow jika Russia berundur dan menarik balik tenteranya dari Afghanistan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Soalan ini telah dijawab pada 11hb April, 1980. Pertanyaan dari Yang Berhormat Datuk Wee Khoo Hock dan jawapan pada 14hb April, 1980 pertanyaan dari Yang Berhormat Tuan Chua Ching Cheng.

FELDA—PEMOHON DARI KAUM INDIA

19. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk memberikan lebih banyak peluang kepada pemohon dari kaum India untuk memasuki Rancangan FELDA.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusuf): Kementerian saya telahpun memberi layanan yang serupa kepada pemohon-pemohon dari semua kaum untuk memasuki rancangan FELDA. Bagaimanapun sebagaimana yang tuan maklum buat masa ini calon-calon menunggu dari pihak kaum India untuk menyertai rancangan FELDA pada 14-6-1980 adalah berjumlah 1,174 daripada jumlah besar 16,289. Sebagaimana yang telah saya nyatakan kepada soalan Yang Berhormat Encik Subramaniam pada 25 haribulan yang lepas, kemasukan peneroka ke rancangan-rancangan FELDA bukanlah hak Kementerian ini sahaja,

tetapi ianya tertakluk kepada dasar-dasar yang diamalkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di mana rancangan-rancangan FELDA itu ditempatkan.

Oleh kerana setengah daripada kawasan Rancangan FELDA ini dibuka di dalam kawasan simpanan Melayu maka pemohon-pemohon daripada bukan Bumiputra tidak dapat ditempatkan. Selain dari itu adalah sukar bagi FELDA menempatkan kesemua calon-calon bukan Bumiputra ke rancangan-rancangan yang boleh menempatkan mereka kerana rancangan-rancangan ini juga terpaksa dimasukkan peneroka-peneroka Bumiputra supaya ianya mencerminkan kedudukan rakyat negara kita. Sebaliknya, ada setengah-setengah negeri yang menghadkan kemasukan peneroka ke rancangan FELDA didalam negeri itu kepada calon-calon yang berasal daripada negeri itu sahaja. Bagaimanapun Kementerian saya akan berikhtiar supaya bukan sahaja kaum India banyak dimasukkan ke rancangan-rancangan FELDA tetapi supaya kemasukan peneroka-peneroka ke rancangan FELDA adalah adil dan menurut semangat Dasar Ekonomi Baru.

MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU— PENCAPAIAN BUMIPUTRA

20. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk membantu kaum Bumiputra mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dengan jayanya.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk memastikan agar matlamat Dasar Ekonomi Baru tercapai. Umpamanya, dalam usaha untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, Kerajaan telah dan sedang berusaha melaksanakan:

- (a) Rancangan pembangunan in-situ yang menekankan kepada pembangunan kawasan pertanian termasuklah projek pembangunan tanah, projek parit dan taliair, penanaman semula getah, kelapa, nenas dan sebagainya serta projek-projek yang disatukan ataupun integrated project yang mengutamakan daya pengeluaran yang tinggi melalui penggunaan teknik pertanian moden, benih dan baja yang bermutu tinggi.

(b) Selain daripada itu Kerajaan juga terus berusaha untuk menambahkan penyediaan kemudahan-kemudahan sosial seperti perumahan kos rendah, perluasan perkhidmatan kesihatan, pelajaran, kemudahan letrik dan bekalan air di kedua-dua sektor bandar dan luar bandar.

Dalam usaha untuk menyusun semula masyarakat pula, antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan adalah:

- (a) memastikan kadar 30% daripada ekuiti pengedaran syarikat-syarikat yang dikhaskan kepada kaum Bumiputra dipenuhi. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa mengawasi supaya syarat ini dilaksanakan oleh syarikat-syarikat berkenaan;
- (b) Di mana Bumiputra tidak mempunyai modal yang cukup untuk memilikinya, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk memiliki sementara saham-saham tersebut sebagai pemegang amanah kepada Bumiputra. Satu Yayasan Pelajaran Bumiputra juga telah ditubuhkan bertujuan untuk menjamin peningkatan usaha menambah hakmilik Bumiputra dalam bidang berkenaan;
- (c) pusat-pusat pengajian dan latihan seperti Institut Teknologi MARA, Pusat Daya Pengeluaran Negara dan lain-lain juga telah dipergiatkan usaha untuk membantu Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Bank-bank perdagangan juga telah berperanan penting membantu dari segi penyediaan modal dan khidmat nasihat bagi Bumiputra menjalankan perniagaan mereka.

Di samping itu, Kerajaan sentiasa memastikan jentera pentadbiran dan pembangunan negara diperbaiki dari semasa ke semasa untuk menambahkan lagi kecekapan dan kemampuan pelaksanaannya di semua peringkat. Untuk menjamin pentadbiran yang gigih, dedikasi dan berkesan usaha-usaha berhubung dengan perkhidmatan cemerlang dan pemodenan pentadbiran sedang dijalankan.

Saya percaya dengan adanya usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan antaranya sebagaimana disebut tadi, serta usaha-usaha

yang gigih dari Bumiputra sendiri matlamat Dasar Ekonomi Baru akan dapat dicapai seperti yang dijadualkan.

PELURU SENAPANG JENIS M. 16— PEMBELIAN

21. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Pertahanan menyatakan dari negara manakah Kementerian beliau membeli peluru-peluru bagi senapang jenis M.16.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Peluru-peluru bagi senapang jenis M.16 adalah dibeli menerusi kontrak-kontrak peluru yang ada sekarang (Ball, Blanks dan Tracer) daripada negara Korea, Perancis dan Malaysia. Pembelian juga pernah dibuat sebelum ini daripada negara Amerika Syarikat bagi jenis "Ball" dan Jerman Barat bagi jenis "Blanks".

"OUTPUT OF WORK" PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM

22. Dr Choo Kooi Fook minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan tidak menerima "output of work" yang seimbang dengan pembayaran gaji apabila dibandingkan dengan "output of work" di sektor swasta dan jika ya, apakah tindakan positif yang boleh dilaksanakan untuk menseimbangkannya.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Kenyataan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan tidak menerima "output of work" yang seimbang dengan pembayaran gaji apabila dibandingkan dengan "output of work" di sektor swasta itu adalah tidak benar. Ini sudah terbukti apabila Perkhidmatan Awam berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah rancangan-rancangan pembangunan negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memperbaiki daya pengeluaran dan keupayaan serta prestasi pegawai-pegawai dan kakitangan dalam sektor awam melalui latihan-latihan dan memperkemas Peraturan-peraturan (Kelakuan/Tatatertib) serta menjalankan kawalan yang rapi ke atas mereka dan mengenakan hukuman tindakan tatatertib terhadap mereka yang bersalah. Selain dari itu seruan kerap kali dibuat supaya semua pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam sentiasa mengamalkan etika perkhidmatan cemerlang.

PERUMAHAN DI NEGERI BELANDA— HASIL LAWATAN MENTERI

23. Tuan Yap Peng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan hasil dari lawatan beliau ke Negeri Holland baru-baru ini berhubung dengan sistem perumahan di sana.

Dato Haji Ramli bin Omar: Saya telah membuat lawatan ke Negeri Belanda (Holland) pada 20hb hingga 22hb Mei, 1980 yang lalu. Tujuan lawatan saya itu bukan sahaja untuk meninjau perkara-perkara yang berkaitan dengan perumahan tetapi juga meliputi perkara-perkara berhubung dengan Kerajaan Tempatan. Di dalam lawatan tersebut saya telah meninjau program-program perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Belanda dan telah membincangkan dengan pihak berkuasa Negeri Belanda perkara-perkara mengenai dasar pemilikan perumahan, pelaksanaan rancangan perumahan terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah serta kaedah-kaedah perancangan yang diamalkan bagi kawasan-kawasan perumahan.

Saya juga telah meneliti rancangan-rancangan latihan dalam bidang perumahan dan Kerajaan Tempatan yang terdapat di negara tersebut dan telah merundingkan tentang kemungkinan Kerajaan menghantar pegawai-pegawai kita untuk mengikuti kursus/menjalani latihan di Negeri Belanda.

KESUSASTERAAN NEGARA

24. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian beliau akan mengambil alih usaha-usaha pembangunan kesusasteraan negara; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Kesusasteraan adalah sebahagian daripada kebudayaan dan oleh yang demikian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa memberi perhatian dan berusaha untuk memajukan kesusasteraan negara. Seperti mana yang Yang Berhormat sedia maklum, antara agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam pembangunan kesusasteraan ialah Kementerian Pelajaran melalui, khususnya, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian saya tidak bercadang hendak mengambil alih tugas-tugas yang dijalankan oleh agensi-agensi

tersebut tetapi sebaliknya akan terus memberi kerjasama ke arah pembangunan kesusasteraan kepada agensi-agensi yang berkenaan, termasuk Persatuan-Persatuan Bahasa dan Kesusasteraan.

HARGA RUMAH—KENAIKAN

25. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sikap Kerajaan berhubung dengan kenaikan harga rumah dari semasa kesemasa yang begitu tinggi hinggalah setengah golongan rakyat tidak berkemampuan untuk memilikinya.

Dato Haji Ramli bin Omar: Kerajaan memang memandang berat mengenai soal kenaikan harga ini dan setakat yang boleh Kementerian saya senantiasa menasihatkan pemaju-pemaju perumahan swasta supaya tidak menaikkan harga rumah-rumah mereka terlalu tinggi. Pada masa ini Kerajaan tidak mengadakan apa-apa kawalan harga rumah dan seperti yang telah dijelaskan di dalam Dewan ini pada masa-masa yang lalu untuk mengawal harga rumah perlu diadakan satu cara penyelesaian yang total di mana pada masa ini ada di antara faktor-faktor yang di luar keupayaan Kerajaan untuk mengawalinya. Sehingga perkara-perkara di atas dapat diselesaikan Kerajaan terpaksa membenarkan perusahaan perumahan berjalan secara perusahaan bebas. Walaupun begitu, satu bentuk kawalan mengenai harga rumah ada terdapat di dalam keadaan-keadaan yang sesuai di mana pihak Kerajaan-kerajaan Negeri biasanya menetapkan harga rumah-rumah harga rendah untuk dijual kepada golongan rakyat yang berpendapatan rendah.

DOKTOR PAKAR/BIASA— KEKURANGAN

26. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa negeri ini masih kekurangan bukan sahaja doktor pakar tetapi juga doktor biasa dan jika sedar nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Kementerian Kesihatan sedar tentang kekurangan doktor-doktor ketika ini termasuklah doktor biasa. Langkah-langkah telah

dan sedang diambil untuk mengatasi masalah ini. Satu daripadanya ialah dengan menggalakkan doktor-doktor supaya berkhidmat terus dengan Kerajaan. Caranya ialah dengan memberi insentif yang baik dan menarik kepada mereka. Sebagaimana Yang Berhormat maklum bahawa mulai bulan Julai tahun ini, gaji pegawai-pegawai Kerajaan, termasuklah doktor, telahpun disemak dengan elaun-elaun yang tertentu. Dengan semakan gaji ini adalah diharap lebih ramai doktor-doktor akan sanggup terus berkhidmat dengan Kerajaan.

Selain daripada itu, Kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan beberapa jawatan atasan untuk meluaskan lagi peluang kenaikan pangkat bagi doktor-doktor itu. Ini termasuklah kenaikan taraf jawatan Ketua Pengarah Kesihatan daripada Tingkatan Tertinggi "A" ke Turus III dan keujudan satu jawatan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan di Tingkatan Tertinggi "A". Di samping itu juga rancangan-rancangan latihan untuk doktor-doktor sedang dikaji bagi mengadakan peluang-peluang lebih banyak untuk mereka mengikuti latihan-latihan ini sama ada di dalam atau di luar negeri. Selain daripada langkah-langkah tersebut, Kerajaan juga telah berusaha menambah bilangan doktor-doktor dinegara ini dengan cara menambah bilangan penuntut yang diambil untuk mengikuti kursus perubatan di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kerajaan juga akan mengujudkan fakulti perubatan perubatan yang ketiga tidak lama lagi di Universiti Sains Malaysia. Dengan adanya ketiga-tiga fakulti ini, adalah diharapkan bilangan penuntut perubatan akan bertambah lagi seramai 400 orang. Sebagai satu langkah sementara maka Kerajaan juga telah mengambil doktor-doktor dari negara-negara jiran untuk berkhidmat di negara ini untuk masa-masa yang tertentu secara kontrak.

RASUAH DALAM PERTANDINGAN BOLASEPAK

27. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada pemain-pemain dan pegawai-pegawai Sukan Malaysia terlibat dalam rasuah di arena bolasepak semasa pertandingan Pre-Olimpik Group di Kuala Lumpur baru-baru ini dan jika ada nyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Sepanjang yang diketahui, tidak ada pemain-pemain dan pegawai-pegawai sukan Malaysia yang terlibat dalam rasuah di arena bola sepak semasa pertandingan Pre-Olimpik Group di Kuala Lumpur baru-baru ini.

SYARIKAT PENERBANGAN KEDUA

28. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Pengangkutan menerangkan bilakah Syarikat Penerbangan yang kedua akan ditubuhkan seperti yang pernah diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini.

Dr Goh Cheng Teik: Jawapan kepada pertanyaan yang hampir sama telah pun diberi di Dewan ini semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan S. I. Rajah pada 23hb Jun, 1980.

CAMPURTANGAN RUSSIA DI AFGHANISTAN

29. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap Kerajaan Malaysia terhadap Kumpulan-Kumpulan Pejuang Islam Afghanistan yang berjuang menentang campurtangan Russia di Afghanistan dan rejim bonekanya di Kabul sekarang ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauden Al-haj): Pendirian Kerajaan Malaysia terhadap soal campurtangan tentera Soviet di Afghanistan dan kesankesannya terhadap negara itu dan rakyatnya adalah berbandukan kepada resolusi-resolusi yang telah dicapai oleh Sidang Tergempar Persidangan Negara-negara Islam di Islamabad dalam bulan Januari 1980 dan Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam ke 11 pada bulan Mei 1980 yang selaras dengan resolusi Bangsa-bangsa Bersatu mengenai masalah Afghanistan.

Perkara-perkara pokok dalam resolusi-resolusi ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengecam campurtangan tentera Soviet terhadap orang-orang Afghanistan;
- (ii) Menyeru supaya semua tentera-tentera Soviet diundurkan dari Afghanistan dengan sertamerta tanpa apa-apa syarat;

- (iii) Menegaskan sekali lagi hak rakyat Afghanistan untuk menentukan sendiri bentuk kerajaan yang mereka ingini;
- (iv) Menyeru semua negara-negara menghormati kedaulatan, keutuhan wilayah dan kemerdekaan Afghanistan;
- (v) Mendesak supaya diwujudkan keadaan yang sesuai supaya pelarian-pelarian Afghanistan kembali ke tanah air mereka; dan
- (vi) Merayu kepada semua negara supaya menghulurkan bantuan untuk mengatasi kesengsaraan hidup yang dihadapi oleh pelarian-pelarian Afghanistan.

Dalam usaha-usaha untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut di atas, Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam ke 11 telah menubuhkan satu Jawatankuasa Tiga Orang yang dianggotai oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam dan Menteri-menteri Luar Iran dan Pakistan, supaya berusaha mencari satu penyelesaian terhadap masalah ini dengan mengadakan rundingan damai. Jawatankuasa ini telah memulakan rundingannya di Teheran dengan pihak Mujahiddeen Afghanistan. Rundingan kali kedua telah diadakan di Geneva beberapa hari yang lalu. Saya difahamkan rundingan-rundingan ini masih lagi diteruskan.

Malaysia adalah berpandukan kepada keputusan Persidangan Islam mengenai pendirian pihak Mujahiddeen Afghanistan apabila Pertubuhan itu mengkaji cadangan-cadangan Jawatankuasa Tiga Orang itu terhadap langkah selanjutnya yang akan diambil untuk mencapai satu penyelesaian yang menyeluruh terhadap masalah Afghanistan itu.

KAMPUCHEA—PENYELESAIAN DENGAN VIETNAM

30. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada ASEAN akan meneruskan usaha untuk mencari penyelesaian politik di Kampuchea walaupun perkara ini sudah terang-terang ditolak oleh Vietnam.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Saya kurang setuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat yang meramalkan bahawa

Vietnam telah terang-terang menolak usaha negara-negara ASEAN untuk mencari penyelesaian menerusi lunas-lunas politik mengenai konflik di Kampuchea.

Kita berpendapat bahawa Vietnam masih lagi menunjukkan sikap bersedia untuk berunding dengan negara-negara ASEAN bagi menyelesaikan sengketa ini. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedar, Menteri Luar Vietnam telahpun mengadakan lawatan dan perbincangan dengan saya dan rakan-rakan sejawat saya di Thailand dan Indonesia dan membincangkan perkara ini. Sungguhpun diakui negara-negara ASEAN mempunyai pandangan yang berbeza dengan Vietnam mengenai soal tersebut, dengan adanya keinginan untuk meneruskan rundingan oleh kedua-dua belah pihak, maka perbezaan pandangan yang kini wujud diharapkan dapat dikurangkan dan akhirnya saya percaya suatu penyelesaian politik akan dapat dicapai juga.

Di samping itu, sukalah juga saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa negara-negara ASEAN terus berpendapat dan berdamping rapat dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam usaha mencari jalan bagi menyegerakan proses pelaksanaan Resolusi PBB berkenaan situasi di Kampuchea sehingga suatu penyelesaian politik yang berkekalan di Kampuchea akan menjadi suatu kenyataan.

JABATAN PERUBATAN NEGERI SABAH—PERSARAAN KAKITANGAN

31. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar ramai kakitangan Jabatan Perubatan di Sabah yang akan bersara tidak diberitahu dengan bertulis terlebih dahulu dan tiba-tiba mereka diberitahu dengan cara mulut atau melalui talipon sahaja bahawa mereka telah bersara pada hari mereka bertugas; jika sedar, apakah langkah-langkah beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Menurut peraturan yang ada sekarang, seorang pegawai yang telah mencapai umur 55 tahun adalah diwajibkan bersara. Pada kelazimannya, patut setiap tahun satu senarai kakitangan-kakitangan Jabatan Perubatan Negeri Sabah

yang akan genap 55 tahun (umur wajib bersara) pada tahun berikutnya akan disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Perjawatan Persekutuan, Cawangan Sabah dan Bahagian Pencen Bendahari Negeri. Kakitangan-kakitangan yang akan bersara biasanya diberitahu secara rasmi 6 bulan sebelum tarikh persaraannya.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kes di mana tarikh lahir seseorang kakitangan itu tersalah dicatatkan di dalam Rekod Perkhidmatan semasa perantikannya. Apabila didapati bahawa tarikh lahir yang dicatat dalam surat keterangan beranak (late registration) atau Kad Pengenalan kakitangan itu adalah berbeza daripada tarikh yang tercatat di dalam Rekod Perkhidmatan dan mengikut tarikh lahir sebenar (iaitu yang dicatat dalam surat keterangan beranak atau Kad Pengenalan), kakitangan itu walaupun wajib bersara, sepatutnya mereka sudah bersara. Oleh itu kakitangan-kakitangan tersebut terpaksa diarah untuk bersara serta merta setelah kelulusan diperolehi daripada Pegawai Perjawatan Persekutuan Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, kes-kes serupa itu tidak banyak kerana peraturan ini hanyalah melibatkan mereka yang dilantik sebelum tahun 1957.

VIETNAM—PENDAPAT ASEAN

32. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada terdapat perbezaan pendapat di antara Malaysia, Thailand dan Singapura dalam menghadapi masalah kedudukan perhubungan ASEAN dengan Vietnam.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tidak timbul soal adanya terdapat perbezaan pendapat di antara negara-negara ASEAN terutamanya Thailand, Singapura dan negara kita berkenaan perhubungan ASEAN/Vietnam seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Ini ialah kerana dalam banyak hal, terutamanya dalam perkara hubungan ASEAN/Vietnam, negara-negara tersebut adalah bersatu dan sebulat suara dalam menyuarakan pendirian dan perasaan tidak senang hati kita terhadap pencabulan dan campurtangan tentera Vietnam di Kampuchea pada bulan Disember, 1978 seperti yang terkandung dalam Kenyataan Bersama Negara ASEAN pada 12hb Januari 1979, 21hb Februari 1979

dan 14hb Disember 1979. ASEAN juga telah sebulat menyokong Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu No. 22/34 atas perkara konflik di Kampuchea.

Dalam beberapa bulan yang lepas pemimpin-pemimpin ASEAN telah mengadakan lawatan antara satu sama lain untuk membincangkan dan bertukar-tukar pendapat berkenaan perkembangan serantau. Ini jelas dilihat dalam lawatan Perdana Menteri Thailand ke Malaysia, perbincangan Dato' Hussein Onn dan Presiden Suharto di Kuantan, dan lawatan Dato' Hussein Onn ke Singapura untuk menemui Perdana Menteri Lee Kuan Yew. Begitu juga lawatan Perdana Menteri baru Thailand, Gen. Prem Tisulanonda ke semua negara ASEAN. Dalam perbincangan mereka tidak terdapat sebarang perbezaan dalam soal menghadapi apa-apa masalah yang timbul terutamanya yang berkaitan dengan ancaman, terhadap keamanan, keselamatan dan kestabilan di rantau ini.

DAILOG ANTARA ASEAN-INDIA

33. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah resolusi dan hasil-hasil yang diperolehi berikutan dengan dailog yang telah diadakan antara negara-negara ASEAN dan India di Kuala Lumpur baru-baru ini dan apakah tajuk mengenai kepentingan pertahanan bersama yang dibincangkan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Dailog ASEAN dan India di Kuala Lumpur baru-baru ini adalah yang pertama kali diadakan di mana hal-hal kerjasama dua hala dalam bidang-bidang ekonomi, perdagangan, sains dan teknologi diperbincangkan. Dailog tersebut merupakan usaha ASEAN untuk menjalin hubungan yang rapat dengan negara-negara membangun yang mana India merupakan negara pertama bagi ASEAN berbuat demikian. Dailog ini adalah satu proses yang berterusan.

RUNDINGAN DENGAN MENTERI LUAR VIETNAM

34. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil yang tercapai dalam rundingan beliau dengan Menteri Luar Negeri Vietnam, Nguyen Co Thach.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat soalan yang hampir serupa telahpun dijawab pada 23hb Jun, 1980 yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein.

PENGGUNAAN TULISAN JAWI

35. Datuk Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan usaha dan langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelaraskan penggunaan tulisan Jawi.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 9, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Disemak 1971), tidak melarang penggunaan tulisan Jawi bagi bahasa kebangsaan.

Kerajaan Persekutuan sedar memang terdapat Kerajaan-kerajaan Negeri yang mengambil daya usaha sendiri untuk mempergiatkan penggunaan tulisan Jawi di dalam bidang pentadbiran dan lain-lain. Perkara ini bukanlah baru dimulakan, bahkan ianya telah menjadi satu amalan dan tradisi kepada negeri-negeri berkenaan. Terpulanglah kepada budi bicara Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan untuk menyelaraskan penggunaan tulisan Jawi itu.

Di peringkat Persekutuan urusan-urusan pentadbiran yang ada kaitan dengan Ugama Islam dan juga bidang-bidang lain yang berhubung dengan memang ada menggunakan tulisan Jawi. Di bidang pelajaran pula, rancangan-rancangan telah diambil seperti menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji dan meneliti sukatan pelajaran Jawi yang sedia ada sekarang ini untuk mengujudkan suatu sukatan pelajaran yang dapat mendatangkan lebih banyak kesan terhadap pengajaran mata pelajaran ini. Di samping itu Jawatankuasa ini dapat menentukan taraf kemahiran yang dikehendaki di peringkat sekolah rendah dan menengah. Kementerian Pelajaran juga sedang mengumpulkan maklumat tentang pengajaran "Jawi Asas" yang difikirkan dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Buku-buku ugama telahpun dicetak di dalam tulisan Jawi, bagi menolong memberi murid-murid lebih banyak pendedahan kepada penggunaan tulisan Jawi.

INFLASI AKIBAT KENAIKAN GAJI KAKITANGAN KERAJAAN— LANGKAH MENCEGAH

36. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa memandang kenaikan gaji kepada kakitangan Kerajaan apakah tindakan yang Kementeriannya telah atau akan diambil untuk menjamin bahawa wang-wang yang ditambahkan oleh kenaikan gaji itu tidak akan mendorong keburukan inflasi dan akhirnya mungkin tidak membuat faedah kepada kenaikan gaji itu.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Kerajaan akan sentiasa mengawasi keadaan inflasi dengan teliti dan tidak akan membiarkan semakan gaji kakitangan Kerajaan menambahkan tekanan ke atas atau memburukkan inflasi. Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah fiskal, kewangan dan pentadbiran bagi menahan tekanan inflasi. Semua langkah-langkah tersebut telahpun dihuraikan dengan panjang lebar oleh Menteri Kewangan beberapa kali dalam Dewan ini dan tidaklah perlu bagi saya mengulangi langkah-langkah tersebut sekali lagi di sini. Kerajaan yakin bahawa langkah-langkah tersebut akan dapat mengatasi masalah inflasi dengan jayanya dan menstabilkan kenaikan harga pengguna pada paras yang sederhana sebanyak 6% pada tahun ini.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang meningkatkan usaha-usaha bagi mencegah kenaikan harga yang berlebihan dan amalan-amalan penyelewengan di kalangan peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab berikutan dari semakan gaji kakitangan-kakitangan Kerajaan dalam bulan Julai tahun ini. Ini termasuk langkah-langkah memeriksa tanda harga bagi barang-barang kawalan dan bukan kawalan di kedai-kedai dan pasar, mengawasi bekalan dan pengedaran barang-barang pengguna supaya masalah kekurangan bekalan dapat diatasi dengan lebih cepat lagi dan mencegah kegiatan-kegiatan sorok dan spekulasi ke atas barang-barang keperluan.

Sungguhpun demikian, saya perlu menegaskan di sini bahawa Kerajaan memerlukan kerjasama yang penuh dari rakyat dalam usaha menentang kenaikan harga yang tidak berpatutan. Penyertaan yang lebih menyeluruh adalah perlu, terutama sekali oleh pengguna-pengguna bagi mewujudkan tindakan ber-

sama untuk menstabil dan mengurangkan harga setakat mana yang boleh. Janganlah kita boros dan membuang duit dengan keterlaluan pada benda dan perkara-perkara yang tidak mustahak oleh kerana perbuatan ini akan boleh menambahkan inflasi. Pengguna-pengguna seharusnya lebih berdisiplin dalam tabiat berbelanja dan menyimpan wang supaya dapat mengelakkan diri dari masalah inflasi.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh membantu Kerajaan dalam usaha ini dengan memberikan kepimpinan dan panduan kepada rakyat bagi membantu usaha Kerajaan untuk menahan kenaikan harga.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan akan berusaha bersungguhsungguh bagi mengurangkan kesan inflasi ke atas prestasi ekonomi negara dan paras pendapatan sebenar dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil langkah-langkah tegas yang lain, jika perlu bagi membendung inflasi.

CUKAI EKSPORT MINYAK MENTAH

37. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebabnya Kerajaan tidak mengenakan cukai eksport minyak mentah dari negara ini pada masa-masa yang lampau.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Pada masa yang lalu duti eksport telah dikenakan ke atas bahan-bahan utama seperti getah dan bijih timah oleh kerana perusahaan-perusahaan ini telah berkembang dan maju serta pulangan ke atas pelaburan telah diperolehi. Sejarah dengan ini maka patutlah Kerajaan mengenakan duti eksport ke atas bahan-bahan ini. Di sebaliknya bagi perusahaan-perusahaan yang baru seperti koko, minyak mentah dan sebagainya, duti eksport tidak dikenakan dengan sebab pulangan ke atas pelaburan belum dapat diperolehi lagi. Tetapi pada masa ini Kerajaan berpuashati bahawa syarikat-syarikat yang mengendalikan perusahaan minyak mentah telah mendapat pulangan di atas pelaburan mereka di dalam perusahaan ini dan oleh yang demikian semenjak 25hb April, 1980 Kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengenakan duti eksport ke atas minyak mentah iaitu atas nilai bahagian 'profit oil'.

GURU-GURU SEKOLAH TAMIL— KURSUS PENTADBIRAN

38. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan kursus Pengurusan semasa cuti bagi guru-guru Sekolah Tamil memandangkan kekurangan guru terlatih di Sekolah-sekolah Tamil di seluruh Malaysia.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Berhubung dengan soalan ini, saya percaya yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah kursus pengurusan dan pentadbiran sekolah-sekolah bagi Guru-guru Besar Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) supaya Guru-guru Besar itu dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan lebih cekap dan berkesan. Saya sukacita menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran telahpun mengadakan kursus seperti ini untuk Guru-guru Besar termasuklah Guru-guru Besar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Kursus-kursus ini diadakan dalam masa cuti penggal persekolahan. Mulai tahun lalu satu unit baru telah diwujudkan di Kementerian Pelajaran khas untuk menjalankan latihan bagi pegawai ikhtisas dan kakitangan lain di bawah Kementerian Pelajaran untuk menghasilkan kerja dan prestasi yang lebih bermutu. Unit baru ini dikenali dengan nama MESTI (Institusi Latihan Kakitangan Pendidikan Kementerian Pelajaran). Adalah dijangkakan semua Guru Besar dari semua aliran sekolah akan menjalani kursus di institusi ini.

PENYELUDUPAN— LANGKAH MENCEGAH

39. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah kegiatan penyeludupan di sepanjang pantai kita dan nyatakan alat-alat yang digunakan dan sama ada anjing-anjing pengesan digunakan bagi mencegah kegiatan penyeludupan ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Untuk mencegah kegiatan penyeludupan di sepanjang pantai kita, rondaan-rondaan di laut dan juga di darat dijalankan oleh Bahagian Pencegah dan juga Bahagian Merin, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja. Bagi rondaan darat Jabatan tersebut dilengkapi kenderaan-kenderaan yang digunakan oleh penyeludup-penyeludup. Bagi rondaan pencegahan

penyeludupan di laut, lanci-lanci besar digunakan dan bot-bot laju pula digunakan bagi operasi-operasi pengintip penyeludupan. Pegawai-pegawai Kastam yang menjalankan rondaan-rondaan tersebut adalah juga dilengkapi dengan senjata ringan. Anjing-anjing pada lazimnya tidak digunakan di dalam langkah-langkah ini melainkan ianya melibatkan operasi-operasi mengesan penyeludupan dadah.

SISTEM SIJIL TERBUKA

40. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan mengadakan Sistem Sijil Terbuka sungguhpun seseorang murid telah gagal dalam mata pelajaran yang amat penting tetapi ianya diberi sijil untuk mata-mata pelajaran yang dia lulus supaya ia dapat peluang memohon pekerjaan.

Dato' Musa bin Hitam: Pada masa ini Kementerian saya sedang mengkaji cara-cara yang baik dan sesuai untuk melaksanakan Sistem Sijil Terbuka selaras dengan perakuan yang dibuat di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Walaupun bagaimanapun, penggubalannya adalah dijangka akan memakan masa sedikit.

OPERASI ISI PENUH—MENGISI JAWATAN PROFESIONAL

41. Tuan Abdullah bin Salleh minta Perdana Menteri menyatakan langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mengisi hampir 10,000 jawatan kosong dalam kategori profesional dalam Operasi Isi Penuh agar negara ini tidak senantiasa mengharap pertolongan tenaga dari luar.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Kekosongan jawatan-jawatan profesional adalah satu-satunya jawatan yang sukar diisi di dalam perkhidmatan Kerajaan. Ini ialah oleh kerana tidak ada calon-calon layak dan terlatih yang mencukupi di pasaran. Salah satu daripada sebabnya ialah tempoh masa bagi mendapatkan kelulusan akademik yang diperlukan itu adalah agak panjang, iaitu biasanya di antara 4 hingga 6 tahun.

Kerajaan adalah sedar tentang kesulitan ini dan senantiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasinya. Dari segi

rancangan jangka pendek, Kerajaan telah melantik pegawai-pegawai luar negeri secara kontrak jikalau calon-calon tempatan yang berkelayakan tidak mencukupi.

Sementara itu juga, siswazah-siswazah Jurutera, Arkitek dan Juru Ukur Bahan dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan sebaik-baik sahaja mereka telah lulus peperiksaan mereka sekurang-kurangnya selama dua tahun, jika ada kekosongan. Bagi siswazah-siswazah dalam bidang perubatan pula, mereka dikehendaki memenuhi perkhidmatan wajib selama tiga tahun.

Sebagai langkah jangka panjang, bilangan pelajar-pelajar di dalam bidang-bidang pengajian tinggi yang berkaitan, sama ada di dalam atau di luar negeri, adalah juga ditambah dari masa ke semasa termasuklah juga basiswa-biasiswa yang diberikan.

GAJI BARU KAKITANGAN KERAJAAN—JUMLAH TAMBAHAN PERBELANJAAN

42. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah tambahan belanjawan yang Kerajaan akan memikul ekoran dari tambahan gaji bagi kakitangan Kerajaan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tambahan Perbelanjaan yang akan ditanggung oleh Kerajaan untuk melaksanakan gaji baru bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan ialah sebanyak \$297.5 juta bagi bulan Julai hingga Disember 1980.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk

hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (26hb Jun, 1980)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Datuk Haji Khalid.

3.37 ptg.

Datuk Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Akta ini telah menyebut pada mulanya Akta ini tidak dipakai bagi seorang Islam atau bagi seorang yang berkahwin di bawah Undang-undang Syarak, akan tetapi undang-undang ini telah melibatkan seorang yang memeluk agama Islam selepas berkahwin sebelum daripada dia memasuki Islam. Mengikut takrif atau mengikut fahaman daripada segi agama Islam bahawa sama ada orang itu memeluk agama Islam (converted Muslim)

atau berketurunan Islam, maka tidak ada satu diskriminasi, tidak ada taraf yang berlainan di antara seorang yang berketurunan Islam ataupun orang itu memeluk agama Islam.

Kita semua tahu bahawa kebanyakan khalifah-khalifah Islam itu sendiri adalah mereka yang memeluk agama Islam, bukan berketurunan Islam. Ini adalah masalah prinsip sepertimana juga yang dinyatakan oleh Yang Berhormat saudara saya semalam yang mana telah menyentuh kekuasaan Mahkamah-mahkamah Syariah yang mana undang-undang ini dengan jelas telah mengatakan bahawa walau apapun undang-undang bertulis yang lain yang berlawanan dengan undang-undang ini maka undang-undang ini adalah mengatasi segala undang-undang yang telah ada. Saya juga difahamkan bahawa undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen adalah menguasai undang-undang yang diluluskan di mana-mana negeri yang lain.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai perkahwinan seorang yang memeluk agama Kristian atau agama Nasrani dengan seorang Islam, mengikut undang-undang dan mengikut Hukum Syarak perkahwinan mereka itu mengikut Hukum Syarak. Akan tetapi seksyen 51 yang disebutkan di dalam seksyen ini tidak menceraikan ataupun tidak mengurangkan hak si pemeluk agama Kristian tadi boleh menuntut perceraian di bawah seksyen ini. Kalau ini berlaku maka perceraian itu disahkan oleh Mahkamah Sivil, akan tetapi si isteri itu masih belum bercerai di dalam Hukum Syarak. Maka ini membolehkan si isteri berkahwin lain di bawah Undang-undang Sivil, padahal ia masih menjadi seorang isteri yang sah di dalam Hukum Syarak. Ini boleh menimbulkan bigamy, masalah bigamy yang kita semua tentu tidak dapat bersetuju. Jadi sehingga saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang apakah ada di dalam peraturan-peraturan ini andainya berlaku seorang yang berkahwin yang tidak kedua-duanya beragama Islam, seorang beragama Nasrani atau Ahli Kitab tetapi berkahwin di bawah Undang-undang Islam, maka menuntut cerai ia di bawah Undang-undang Hukum Sivil, maka perceraian itu disahkan oleh mahkamah adat akan tetapi dia masih menjadi isteri daripada segi Hukum Syarak. Ini bermakna

membolehkan dia berkahwin lagi satu. Ini yang saya harap akan mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya katakan tadi bahawa undang-undang ini telah menyebut ia tidak boleh dipakai oleh seseorang Islam di dalam sebuah masyarakat yang majmuk atau masyarakat yang berbilang kaum, yang berbilang agama, maka saya rasa amatlah susah bagi kita hendak mengadakan satu Peraturan-peraturan Nikah Kahwin yang tertentu dapat mengelakkan daripada keadaan yang sebenarnya.

Saya berharaplah bahawa kalau sekiranya keadaan-keadaan mengenai hukum-hukum Islam telah tidak dapat diselesaikan, maka saya ingin bertanya supaya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada undang-undang ini telah dirujuk kepada Majlis Fatwa ataupun dirujuk kepada Undang-undang Nikah Cerai yang ada di dalam negeri-negeri yang lain. Andai kata undang-undang ini menguasai atau mengatasi undang-undang di negeri yang lain, maka saya rasa amatlah susah bagi saya hendak menyokong undang-undang ini dan saya berharap mendapat pertimbangan daripada Jawatankuasa Selection Committee ataupun undang-undang ini dapat dirujuk untuk mendapat perhatian yang lebih lanjut. Inilah sahaja yang dapat saya sebutkan di dalam membahaskan undang-undang ini.

3.45 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Tuan yang di-Pertua, saya suka juga mengambil bahagian sedikit sebanyak di atas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian), 1976.

Tuan Yang di-Pertua, negeri kita ini adalah sebuah negeri yang dikatakan special daripada negeri-negeri yang lain. Apa yang dikatakan special ataupun istimewa ialah oleh kerana negeri kita ini dikatakan negeri Islam. Di dalam Perlembagaannya mengatakan negeri ini adalah negeri Islam, sebab itu Timbalan Menteri Undang-undang ada mengatakan. Adakah negeri ini sebenar-benar negeri Islam atau tidak. Itu soalnya. Itu puncanya daripada undang-undang ini semua.

Kalau sebenar-benarnya negeri Islam, selain daripada perkahwinan, yang lain itu tidak kiralah, tetapi secara undang-undang yang saya pun tidak berapa mengerti berkenaan dengan agama in, saya bukan menjadi ustaz, barangkali ustaz-ustaz yang lain boleh menerangkan, tetapi puncanya negeri ini negeri Islam. Kalau negeri ini bukan negeri Islam barangkali senang sahaja, mengikut adat resam. Jikalau ada dua orang, seorang lelaki, seorang perempuan yang suka sama suka yang hendak kahwin, kahwinnya senang sahaja. Ini traditional atau customary daripada zaman dahulu, ada dua orang menjadi saksi: si Fatimah dengan si Abu Bakar hendak kahwin, mereka akan menjadi suami isteri, ada dua orang, sudah sah. Sebab apa hendak dipanggil orang ramai? Ada saksi. Ini cerita dahulu sebelum agama Islam, sebelum ada agama-agama lain lagi. Pada hari ini kalau di negeri komunis inilah yang dipakai, sebab kita menjadi isteri atau suami supaya orang lain jangan claim, jangan ambil isteri kita atau ambil suami kita. Itu sebab kita isytiharkan harta kita ini, isteri ini harta kita. Kalau tidak begitu orang boleh bawa ke sana ke mari, dipakai ke sana ke mari. Itu sebabnya kita mesti daftarkan mengikut cara-cara sesebuah negeri ataupun di dalam negeri itu ada pula cara-caranya.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 3 Akta Ibu adalah dipinda. Di sini saya hendak tahu oleh kerana negeri kita negeri Islam, kalau dikatakan negeri Islam mengikut Perlembagaannya, sudahkah atau tidak ulamak-ulamak atau kadi-kadi di tiap-tiap negeri ditanya sama ada boleh atau tidaknya. Ini tidak ada mengikut majmuk, ini tidak boleh dijalankan ataupun kalau ditanya ulamak-ulamak yang banyak ini boleh jadi boleh.

Misalnya judi adalah salah tetapi boleh juga dibenarkan berjudi, ulamak dahulu mengatakan boleh. Welfare Lottery sahaja-lah, Welfare Lottery boleh. Itu judi juga tetapi judi ini lain daripada yang lain, untuk menolong orang miskin, begitu begini, ada dalil yang lain. Berkenaan dengan dalil-dalil ini sayapun tidak tahu sangat sebab itu saya tidak dapat menghuraikan tetapi boleh pula judi ini, kerana apa? Kita hendak buat itu, hendak buat ini, hendak buat jalan, hendak buat sekolah dan sebagainya, judi itu boleh, seterusnya Welfare Lottery namanya, judi welfare boleh.

Di sini kalau seorang, katalah Ah Chong misalnya lari masuk Islam-tujuannya masuk Islam bukan kerana hendak masuk Islam, tujuannya masuk Islam kerana hendak lari.

Ini mestilah kadi tengok dan tanya betul-betul orang itu, dia hendak lari daripada isterinya si amoy kerana amoy ini barangkali marah, mungkin dia tak tahan dia lari oleh kerana banyak anak tidak bertanggung jawab itu, dia ingat lebih baik dia elakkan tanggungjawab itu dengan masuk Islam, oleh kerana mengikut Undang-undang Islam dikatakan dia tidak bertanggungjawab lagi kepada anak-anaknya sendiri. Ini yang saya hendak bertanya kepada ulama-ulama. Kepada saya walau dia masuk agama apa sekalipun walau dia masuk Islam dia mesti bertanggungjawab sebagai lelaki, sebagai suami dia mesti bertanggungjawab kepada isterinya dan dia mesti bertanggungjawab kepada anak-anaknya. Itu sebab saya katakan tadi welfare lottery adalah salah tetapi welfare lottery tidak jadi salah oleh kerana ada sebab-sebab yang dikatakan kebajikan. Saya harap ulama-ulama tidak marah kepada saya kerana mereka itu lebih pandai tetapi ini argument saya sahaja sebagai orang yang tidak mengerti sangat. Tetapi kita sebagai manusia, kita tengok walau dia masuk agama apapun dia mesti bertanggungjawab, biarpun isterinya minta cerai kerana isterinya itu tidak mahu masuk Islam, dan tidak boleh dipaksa seseorang masuk apa agama kecuali dengan rela hatinya sahajalah yang boleh kita terima. Dengan menawan hati orang itu sahaja dia boleh masuk kepada agama apa sahaja sama ada Kristian, Hindu dan sebagainya. Dengan itu sahaja boleh tarik, kita tak boleh paksa isteri kita dan isteri kita kalau dia tidak mahu masuk pun maka kita bertanggungjawab kepadanya. Kalau dia kata: Ceraikan saya; itu apa boleh buat. Tetapi anak bagaimana? Anak dia terpaksa bertanggungjawab, dengan sebab itu bercanggahlah, dan kalaulah Islam mengatakan tak dibenarkan, maka dia boleh lepas sahaja begitu. Ini bercanggah dengan undang-undang Islam. Inilah saya hendak penjelasan. Kepada saya, saya sokong tetapi bagaimana dengan Perlembagaan kita sebab ini bercanggah dengan Perlembagaan pula.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan agama ini adalah susah sedikit oleh kerana di dalam satu-satu negeri ini Raja atau Sultan yang berkuasa di dalam perkara agama. Di

dalam Perlembagaan kita sendiri menyatakan: Islam is the religion of the Federation. Ini boleh jadi satu argument. Kalau dikatakan official religion, maka terpaksalah undang-undang Islam bercanggah dengan undang-undang yang kita bawa ini. Saya tidaklah hendak bercakap panjang atas perkara ini, melainkan saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini dan jika besok didapati iaitu perkara ini bercanggah, maka terpaksalah dikaji bagaimana untuk memperbaikinya.

3.55 ptg.

Tuan S. I. Rajah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 adalah kena pada masanya oleh kerana orang-orang bukan Islam di negara ini telah lama meminta suatu undang-undang yang sama untuk mentadbirkan perkahwinan dan perceraian mereka.

Di Singapura terdapat "Women's Charter" yang mengawal undang-undang bagi perkahwinan dan perceraian mereka. Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada seksyen-seksyen tidak ada terdapat bilakah Akta ini akan dikuatkuasakan. Saya harap ianya tidak akan dikuatkuasakan. Saya harap ianya tidak akan disimpan sahaja seperti yang berlaku kepada Akta ibu yang telah diluluskan dalam tahun 1976 tetapi tidak dilaksanakan sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya melaksanakan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 dengan segera selepas mendapat persetujuan Di Raja.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat-sahabat saya telah berucap dengan jelas pada hari kelmarin mengenai Seksyen 3 (a) dan mungkin sebagai seorang peguam, saya suka hendak menyentuh Seksyen 3 (b) yang berbunyi:

3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda:
 - (b) dengan menggantikan seksyen-kecil (4) dengan seksyen-kecil (4) yang berikut:

"(4) Akta ini tidak boleh dipakai bagi seseorang bumiputra

Sabah atau Sarawak atau seseorang orang asli Malaysia Barat yang perkahwinan dan perceraian-nya dikawal oleh undang-undang adat istiadat bumiputra atau adat istiadat orang asli melainkan jika—

- (a) ia memilih untuk berkahwin di bawah Akta ini;
- (b) ia berkahwin di bawah Ordinan Perkahwinan Kristian; atau
- (c) ia berkahwin di bawah Ordinan Perkahwinan Sivil dan di Gereja.

Saya harap hendaklah juga dimasukkan perkahwinan yang diatur mengikut cara Tesevala yang dipakai oleh rakyat Malaysia keturunan Ceylon. Saya minta masukan perkara ini kerana perkahwinan mana-mana rakyat Malaysia keturunan Ceylon yang beragama Hindu telah diiktirafkan sebagai perkahwinan beristeri satu di negara ini dan ianya tidak menyentuh sebarang bukti adat perkahwinan atau sebarang dokumen sijil perkahwinan yang telah berlakunya perkahwinan itu. Sebagai contoh Ordinan Pencen kita telah memberikan pencen kepada balu rakyat Malaysia keturunan Ceylon.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat perbezaan antara perkahwinan yang dijalankan oleh Hindu dari keturunan India dan Hindu dari keturunan Ceylon atau Sri Langka. Sungguhpun kemasukan perkara ini boleh dianggap sebagai menjaga kepentingan golongan kecil masyarakat negara ini adalah satu kenyataan iaitu bahawa rakyat Malaysia keturunan Ceylon telah memberi sumbangan yang besar dalam kemajuan dan pembangunan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh seksyen 4 (b) dengan jelas meliputi Serani yang perkahwinan mereka biasanya diikat di bawah Ordinan Perkahwinan Kristian atau oleh seksyen (c). Apakah Akta ini diluluskan dengan apa yang saya katakan tadi, saya yakin bahawa terdapat masalah yang dihadapi oleh Mahkamah-mahkamah Tinggi apabila perkara perkahwinan itu sendiri menjadi persoalan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mungkin menjawab bahawa Akta itu akan mengadakan kawalan ini, saya masih kata tidak begitu kerana tidak terdapat pertumbuhan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka hendak bercakap berkenaan Fasal 9 pindaan kepada seksyen 21 Akta ibu di mana terdapat penyerahan kepada Pendaftar Besar, Penolong Pendaftar Besar atau Penguasa Pendaftar. Perhatian hendaklah diambil apabila melantik pegawai-pegawai kerana ini melibatkan permintaan golongan yang mempunyai hak dengan cara mereka sendiri.

Saya suka membuat desakan yang sama di bawah Fasal 10 pindaan kepada seksyen 28 bahawa Menteri yang berkenaan akan melantik hanya mereka yang pakar dalam bidang ini atau adat resam perkahwinan dan perceraian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin.

4.02 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yasin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil sedikit bahagian di dalam perbahasan terhadap Rang Undang-undang ini.

Nampaknya perkara ini telah menimbulkan beberapa keraguan oleh beberapa orang sahabat saya di dalam Dewan ini dan rasa saya perlulah keraguan itu sama ada dihapuskan atau diberikan satu penjelasan yang tegas oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya takut kalau tidak begitu nanti ada orang-orang negara kita yang mungkin tidak senang atas kelulusannya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah salah seorang daripada Jawatankuasa Pilihan (Select Committee) yang mewujudkan Akta itu dan saya masih ingat kita menjelajah di beberapa negeri dalam negara kita ini mendengar pandangan-pandangan daripada mereka yang berkaitan. Tetapi apabila Akta itu diwujudkan maka masalah kedudukan orang Islam pun sudah disedarkan pada masa itu. Dan itulah sebabnya rasa saya kita buat peruntukan di dalam Akta itu dengan tidak melibatkan orang Islam. Kalau dapat

saya bacakan, Tuan Yang di-Pertua, seksyen 3 yang ada sekarang ini yang belum dipinda, ia berbunyi demikian:

“3 (1) kecuali sebagaimana diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, Akta ini hendaklah dipakai bagi semua orang dalam Malaysia dan bagi semua orang yang berdomisil di Malaysia tetapi tinggal di luar Malaysia.

Seksyen kecil 2 berbunyi:

“(2) Bagi maksud Akta ini, seseorang yang mana adalah seorang warganegara Malaysia hendaklah disifatkan sebagai berdomisil di Malaysia sehingga dibuktikan sebaliknya.

Ini dia seksyen 3 (3) yang ada sekarang ini;

“3 (3) Akta ini tidak boleh dipakai bagi seseorang Islam atau bagi seseorang yang berkahwin di bawah Hukum Syarak; dan tiada sesuatu perkahwinan boleh diupacarakan atau didaftarkan di bawah Akta ini jika salah seorang daripada pihak-pihak kepada perkahwinan itu menganuti agama Islam,”

Ini perkara yang telah menjadi kusut kepada kita. Seksyen 3 (3) yang ada sekarang hendak dipinda, hendak diperluaskan, seksyen 3 (3) yang ada sekarang ini rasa saya jelas dia tidak menyentuh kedudukan orang beragama Islam, tetapi apakah yang timbul sekarang di bawah pindaan kepada Akta ibu iaitu Fasal 3 yang berbunyi:

“3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan seksyen-kecil (3) dengan seksyen-kecil (3) yang berikut:”

Seksyen 3 yang baru berbunyi demikian:

“(3) Akta ini tidak boleh dipakai bagi seseorang Islam atau bagi seseorang yang berkahwin di bawah Hukum Syarak dan tiada sesuatu perkahwinan boleh diupacarakan atau didaftarkan di bawah Akta ini jika salah seorang daripada pihak-pihak kepada perkahwinan itu menganuti agama Islam tetapi tiada apa-apa. . . .”

Setakat itu, Tuan Yang di-Pertua, serupa juga dengan seksyen 3 yang ada.

“tetapi tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh diertikan sebagai menghalang sesuatu mahkamah yang dihadapannya suatu petisyen perceraian telah dibuat di bawah seksyen 51 daripada memberi dikiri perceraian atas petisyen daripada satu pihak kepada sesuatu perkahwinan jika pihak yang satu lagi itu telah masuk Islam, dan dikiri itu adalah, walau apa pun undang-undang bertulis lain yang berlawanan, sah terhadap pihak kepada perkahwinan itu yang telah masuk Islam sedemikian itu.”

Dengan ertikata lain peruntukan baru ini membenarkan Mahkamah Tinggi jikalau sesuatu petisyen dikemukakan kepada mahkamah sama ada oleh suami atau bekas suami atau bekas isteri atau suami-isteri yang mana salah satu pihak telah masuk agama Islam. Ini bermakna yang mahkamah boleh memanggil seseorang yang terlibat tadi yang sudah masuk agama Islam ke mahkamah. Ini ertinya. Jadi saya tidak tahu sama ada perkara ini telah mendapat pandangan pihak-pihak negeri atau Jemaah Fatwa yang ada, itu saya tidak tahu.

Saya rasa kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan kepada Dewan ini sangatlah baik supaya kita elakkan apa-apa kekeliruan. Saya sedar tujuannya baik, tujuan hendak membantu seseorang yang berkahwin tetapi suaminya ataupun isterinya telah masuk agama Islam maka kedudukannya tidak tentu hala. Jadi tentulah kita bersimpati dengan orang sedemikian dan orang yang sedemikian patutlah boleh mendapat sesuatu keputusan sama ada dia masih lagi berkahwin ataupun tidak, bagaimana pula kedudukan harta sepencarian umpamanya. Itu saya mempunyai penuh simpati, tetapi yang penting adalah bagi kita sebagai Ahli-ahli Dewan menyakinkan bahawa ini tidaklah bertentangan dengan agama Islam, dengan Hukum Syarak kerana di bawah Perlembagaan sendiri kita telah mengatakan kita tidak mempunyai kuasa untuk menyentuh kedudukan agama Islam. Perlembagaan kita agaknyanya jelas. Kalau boleh saya ambil contoh, Tuan Yang di-Pertua, ada undang-undang lain umpamanya “Guardian of the Infants Act” juga meliputi anak-anak yang beragama Islam. Kalau kita mengikut Perlembagaan kita ada satu peruntukan iaitu

Perkara 76 Perlembagaan kita yang mana kuasa ini hanya boleh dijalankan setelah kita mendapat perundingan atau persetujuan daripada Kerajaan Negeri.

Ini mungkin salah satu daripada undang-undang yang dimaksudkan di bawah Perkara 76 Perlembagaan dan saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri Undang-undang sama ada rujukan telah dibuat di bawah Perkara 76.

Izinkan saya baca Perkara 76 Perlembagaan, Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan Kuasa Parlimen membuat undang-undang untuk negeri-negeri dalam hal tertentu. Seperti kita maklum kuasa membuat peraturan berkenaan dengan Undang-undang Islam adalah di tangan negeri dan bukan di tangan Persekutuan kecuali yang melibatkan Wilayah Persekutuan.

"76. (2) Tiada sesuatu undang-undang boleh dibuat menurut perenggan (a) Fasal (1) mengenai apa-apa perkara berhubung dengan hukum Syarak atau adat istiadat orang Melayu atau mengenai apa-apa perkara berhubung dengan undang-undang atau adat istiadat bumiputra di Negeri-negeri Borneo dan tiada sesuatu Rang Undang-undang bagi maksud dijadikan suatu undang-undang di bawah perenggan itu boleh dikemukakan dalam mana-mana Majlis Parlimen sehingga Kerajaan Negeri yang berkenaan itu telah dimintanya."

Saya berterima kasih jikalau Timbalan Menteri Undang-undang boleh menerangkan bahawa tiap-tiap Kerajaan Negeri telah dirujuk atas perkara ini dan mereka telah memberi pandangan yang ini tidak bertentangan dan mereka tidak mempunyai halangan. Jikalau begitu, masalah dan keraguan-keraguan yang ditimbulkan oleh sahabat-sahabat saya dalam Dewan ini tidaklah menjadi masalah lagi.

Saya sedar masalah ini bukan satu masalah yang senang, masalah yang sangat rumit. Saya berpeluang membaca satu makalah yang ditulis oleh Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya iaitu Professor Ahmad Ibrahim yang bertajuk "The Position of Islam in the Constitution" (Kedudukan Islam di dalam Perlembagaan) dan di dalam makalah ini rasa saya Professor yang bijak itu telah menimbulkan banyak perkara yang

kadangkala menunjukkan pertentangan kerana kita juga sedar negara kita ini tidak mengikuti kesemuanya perjalanan Undang-undang Islam, umpamanya, Undang-undang Jenayah kalau kita mengikut sebenarnya hukum Syarak sudah bertentangan dengan peraturan Kanun Kesiksaan yang ada di negara ini. Jadi banyak pertelingkahan. Saya sedar ini bukanlah perkara yang senang tetapi bagi kita sebagai Ahli-ahli Dewan sebelum kita meluluskan eloklah kita dapat pengesahan daripada Timbalan Menteri Undang-undang bahawa semua perkara berkaitan dengan ini tidaklah bertentangan dengan Perlembagaan sama ada Perlembagaan negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercahaya hendak menyentuh perkara-perkara lain di dalam Rang Undang-undang ini, hanya seperti saya katakan tadi kalau saya tidak berdiri agaknya serba salah kerana saya adalah salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Pilihan dahulu dan semasa kita membuat Akta Ibu dahulu perkara ini tidak timbul. Jadi sekarang ini agaknya berlainan pula coraknya, itulah sebabnya saya mengambil sedikit bahagian supaya mendapat penjelasan lebih lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.16 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaacob:

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak mengambil bahagian sedikit dan memberi pandangan juga tentang seksyen 3 yang hendak dipinda.

Pada dasarnya saya sependapat dengan rakan-rakan saya daripada pihak yang beragama Islam, memang ada timbul keraguan dalam seksyen ini. Selain daripada apa yang telah diterangkan oleh saudara saya Senator Kamarul Ariffin baru sebentar tadi, saya suka juga hendak menimbulkan satu kemusykilan supaya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kalau seksyen ini sebelum dipinda memang tidak menimbulkan apa-apa keraguan, tetapi dengan timbulnya cadangan ini keraguan itu kembali muncul. Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, apa kata kalau satu keluarga yang beragama Islam tiba-tiba isterinya menukar agama, keluar daripada Islam masuk Kristian ataupun sebagainya,

apa kata dengan seksyen ini, adakah juga terlibat dengan kuasa mahkamah dalam perceraian dan juga nafkah ataupun tuntutan sepencarian atau sebagainya bagi si isteri ataupun bekas isteri yang telah menukar agama tadi, berhak ataupun tidak mereka ini mengemukakan petisyen kepada Mahkamah Sivil?

Jadi kalau ini boleh berlaku akan menimbulkan peluang yang mungkin keluarga-keluarga yang tidak senang dengan kerukunan keluarga mereka semasa mereka beragama Islam, jadi mereka mencari jalan keluar dengan menukar agama. Ini kebimbangan dengan adanya pindaan ini. Kalau itu benar boleh memberi kuasa kepada mahkamah akan menimbulkan keraguan bagi pihak umat Islam di Malaysia ini.

Itu pandangan saya dan harap mendapat penjelasan dari pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.19 ptg.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi banyak pandangan berkenaan dengan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Saya tidaklah berhasrat hendak menjawab satu persatu perkara-perkara yang dikemukakan melainkan perkara-perkara yang mustahak sahaja dan perkara-perkara yang saya tidak beri jawapan, saya akan mengambil perhatian dan tindakan selanjutnya.

Pada mulanya saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr Wee Khoo Hock yang bertanya berkenaan dengan nafkah anak-anak apakala berlaku perceraian. Dalam Rang Undang-undang yang ada ini ada peruntukan yang membenarkan pihak mahkamah membuat peruntukan bagi nafkah anak-anak itu. Kemudian Yang Berhormat juga ingin mengetahui berkenaan dengan definisi Ketua Menteri dan juga tentang Menteri Besar. Sukalah saya menyatakan iaitu definisi Ketua Menteri termasuk juga Menteri-menteri Besar.

Sekarang saya berpaling kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad yang melahirkan hasratnya supaya kes-kes perceraian dapat diselesaikan dengan segera. Mengenai perkara ini akan diberi perhatian.

Yang Berhormat Senator itu juga ingin tahu tentang nafkah untuk anak-anak dan saya sudahpun menjawab tentang soal ini.

Mengenai dengan pendaftaran, tujuan kita membuat pendaftaran ialah selain daripada yang lain untuk menyenangkan rojokan kemudian hari dan mengenai dengan bayaran pendaftaran pula, untuk menjawab soal itu, belumlah ditetapkan lagi berapa bayarannya, kerana kita sekarang ini masih dalam proses menyediakan kaedah-kaedah sebelum pelaksanaan dijalankan. Perlantikan Penolong-penolong Pendaftar tidaklah ada dinyatakan syarat-syaratnya sesiapa yang boleh dilantik menjadi Penolong Pendaftar.

Yang Berhormat Senator Subramaniam minta supaya diberi penerangan yang sejelajelasnya mengenai Bil ini setelah menjadi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, selepas sahaja kita mendapat persetujuan Di Raja dan Bil ini menjadi undang-undang, saya beri jaminan kita akan memberi penerangan dan penjelasan yang luas mengenai dengan undang-undang ini kepada orang ramai melalui mass media dan juga pamphlets atau risalah-risalah. Mengenai perlantikan Penolong Pendaftar bolehlah mereka yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu memohon dilantik menjadi Penolong Pendaftar iaitu mereka yang ada di temple Hindu sekarang ini yang sedang menjalankan upacara perkahwinan dan juga orang-orang lain yang ingin menjadi Penolong Pendaftar.

Tuan Yang di-Pertua, saya rangkumkan sekali point-point yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Senator Ustaz Mahmoud Salim, Yang Berhormat Ustazah Salmah, Yang Berhormat Datuk Haji Khalid dan Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin.

Berkenaan dengan Fasal 3 dan Fasal 17 di dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini iaitu mengenai dengan perceraian yang dimajukan oleh satu pihak yang tidak memeluk agama Islam di dalam mahkamah sivil dan juga mengenai dengan

nafkah anak dan lain-lain yang tersebut di dalam Seksyen 3 dan 17 ini yang juga meliputi seksyen 51 undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang mengenai seksyen 3 dan seksyen 17 iaitu mengenai permohonan perceraian, nafkah dan sebagainya telahpun diteliti oleh pihak Kerajaan dan terdapat kedua-dua seksyen ini tidaklah bercanggah dengan Perlembagaan dan Undang-undang Islam kita. Bil ini telahpun dipersetujui di peringkat Jumaah Menteri dan juga Dewan Rakyat baru-baru ini maka saya di sini suka lah meminta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya menimbang dan meluluskan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini seperti peruntukan-peruntukan yang ada. Sekiranya selepas daripada kita meneliti secara mendalam lagi kemudian hari kelak lepas daripada ini dan kita dapati bercanggah maka bolehlah kemudian nanti kita bawa sekali lagi di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk dipinda lagi undang-undang yang ada ini. Tetapi buat masa ini seperti saya kata tadi pendapat kita adalah tidak bercanggah.

Satu misalannya, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan perceraian. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Mahmoud Salim apakala seseorang itu-suami ataupun isteri bertukar agama memeluk agama Islam anak-anaknya otomatik menjadi Islam ataupun seseorang suami atau isteri memeluk agama Islam

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Untuk penjelasan. Apa yang suka kata ialah suami atau isteri memeluk agama Islam: apakala salah seorang daripada suami atau isteri memeluk agama Islam, maka kalau suaminya memeluk agama Islam, sekiranya isteri tidak ikut, dengan otomatik tercerai. Begitu juga isterinya kalau masuk agama Islam maka suaminya tidak ikut sama, dengan otomatik tercerai. Itu yang saya katakan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jikalau mengikut Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim kalau suaminya atau isteri memeluk agama Islam dan jikalau satu daripadanya tidak mengikut bersama memeluk agama Islam tercerailah perkahwinan mereka. Jadi di sini kita adakan satu peruntukan membolehkan mahkamah biasa (mahkamah sivil) sekiranya

ada permohonan untuk perceraian mengisytiharkan sekali lagi perceraian itu. Jadi di sini satu ulangan Tuan Yang di-Pertua, dan pendapat kita ialah tidak menyalahi. Perkahwinan yang sudahpun tercerai jadi bandingannya membulatkan sesuatu perkara yang sudah bulat.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Penjelasan. Saya hendak tanya, kalau begitu ada dua yang dikatakan bercanggah. Uagama Islam telah menyatakan jikalau seorang isteri atau suaminya mengikut apa yang dikatakan Yang Berhormat tadi iaitu jikalau isteri atau suami memasuki agama Islam maka secara otomatik mengikut agama Islam ini, kerana agama Islam kata begitu. Tidak payah lagi ada satu pula hendak mengesahkannya.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pihak si suami ataupun isteri yang tidak memeluk agama Islam itu berkehendak pula kepada surat-surat ataupun dokumen-dokumen yang menyatakan perceraian berlaku.

Jadi saya rasa, itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai perkara yang lain yang tidak saya beri jawapan, saya akan mengambil ingatan.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit. Jadi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampaknya perkara ini telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri, dan seperti kata beliau tadi telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya minta satu penerangan yang khusus kerana saya telah merujuk dan bertanya sama ada perkara ini telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Fatwa ataupun perkara ini telah dirujuk kepada tiap-tiap negeri mengikut Perkara 76 Perlembagaan. Bolehkah saya ambil kesimpulan bahawa kedua-dua perkara ini tidak berlaku?

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita katakan Kerajaan bermaknalah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dapat persetujuan. Adakah Kerajaan Negeri termasuk juga Sultan-sultan telah mendapat tahu perkara ini?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang berlaku ini tidaklah saya bersedia memberi jawapan kesemuanya.

Tuan S. I. Rajah: Penjelasan

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasakah atau pertanyaan?

Tuan S. I. Rajah: Penjelasan. Berhubung dengan orang minoriti iaitu orang Ceylon hendak masuk di dalam akta baru, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menjawab hal itu apa yang beliau hendak buat. Tadi dalam ucapan saya, saya ada minta berhubung dengan kekurangan orang-orang Ceylon, bagaimana beliau hendak jalankan tidak diterangkan di dalam undang-undang tadi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan kepada saya, kerana saya ada tanya perkara itu dalam ucapan saya.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Ini termasuk, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pengkajian.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Penjelasan. Saya hendak tumpang tanya, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin tadi Undang-undang itu sebelum dibuat maka telah dilantik jawatankuasa dan jawatankuasa ini telah menjelajah keseluruhan negeri meninjau pendapat-pendapat negeri, kemudian barulah dia mengesyorkan dibuat Undang-undang itu. Saya tumpang tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan iaitu apakala hendak dibuat pindaan kepada Seksyen 3 yang bercanggah ini, adakah ditanya pendapat jawatankuasa tadi ataupun dirujuk balik kepada jawatankuasa itu bertanya fikiran-fikirannya?

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bersedia hendak jawab.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 24—

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Fasal 2 iaitu berkenaan dengan 2 (d) yang mana di sini disebutkan:

“(d) dengan memotong “dan” di hujung perenggan (a) bagi takrif “Ketua Menteri” dan dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (b) perenggan baru (c) yang berikut:

“(c) Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul Malaysia, ertinya Duta, Pesuruhjaya Tinggi atau Konsul Malaysia masing-masingnya.”

Jadi, perkataan digunakan di sini yang saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah perkataan “Konsul Malaysia masing-masingnya.” Naskah yang sah, Tuan Pengerusi, ialah bahasa Inggeris, dan bukan Bahasa Malaysia. Dan jikalau kita lihat di dalam bahasa Inggerisnya, iaitu Seksyen 2 (b) yang (c) nya nampaknya perkataan “Konsul” itu diganti dengan perkataan “Counsellor”. Saya tidak tahu sama ada ini salah taip atau apa kerana ada perbezaan. Tuan Pengerusi sendiri telah menjadi Duta kita dan kita mengetahui ada perbezaan di antara Counsellor dengan Konsul. Di dalam bahasa Inggeris perkataan “Consul” itu ada mempunyai makna teknikal yang tertentu dan kenapa pula perkataan “Counsellor” digunakan di sini dan tidak “Consul”.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Pengerusi, saya membangkang Undang-undang ini bukan keseluruhannya, tetapi saya membangkang pindaan Fasal 3. Kalau sekiranya Fasal 3 ini tidak dipinda saya menyokong Undang-undang ini. Fasal 3 sebagaimana yang dibaca tadi adalah berbunyi:

“(3) Akta ini tidak boleh dipakai bagi seseorang Islam atau bagi seseorang yang berkahwinan di bawah Hukum Syarak dan tiada sesuatu perkahwinan boleh diupacarakan atau didaftarkan

di bawah Akta ini jika salah seorang daripada pihak-pihak kepada perkahwinan itu menganut ugama Islam.”

Ini adalah ayat Fasal 3 di dalam Akta Ibu, maka hendak dipinda dengan ditimbangan ayat yang berbunyi:

“ . . . tetapi tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh diertikan sebagai menghalang sesuatu mahkamah yang di hadapannya suatu petisyen perceraian telah dibuat di bawah seksyen 51 daripada memberi dikri perceraian atas petisyen daripada satu pihak kepada sesuatu perkahwinan jika pihak yang satu lagi itu telah masuk Islam, dan dikri itu adalah, walau apa pun undang-undang bertulis lain yang berlawanan, sah terhadap pihak kepada perkahwinan itu yang telah masuk Islam sedemikian itu.”

Ini tambahannya. Jadi pindaan baru inilah yang saya bangkang.

Tuan Pengerusi: Kalau Yang Berhormat sudah bangkang, sudahlah. Kalau sudah tidak bersetuju, sudahlah.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mahamad: Ini alasan saya, Tuan Pengerusi, saya hendak beri sebab mengapa saya bangkang ini.

Tuan Pengerusi: Saya fikir sudahlah, panjang sangat.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Bahkan dengan tidak ada alasan barangkali tidak lojik. Tetapi saya hendak bangkang dengan dua tiga alasan sahaja. Pertama, bangkangan saya ini ialah di atas pindaan yang dibuat kerana ini bercanggah dengan Perlembagaan juga kerana perkara ini adalah perkara Negeri sebagaimana yang telah diterangkan di dalam Perlembagaan. Perlembagaan telah menyatakan di dalam Jadual Kesembilan ada dua senarai satu Senarai Negeri, satu Senarai Persekutuan. Di dalam Senarai Negeri iaitu Senarai Kedua perkara perkahwinan, perceraian, nafkah dan sebagainya, adalah dikhaskan kepada Negeri bukan terletak kepada Persekutuan. Jadi, dengan dipindanya Akta ini, dengan diletakkan perkataan yang baharu ini maka sesungguhnya pindaan yang baharu ini adalah bercanggah dengan Perlembagaan di bawah Senarai Kedua. Apakala ditanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri

Undang-undang di sini adakah perkara ini telah dirujukkan kepada Negeri di bawah Artikel 76 Perlembagaan, maka pihak Timbalan Menteri tidak boleh menjawab. Yang difahamkan tidak dirujukkan maka sekali lagi bermakna bercanggah dengan Artikel 76 Perlembagaan.

Di bawah Artikel 74 terang-terang menengangkan, Persekutuan hanyalah boleh membuat undang-undang berkenaan dengan perkara yang telahpun disebutkan di dalam Senarai Persekutuan ataupun senarai bersama iaitu senarai I dan senarai 3. Manakala Negeri boleh membuat undang-undang berkenaan dengan upacara ugama dan sebagainya di dalam Senarai Kedua. Jadi, dengan sebab itulah saya bangkang. Saya kata tambahan pindaan yang ada ini bercanggah dengan Perlembagaan.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Pengerusi, saya kira saya telah menyampaikan naskah untuk minta pindaan di atas undang-undang ini yang telah saya sampai kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak ada. Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 56 (2) yang berbunyi demikian:

“Apa-apa pindaan yang hendak dicadangkan hendaklah dikeluarkan pemberitahu sekurang-kurangnya satu hari terlebih dahulu.”

Jadi, saya terpaksa menolak cadangan pindaan itu.

4.45 ptg.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, bagi menjawab perkataan “Konsul” yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin yang dipakai di dalam naskah Bahasa Kebangsaan, ini adalah mengenai dan inilah perkataan yang dipakai daripada awal lagi daripada Undang-undang ibu.

Menyentuh sedikit berkenaan dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Mahmoud Salim, saya suka menyatakan, Tuan Pengerusi, sebelum Kerajaan mewujudkan sesuatu Undang-undang ataupun sesuatu pindaan kepada Undang-undang yang ada, kita mengikut proses biasa iaitu menepati dengan kehendak-kehendak Perlembagaan dan Undang-undang.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Pengerusi, saya kurang faham dengan penjelasan yang diberikan tadi. Kerana Akta itu tidak langsung timbul perkara ini. Ini satu peruntukan baharu iaitu (c) ini peringkat baharu. Cuma yang menjadi masalahnya perkataan "Konsul" di dalam Bahasa Malaysia, dalam bahasa Inggeris Consul juga tetapi nampaknya digantikan dengan perkataan "counsellor". Kalau kita baca, barangkali Tuan Pengerusi masih ingat mana-mana juga buku rujukan berkenaan dengan Diplomatic Practice ada menerangkan Consul itu Consul, Counsellor itu Counsellor, ada perbezaannya. Saya rasa tidak perlulah merujuk kepada buku-buku rujukan berkenaan dengan Guide to Diplomatic Practice yang menerangkan perbezaan ini. Cuma nampaknya ada percanggahan. Kalau kita baca betul-betul di sini yang dalam Bahasa Malaysia itu memang betul, konsul. Di sini kedutaan maknanya kedutaan Pesurujaya Tinggi atau Pejabat Konsul Malaysia atau ertinya Duta-Pesuruhjaya Tinggi atau Konsul Malaysia masing-masingnya. Dalam bahasa Inggerisnya:

"(c) the Malaysia Embassy, High Commission or Consulate, means the Malaysian Ambassador, High Commissioner or Counsellor respectively."

Kalau Consulate tentulah Consul atau setengah Consul itu perkataan Consul-General itu perkataan lazim digunakan tetapi ini sepatutnya digunakan "Consul" bukan "Counsellor". Inilah saya mengatakan pindaan patut dibuat tetapi kalau hendak buat di sinipun sudah terlambat tetapi sebenarnya perkara ini bercanggah.

Tuan Pengerusi: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri kaji semula perkara ini? Tidak payah dikemukakan pindaan pada hari ini. Jika perlu nanti bolehlah dipinda lain kali.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya perkara ini ditimbang dan dipinda lain kali. Kalau hendak pinda sekarang tidak betul kerana perkara ini datang daripada Dewan sebelah sana.

Tuan Pengerusi: Ya.

Fasal 1 hingga 24 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.50 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.10 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1980 dibaca kali kedua.

Seperti yang jelas dari kenyataan yang terdapat dalam bil ini sendiri Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1980 ini adalah bertujuan untuk membolehkan Menteri menetapkan tarikh atau tarikh-tarikh bagi penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979, dan soalan-soalan yang berkaitan dengannya.

Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat bahawa peruntukan yang terdapat dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979 dahulu mempunyai dua aspek yang berasingan. Sebahagian daripada peruntukan-peruntukan itu ialah mengenai soal-soal pentadbiran, iaitu berkenaan dengan taraf PERKESO sebagai sebuah badan berkanun dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya. Aspek kedua, yang paling penting, ialah mengenai perbekalan-perbekalan yang membolehkan Pertubuhan itu membuat bayaran faedah yang lebih kepada pekerja-pekerja atau tanggungan-tanggungan mereka, apabila mereka ditimpa kemalangan atau meninggal dunia akibat kemalangan yang menyimpannya.

Aspek yang kedua ini juga mengandungi peruntukan-peruntukan yang bertujuan untuk menyenangkan atau memudahkan lagi pihak-pihak majikan memenuhi tanggungjawab masing-masing dalam mematuhi kehendak-kehendak Akta.

PERKESO, sejak awal-awal lagi, telahpun memberitahu semua majikan melalui surat pekelilingnya tentang cadangan Pertubuhan itu hendak melaksanakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979 mulai 1hb Januari, 1980. Semua majikan telah juga memberi kerjasama mereka dengan mematuhi peraturan-peraturan baru seperti yang terdapat dalam Akta pada tarikh yang telah ditetapkan itu.

Malangnya, aspek yang pertama tadi itu yang bertujuan untuk menjadikan PERKESO sebuah badan berkanun telah tidak dapat dilaksanakan serentak pada 1hb Januari, 1980 oleh sebab beberapa masalah yang berkaitan dengan perjawatan dan perkhidmatan kakitangan yang sekarang sedang bekerja di Pertubuhan itu telah timbul. Ini memerlukan lebih masa lagi untuk dibereskan. Disebabkan hal ini penguatkuasaan Akta tersebut telah tidak dapat disiarkan dalam Warta Kerajaan seperti yang dikehendaki oleh Undang-undang.

Pindaan yang dicadangkan sekarang ini akan dapat mengatasi masalah perundangan yang telah timbul itu. Dengan lulusnya pindaan yang dicadangkan ini peraturan-peraturan yang terdapat dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979 itu akan dapat diselaraskan dengan keadaan yang terdapat sekarang dan segala kesulitan atau kekeliruan tentang penguatkuasaan undang-undang itu tidak akan berbangkit lagi.

Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya tarikh berkuatkuasa bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan berkaitan dengan faedah-faedah tersebut diwartakan untuk dikuatkuasakan mulai daripada 1hb Januari, 1980, seperti telahpun dinyatakan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.05 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan atas Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini dan saya berhajat turut sama memberikan pandangan dan ulasan dalam membahaskan atas apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan tadi. Saya cuma hendak menyentuh dengan cara pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang yang sangat dinanti-nantikan oleh pekerja-pekerja kita dalam negeri ini dan ia juga dapat mengawal dan memberikan peruntukan tertentu kepada majikan dalam negeri ini dan pindaan Rang Undang-undang ini sesuai sangat dibawakan ke dalam Dewan kita ini kerana negara kita sekarang begitu hebat dengan perindustrian dan dengan keadaan ini akan melahirkan banyak kilang. Apabila kilang-kilang itu wujud, majikan akan banyak menggunakan pekerja sama ada dalam dan luar negeri yang mana memang berkehendakkan keuntungan dalam satu-satu projek perindustriannya. Apabila mereka sangat gelojoh kepada keuntungan itu akan mengeneipkan kepentingan pekerja yang hendak mencari nafkah.

Pekerja-pekerja itu juga apabila mereka bekerja dengan tujuan mendapat habuan daripada gaji dari kilang-kilang tersebut dengan cara tak langsung akan terdedah kepada bahaya kemalangan sama ada kecil atau besar. Kalau bahaya kemalangan ini tanpa ada satu peruntukan yang dapat memberikan perlindungan, mengawal dan memerhatikan kebajikan mereka itu, maka akan teraniyalah keadaan hidup mereka.

Jadi dalam masalah bahaya kemalangan ini dikilang-kilang kita banyak melihat pekerja-pekerja kilang itu cacat anggota tubuhnya yang tidak boleh bekerja lagi dan ada juga cacat yang ringan. Saya berharap Menteri berkenaan dapat memerhatikan bahawa majikan itu dengan secara tak langsung hendak mengelakkan diri daripada membayar pampasan atas kecederaan pekerja itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur sekarang telah wujud PERKESO (Pertubuhan Keselamatan Sosial) yang menjaga kebajikan pekerja kilang. Saya berharap atas apa-apa yang dilaporkan oleh pekerja-pekerja dapatlah PERKESO mengambil bahagian yang penuh bertanggungjawab dan menyampaikan kepada pihak berkenaan untuk mendapatkan pampasan tertentu bagi mereka. Saya berharap kepada Menteri berkenaan janganlah ada hendaknya memerhatikan keselamatan sosial pekerja hanya diperingkat perkilangan dan industri sahaja, tetapi kita hendaklah perhatikan juga keselamatan sosial pekerja di ladang-ladang. Ladang-ladang ini ada dua jenis, pertama ladang yang diusahakan oleh swasta, kedua yang diusahakan oleh badan-badan berkanun. Di sini juga terdapat banyak buruh yang mengusahakan ladang itu dan kita perlu memerhatikan pekerja ladang-ladang itu. Saya tak pasti takrif yang dimaksudkan ladang itu berapa luasnya, kalau dikira berdasarkan pekebun kecil iaitu dikira 99 ekar ke bawah dan kalau 99 ekar ke atas dikira ladang. Jadi saya hendak bangkitkan di sini apabila disebut ladang, kalau ladang swasta yang besar-besar atau ladang badan berkanun yang besar itu dapat dikawal oleh PERKESO. Sekarang ini kalau ladang itu 100-500 ekar dan ke atas, kadangkala tidak diambil hirau oleh Kementerian, jadi keselamatan pekerja di ladang itu tidak terjamin dan tidak terkawal. Oleh itu, saya berharap diberikan perhatian sebagaimana yang dijalankan oleh ladang besar, maka ladang-ladang pertengahan itu diperhatikan juga demi keselamatan sosial pekerja kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itulah sahaja yang saya dapat berikan pandangan, sekali lagi saya berikan sokongan terhadap Rang Undang-undang ini.

5.20 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan).

Oleh kerana negeri kita pada hari ini bukan seperti pada masa zaman penjajah dahulu, masa penjajah dahulu negeri kita ini adalah negeri pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat lagi penjajah Inggeris suka supaya kita menanam bahan-bahan seperti getah, kelapa sawit,

kemudian kita hantar ke England di mana diproses di kilang-kilang dan sebagainya. Oleh kerana itu orang-orang kita di sini tidak mempunyai pekerjaan. Ini dasar penjajah supaya kekayaan negara kita dapat kepada penjajah, ini cerita dahulu.

Tetapi cerita sekarang oleh kerana kita berkehendakkan bahan-bahan mentah dibuat di sini maka dengan sebab itu kilang kayu ada di sini untuk buat papan dan papan lapis daripada kayu balak, kemudian baru kita eksport keluar negeri. Getah kita buat tayar dan sebagainya ataupun diproses getah itu dijadikan getah yang baik baru kita hantar keluar negeri. Bijih timah, kelapa sawit dan sebagainya begitu juga. Dahulu kita jual di negeri ini cuma minyak mentah (raw oil) kita hantar keluar negeri tetapi sekarang di sini kita sudah proses sampai 80%—90%, baru-baru ini kita hantar keluar negeri seperti minyak makan, sabun dan lain-lainnya yang dibuat untuk negeri ini dan untuk dihantar keluar negeri. Dengan sebab itu bertambahlah pekerja-pekerja banyakkah pekerja kita dalam negeri ini dan begitu juga kilang-kilang yang datang ke negeri ini iaitu orang-orang luar mendapatkan kesempatan bagi menjual dalam negeri atau eksport keluar negeri. Maka dengan sebab itu ada peranan pekerja dan peranan majikan terhadap pekerja, ketiga peranan Kerajaan terhadap pekerja juga. Jadi ketiga-tiga faktor ini mestilah ditengokkan supaya jikalau pekerja terlalu dihipit maka tentulah pekerja susah juga dan kita menengokkan dalam perkara ini sebab itu diadakan Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan).

Dalam Rang undang-undang Kerja (Pindaan) ini saya boleh masukkan yang lain, tetapi di sini untuk keselamatan sahaja. Keselamatan pekerja adalah penting kerana di dalam kilang-kilang asalkan buat duit sudah, dia tidak peduli keselamatan pekerja. Ada setengah-setengah kilang mencari duit sahaja keselamatan tidak peduli, kalau dalam faktori paku, pakunya banyak dan terkena paku pekerjaanya, kalau ada paku berkarat mati pekerjaanya dan sebagainya, keselamatan tidak ada tidak diberinya kasut. Dalam faktori-faktori misalnya membuat bahan-bahan binaan yang berat-berat dia tidak beri topi untuk dipakai, kalau di negeri-negeri yang maju diberi topi dan kalau chemical factory diberinya bas, baju putih dan sebagainya untuk keselamatan pekerja-pekerja sebab prevention is better than cure. Kita hendak

bawa undang-undang, kita hendak prevention dahulu dan prevention ini adalah keseluruhan ditengok oleh Kementerian Buruh tadi.

Adakah Kementerian Buruh sudah bertanggungjawab kepada seluruh kilang-kilang di Malaya ini berkenaan buruh-buruh ataupun biar buruh jadi buruhlah asalkan dapat hasil negeri ataupun untung kepada majikan-majikan, begitu sahaja. Jadi tiap-tiap kilang mesti diperiksa oleh pegawai-pegawai buruh menengokkan supaya dalam tiap-tiap kilang keselamatan buruhnya terjaga sebab kita tidak hendak buruh kita habis sebelah kaki, putus dua belah kaki, putus dua tangan. Adakah kita hendak begitu? Dengan sebab itu prevention ini adalah lebih lagi mustahak. Kita mengadakan undang-undang untuk prevention daripada cure tadi. Kalau kaki sebelah untut, satu lagi sudah tidak ada lagi, bagaimanakah keadaan dia, sungguhpun barangkali diberi pencen tetapi tidak sama pencen ataupun wang yang diberi sebab satu kaki sudah tidak ada. Oleh kerana ini perkara keselamatan maka Kementerian Buruh mesti menjaga dahulu. Kemudian orang Islam mengatakan, orang Melayu mengatakan kalau nasib sudah datang, kerana bekerja dalam kilang sudah putus kaki, ini dikatakan kuasa Tuhan. Ini adalah disebabkan majikan tidak jaga buruh termasuk kakitangannya, walaupun itu Tuhan punya kuasa, tetapi Tuhan mengatakan jangan. Dari segi keselamatan, kalau misalnya hendakkan begitu maka pergilah langgar diri di hadapan motor yang sedang laju—kita jahanam. Dengan sebab itu keselamatan hendaklah dijaga, kalau sudah dijaga terkena juga misalnya terkena electricity, sudah dikawal diadakan jaring-jaring, pagarkan supaya jangan tergelincir di situ ataupun ada welding dan sebagainya kalau termasuk nanti tangannya putus dan sebagainya, kalau sudah dijaga terkena juga macam mana?

Saya tengok di negeri-negeri yang maju seperti negeri Jepun memang ada siap sedia segala-galanya untuk menjagakan keselamatan pekerjaanya. Negeri kita akan maju seperti juga negeri-negeri yang maju pada hari ini dan sekarang telahpun maju. Negeri kita Malaysia tidak lama lagi akan menjadi negeri yang cukup maju, dengan sebab itu keselamatan pekerjaanya mesti dijaga. Tetapi jikalau terjadi juga maka itu sebabnya kita

mengadakan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja ini. Jangan nanti apabila dia sudah putus kaki tidak ada apa bantuan diberi, kalau dia sudah putus tangan tidak ada apa-apa diberi, kalau putus satu jari bagaimana, satu mata hilang bagaimana, terkena telinga apa jadinya ataupun segala-galanya.

Saya berharap kepada Kementerian yang bertanggungjawab ini berkenaan dengan social securitynya mesti dijaga oleh kerana orang-orang ini juga mempunyai anak-anak, bertanggungjawab dan sebagainya. Isterinya jikalau mereka ini menderita tidak dapat bekerja, sungguhpun dibayar pencen pada hari ini, tetapi pencen yang sedikit tidak boleh menjadi apa-apa. Dengan sebab itu mesti difikirkan dari semasa ke semasa, social security ini mesti ditengokkan, dipertimbangkan dari semasa ke semasa oleh kerana pada hari ini gaji pegawai Kerajaan pun naik, Ahli Parlimen (Senator) pun naik maka dari semasa ke semasa juga social security kepada pekerja-pekerja mesti dipertimbangkan.

Inilah sahaja pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

5.29 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini, cuma saya ingin mendapat penjelasan bagaimana seseorang pekerja masa perjalanan ke tempat kerja, jikalau dia terlibat dalam sesuatu kemalangan memang ada peruntukan pekerja itu diberi kerugian yang patut mengikut undang-undang. Soalan saya bagaimana apabila seseorang pekerja selepas habis kerja semasa berjalan balik ke rumah, dia terlibat dalam sesuatu kemalangan, adakah pekerja itu dibayar apa-apa kerugian di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja?

5.30 ptg.

Dato K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah membangkitkan beberapa soal dan menunjukkan minat mereka di dalam perkara ini.

Kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad saya ucapkan terima kasih tentang perkara mengenai ladang-ladang yang ditimbulkan oleh beliau. Kebanyakan

ladang-ladang yang disebutkan oleh beliau itu adalah pada masa ini terletak di luar daripada kawasan bidangkuasa PERKESO kerana PERKESO pada masa ini dikuatkuasakan di beberapa pusat sahaja tetapi Kementerian saya mempunyai rancangan untuk meluaskan bidangkuasa dan liputan PERKESO ini kepada semua tempat pekerjaan sebelum akhir tahun ini juga iaitu semua tempat pekerjaan akan diberi perlindungan rancangan PERKESO sebelum akhir tahun 1980 ini. Dalam perkara itu kita hanya akan mengecualikan untuk sementara waktu tempat-tempat pekerjaan di mana kurang daripada 5 pekerja digajikan dan yang lain-lain itu termasuk ladang-ladang akan di bawah bidangkuasa PERKESO sebelum akhir tahun ini. Adalah tujuan kita untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja ini dan dalam perkara ini soal luasnya ladang itu atau lain-lain tidak akan timbul dan hanya akan dirujuk kepada ramainya pekerja-pekerja di tempat-tempat itu.

Kepada Yang Berhormat Mulia Raja Datuk Nong Chik yang telah membangkitkan satu perkara yang saya fikir agak penting juga iaitu sikap masyarakat, Kerajaan, pekerja-pekerja dan majikan juga kepada kemalangan-kemalangan di tempat-tempat pekerjaan ialah satu perkara yang harus mementingkan prevention selain daripada memberi pampasan kepada mereka yang tercedera. Inilah sikap yang Kementerian saya pun mempunyai dan juga sikap yang kita menggalakkan di kalangan majikan dan pekerja dan kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja dan pihak-pihak yang lain yang berminat dalam perkara ini kerana prevention memang bukan sahaja better than cure tetapi prevention juga jadi murah kepada SOCSO, kita dapat mengelakkan daripada membayar pampasan atau faedah-faedah SOCSO dan lain-lain. Prevention ini adalah satu perkara yang terletak sebagai tanggungjawab Jabatan Kilang dan Jentera, bukan PERKESO secara langsung. Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian saya sentiasa menjalankan lawatan, inspection di tempat-tempat kerja dan sentiasa menggalakkan dan mendedak pihak pekerja dan majikan mengambil perhatian yang berat dalam perkara mengelakkan kemalangan-kemalangan di tempat-tempat kerja mereka termasuk juga pakaian-pakaian yang selamat seperti topi, kasut dan lain-lain di tempat-tempat yang tertentu

tetapi malangnya dan dukacitanya juga di kebanyakan tempat pihak pekerja ataupun pihak majikan tidak begitu mementingkan perkara ini dan hanya mengambil perhatian kepada perkara ini apabila satu kemalangan berlaku. Ini adalah satu yang sedih dan Jabatan Kilang dan Jentera dan Kementerian saya sedang menjalankan satu kempen kesedaran kepada majikan-majikan, Kesatuan-kesatuan Sekerja dan juga kepada pekerja-pekerja dengan kerjasama daripada National Productivity Centre dan juga Malaysia Society for Industrial Safety yang ditubuhkan dengan galakan daripada Kementerian dan saya juga dan memang kita akan memberi perhatian yang wajar dalam perkara itu.

Disebutkan juga oleh kerana Senator-senator sudah dinaikkan gaji, harus juga PERKESO menaikkan faedah. Memang ini dalam perhatian dan pada tahun 1978 kita sudahpun menaikkan faedah-faedah di bawah Rancangan PERKESO sebanyak 7½% dan adalah tujuan Kementerian saya tidak lama lagi untuk mengumumkan satu kenaikan kepada faedah-faedah yang dibayar kepada pekerja-pekerja yang diberi perlindungan di bawah Skim PERKESO. Perkara ini akan dapat diumumkan tidak berapa lama lagi, kita harap.

Yang Berhormat Senator T. S. Gabriel telah membangkitkan satu perkara definition iaitu adakah pekerja-pekerja yang pergi dan balik dari tempat pekerjaan mereka diberi perlindungan oleh SOCSO. Jawapan yang terus terang kepada soal ini tidak dapat diberikan tetapi saya dapat mengatakan di sini bahawa jika pekerja-pekerja itu pergi atau balik dari tempat pekerjaan mereka dengan kenderaan yang dibekalkan oleh majikan, memang pekerja-pekerja yang dalam perjalanan itu diberi perlindungan daripada Skim SOCSO dan juga Skim Workmen's Compensation dan di lain-lain keadaan tertaklukkan kepada situation dalam kes-kes yang tersebut tetapi pada amnya kita dapat mengatakan bahawa pampasan itu tidak diberi oleh kerana perkara itu mempunyai kerumitan yang besar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.39 *ptg.*

Dato K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan), 1980 dibacakan kali kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu ingat bahawa pindaan-pindaan kepada Ordinan Kerja ini telah dijanjikan akan dibentangkan di Dewan ini, semasa perbahasan dalam bulan April tahun ini, ketika Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat membentangkan pindaan-pindaan kepada Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 dan Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959.

Rang Undang-undang Pindaan di hadapan Dewan ini sekarang adalah satu pindaan yang lengkap, yang bertujuan untuk mengemaskinikan peruntukan-peruntukan yang pada mulanya diperbuat dalam tahun 1955. Inilah kali yang pertama satu kajian semula yang menyeluruh dibuat ke atas Ordinan tersebut semenjak 25 tahun ini.

Oleh yang demikian, pindaan-pindaan kepada Undang-undang Buruh ini adalah sangat penting dan mencerminkan hasrat Kerajaan untuk menentukan bahawa pekerja-pekerja kita di dalam semua sektor dapat menikmati hasil tenaga buruh mereka serta

dapat menyertai dalam arus pembangunan negara kita. Pindaan-pindaan ini juga mencerminkan keseluruhan sistem perhubungan perusahaan kita dan juga piawaian-piawaian buruh serta garis-garis panduan bagi kebajikan pekerja-pekerja kita. Ia juga merupakan rangka bentuk bagi pertumbuhan ekonomi negara kita dan juga asas bagi kita untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam dekad yang akan datang dalam bidang ekonomi dan buruh. Lain-lain pindaan dan peraturan dalam bidang buruh, yang melibatkan syarat-syarat pekerjaan, keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan lain-lain, adalah juga sedang dirangka, hasil daripada kajian semula yang menyeluruh yang telah dijalankan. Semua ini akan diumumkan apabila siap kelak.

Ordinan kerja ini adalah merupakan perundangan asas dari segi piawaian-piawaian buruh. Selain daripada gaji, yang lazimnya ditentukan di bawah perjanjian bersama atau oleh majikan di mana tidak terdapat Kesatuan Sekerja, Ordinan ini juga memperuntukkan piawaian-piawaian minima bagi syarat-syarat pekerjaan pekerja-pekerja kita serta melindungi mereka dalam perkara-perkara seperti bayaran gaji, waktu kerja, kerja waktu malam hari, waktu kerja bagi pekerja-pekerja wanita, hari-hari rehat tidak mingguan, cuti tahunan, cuti sakit, faedah-faedah bersalin, hari kelepasan dan lain-lain. Ordinan ini juga menghuraikan kuasa-kuasa yang diberi kepada pegawai-pegawai Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dalam mentadbir dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya.

Peruntukan-peruntukan di dalam Ordinan ini serta pindaan-pindaannya akan memberi faedah kepada sebilangan besar pekerja-pekerja kita yang bergaji. Ia memberi erti yang begitu besar kepada 2.5 juta pekerja-pekerja kita yang bergaji tetapi tidak menjadi ahli Kesatuan Sekerja. Terdapat juga beberapa peruntukan yang lebih baik dari segi syarat-syarat pekerjaan bagi mereka yang diwakili oleh Kesatuan Sekerja.

Huraian yang dilampirkan kepada Rang Undang-undang ini menjelaskan dengan sepenuhnya asas dan tujuan berbagai-bagai fasal di dalam Rang Undang-undang ini. Oleh yang demikian tidaklah perlu bagi saya untuk menerangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

Walaupun bagaimanapun, secara am saya ingin menyatakan bahawa hampir kesemua piawaian-piawaian yang diperuntukkan di dalam Ordinan ini telah diperbaiki. Satu "graduated scheme" dari segi cuti tahunan dan faedah-faedah cuti sakit telah diperkenalkan supaya pekerja-pekerja yang telah lama berkhidmat dapat menikmati faedah yang lebih besar. Bahagian baru di dalam Rang Undang-undang ini iaitu Bahagian XHIA, menjelaskan secara lanjut peruntukan-peruntukan mengenai faedah-faedah penamatan dan pengeneplan kerja (lay off) bagi pekerja-pekerja kita. Bahagian ini, melalui Peraturan-peraturan yang akan diperbuat di bawahnya, bertujuan untuk memberi faedah-faedah yang selaras supaya pekerja-pekerja yang telah lama berkhidmat dapat menikmati faedah yang lebih tinggi. Ini, kita harap, akan dapat memberi sumbangan, dalam memupuk serta menggalakkan komitmen yang lebih kekal pekerja-pekerja kita terhadap syarikat tempat mereka bekerja, dan dapat membantu mengurangkan pergantian (turnover) buruh pada masa ini. Masalah ini adalah perkara yang merunsingkan di setengah-setengah tempat dan perindustrian.

Kadar bayaran yang lebih baik bagi kerja-kerja lebih masa serta kerja pada hari-hari rehat dan hari kelepasan am telah juga dinaikkan, hingga 4½ kali ganda kadar gaji biasa bagi kerja lebih masa pada hari kelepasan am yang mana pekerja-pekerja itu berhak untuk mendapatnya. Hari-hari kelepasan juga telah ditambah dari 7 hari setahun kepada 10 hari dan 4 hari kelepasan am itu adalah diwajibkan supaya satu hari kelepasan am yang sama dapat diberi kepada semua pekerja pada hari-hari perayaan kebangsaan seperti Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan hari-hari Keputeraan Sultan dan Yang Di-Pertua Negeri (di negeri masing-masing).

Waktu bekerja juga telah diubahsuai yang menentukan 5 jam kerja yang berterusan, dengan waktu rehat sekurang-kurangnya 30 minit. Sistem waktu kerja yang dibahagi-bahagikan (staggered), yang diamalkan di setengah-setengah perusahaan, telah juga dikawal di bawah Ordinan ini buat pertama kalinya.

Tujuannya ialah supaya pekerja-pekerja tidak harus berada di tempat kerja mereka pada waktu yang lama, tanpa memberinya

waktu rehat atau peluang baginya untuk menjalankan tugas dan tanggungjawabnya terhadap keluarga dan masyarakatnya.

Perlindungan yang lebih besar telah juga diperkuatkan bagi pekerja-pekerja wanita selepas cuti bersalin, serta menjelaskan dengan lebih terang peruntukan-peruntukan faedah bersalin.

Peruntukan-peruntukan bagi penguatkuasaan Undang-undang ini juga telah diubahsuai untuk menentukan penyelesaian yang lebih cepat dari segi tuntutan gaji dan lain-lain tuntutan, apabila timbul pelanggaran ke atas peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Ordinan tersebut.

Adalah juga dijelaskan di dalam fasal 4 di dalam Rang Undang-undang ini bahawa peruntukan-peruntukan di bawah Ordinan ini adalah merupakan peruntukan-peruntukan yang minima.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah mempunyai scope yang sangat luas. Ia adalah merupakan hasil kajian semula yang lengkap serta menyeluruh yang telah dijalankan dalam tempoh lebih-kurang dua tahun yang lepas, dan mencerminkan hasrat kita untuk memberi faedah secara langsung kepada tenaga kerja kita yang kian meningkat, yang sedang bekerja di berbagai-bagai sektor ekonomi kita.

Kita telah mengkaji dengan teliti pindaan-pindaan ini dan berbagai-bagai cadangan dan ulasan yang diterima. Kita sentiasa menyedari bahawa di samping Ordinan ini memperuntukkan faedah-faedah dan piawaian-piawaian minima, faedah ini adalah kadar sebenar yang dinikmati oleh sebahagian besar pekerja-pekerja kita yang bergaji oleh kerana mereka ini tidak diwakili oleh Kesatuan Sekerja. Oleh yang demikian kita telah cuba menentukan bahawa faedah-faedah ini adalah mengikut satu paras yang berpatutan, yang mampu diberi oleh majikan-majikan yang sederhana dan ini juga melambangkan aspirasi pekerja-pekerja yang berkeinginan. Untuk tujuan ini kita telah menganalisa perjanjian-perjanjian bersama yang dipersetujui di antara majikan-majikan dan kesatuan-kesatuan sekerja mereka dalam tahun-tahun kebelakangan ini, serta cuba mencari kadar minima peruntukan-peruntukan tersebut, untuk dijadikan garis panduan untuk menentukan paras minima yang perlu diperuntukkan

secara peruntukan wajib di bawah Undang-undang. Kita telah juga mengelakkan diri dari mengenakan syarat-syarat dan konsep yang baru sahaja timbul dalam perhubungan buruh kita.

Kita telah menimbangkan bahawa syarat-syarat dan konsep yang sedemikian sepatutnya diperuntukkan di dalam undang-undang selepas memperoleh pengalaman dari segi pelaksanaannya kita juga telah dipandu, dari segi ini, oleh keperluan-keperluan bahawa piawai-piawai buruh di sini hendaklah sejajar dan sesuai dengan kedudukan sosio ekonomi bagi beberapa tahun yang akan datang, di mana kita memerlukan pertambahan pengeluaran dan penggunaan tenaga kerja yang lebih penuh, untuk menentukan satu taraf hidup yang lebih baik bagi pekerja-pekerja Malaysia.

Peruntukan-peruntukan mengenai waktu kerja, cuti dan hari kelepasan dan kadar bayaran lebih masa yang lebih baik, adalah penting sekali. Ia telah dibentuk dan dikira terutama sekali dengan tujuan untuk menentukan bahawa pekerja-pekerja kita menikmati waktu rehat yang menasabah dan bukan untuk memberi keuntungan kepada mereka melalui kerja-kerja yang lebih lama.

Ini adalah merupakan perkara yang dipandang berat kerana kita mendapati di setengah perindustrian, satu mirip atau "tendency" terhadap waktu kerja yang lama. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa di bawah Seksyen 60H (4) (1) Ordinan kerja, seseorang pekerja tidak dibenarkan menjalankan kerja lebih masa lebih daripada 32 jam satu bulan. Satu peruntukan yang wujud di dalam Ordinan tersebut, memperuntukkan had maksima gaji lebih masa itu hanya boleh melebihi had tersebut apabila dibenarkan oleh Ketua Pengarah Hal Ehwal Buruh dengan secara bertulis. Had waktu kerja lebih masa ini pada mulanya diperuntukkan di dalam Ordinan ini di dalam tahun 1969. Permohonan dan kelulusan untuk melebihi had masa bagi kerja lebih masa sebanyak 32 jam ini pada tahun-tahun yang lepas telah menunjukkan satu trend yang kian meningkat. Dalam tahun 1979, Kementerian saya telah memberi kelulusan kepada 908 majikan untuk menjalankan kerja-kerja lebih masa lebih daripada 32 jam sebulan. Kelulusan ini meliputi lebih 150,000 pekerja dan merangkumi sepanjang tahun.

Dalam suku tahun pertama 1980 sahaja sebanyak 315 kelulusan telah diberi kepada berbagai-bagai perindustrian yang meliputi lebih kurang 20,000 pekerja-pekerja. Kelulusan yang diberi dalam tahun 1979 juga saya percaya akan terus dimaklumkan kepada Kementerian saya dan pada tahun ini juga dan mungkin juga akan melebihi jumlah kelulusan yang diberi dalam tahun 1979.

Apa yang lebih merunsingkan lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa kelulusan yang dipohon itu, sebahagian besarnya, ialah bagi tempoh maksima 12 jam waktu kerja bagi tiap-tiap hari kerja, iaitu hingga 104 jam kerja lebih masa bagi tiap-tiap bulan. Waktu kerja yang maksima ini berjalan sepanjang tahun dan tidak bagi tempoh-tempoh yang tertentu sahaja. Saya yakin bahawa terdapat beberapa ketika di mana tempoh-tempoh kerja lebih masa yang melebihi had yang terkanun ini, dijalankan tanpa kelulusan Kementerian saya.

Bank-bank adalah merupakan tempat-tempat kerja utama di mana kerja-kerja lebih masa yang panjang ini dijalankan. Akan tetapi sektor pembinaan dan kejuruteraan dan pembuatan, dan juga sektor perdagangan juga menjalankan amalan-amalan ini.

Adalah jelas, Tuan Yang di-Pertua, bahawa had 32 jam waktu kerja lebih masa ini yang diperuntukkan di dalam undang-undang kita telah hampir tidak mempunyai erti sama sekali, memandangkan besarnya bilangan kelulusan yang diberi bagi melebihi had ini. Adalah juga diperhatikan bahawa pekerja-pekerja dan kesatuan-kesatuan mereka, kebanyakannya bersetuju dengan tindakan majikan dalam mmeruskan amalan kerja lebih masa yang berlebihan ini, oleh kerana pendapa'an lebih yang boleh didapati dari kerja lebih masa ini.

Yang demikian, untuk kemudahan pentadbiran aspek Ordinan ini, kami telah mencadangkan di dalam fasal 22 (i) Rang Undang-undang ini untuk membatalkan had 32 jam waktu kerja lebih masa. Sebagai gantinya, Menteri akan diberi kuasa untuk menetapkan melalui Peraturan-peraturan had-had kerja lebih masa yang dibenarkan. Kerja lebih masa selanjutnya, melebihi daripada had yang telah ditetapkan oleh Menteri itu, memerlukan kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Hal Ehwal Buruh.

Adalah dicadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya baru bagi waktu maksima kerja lebih masa ini ialah 64 jam satu bulan, tidak termasuk Hari Kelepasan Am dan cuti rehat. Kita bertujuan bahawa akan memperketatkan kelulusan bagi kerja-kerja lebih masa yang melebihi 64 jam satu bulan supaya tujuan undang-undang ini untuk memberi waktu rehat yang berpatutan kepada pekerja-pekerja dapat dicapai.

Kita akan meneliti dan mengawasi pelaksanaan Peraturan-peraturan ini dan akan membuat pindaan jika difikirkan perlu, untuk mencapai tujuan ini.

Ini sahaja peruntukan-peruntukan yang ingin saya jelaskan, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Dewan ini akan memberi sokongan yang penuh kepada Rang Undang-undang ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Haji Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Akta Kerja (Pindaan) dibacakan kali kedua dan sekarang dibuka untuk dibahas.

Datuk Dr Wee Khoon Hock.

5.56 ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan sungguh sukacita menyokong Rang Undang-undang ini yang semata-mata untuk faedah dan memperbaiki lagi kehidupan pekerja-pekerja negara Malaysia. Pekerja-pekerja ini akan menjadi tulang belakang pembangunan negara kita dalam tahun lapan puluhan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ketegangan berat antarabangsa dan masalah-masalah antarabangsa makin hari makin teruk adalah satu sikap yang amat penting bagi Malaysia iaitu perpaduan rakyat Malaysia. Perpaduan rakyat Malaysia perlu diwujudkan sebelum akhir abad atau kurun 20 ini untuk menghadapi segala cabaran dari luar dan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, muhibbah dan perhubungan baik pastilah diwujudkan dan dipelihara di antara semua kaum di negara

Malaysia bukan sahaja antara kaum bumi-putra, kaum Tionghua, India dan sebagainya bahkan juga di antara kaum majikan dan kaum pekerja. Perpaduan negara pada saat ini adalah lebih-lebih penting lagi dalam mana-mana zamanpun dalam sejarah negara ini. Saya menyeru kepada kaum pekerja khususnya kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja sementara mereka berjuang hak-hak mereka kepentingan negara hendaklah diambil pertimbangan pertama.

Rang Undang-undang ini yang dikemukakan oleh Kerajaan dengan penuh keikhlasan ialah dengan maksud dan tujuan untuk memperbaiki keadaan-keadaan pekerja dan meringankan beban kerja kaum pekerja itu. Sesungguhnya tidak ada apa-apa keadaan dalam dunia ini boleh dikatakan sempurna oleh kerana manusia sendiri dan dunia pun tidak sempurna. Saya yakin Akta akan diperbaiki lagi pada masa yang akan datang jikalau perlu. Akta ini telah dikaji dan diluluskan oleh Dewan Rakyat. Apa yang penting ialah Undang-undang ini dikuatkuasakan dan diawasi oleh pihak Kementerian supaya pihak majikan tidak menyeleweng apa-apa bahagianpun daripada undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak.

6.00 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang ini. Kerajaan kita pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, memang memandang berat kepada buruh-buruh. Oleh kerana jika sebuah negara itu tidak memelihara atau tidak menengokkan keadaan buruhnya, maka akan timbul banyak huru-hara dalam negeri itu. Apa sebab huru-hara, oleh kerana buruh-buruh itu tidak dapat dijaga, banyaklah muncul pertubuhan buruh-buruh dan ada pertubuhan buruh-buruh yang di hasut oleh anasir-anasir jahat untuk menjatuhkan negara. Anasir-anasir jahat ini mementingkan dirinya dengan menghasut buruh-buruh ini jika buruh-buruh ini tidak dijaga. Bukan sahaja buruh-buruh itu dijaga supaya mereka bekerja 64 jam sebulan tidak tetapi bagaimana keadaan kehidupan mereka, mesti dijaga oleh Kerajaan.

Baru-baru ini kita telah mengadakan satu Rang Undang-undang mengkaji Undang-undang Buruh dan Kerajaan telah mengadakan beberapa pertukaran berkaitan dengan Undang-undang Buruh ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali untuk buruh-buruh ini ialah untuk meninggikan taraf hidup mereka. Pada hari ini kita dapati ada bermacam bank seperti Bank Buruh, Bank Pertanian, bank untuk industri, bank untuk mendapatkan modal meminjam sebagainya. Bagaimana untuk buruh-buruh ini adakah buruh-buruh ini bergantung kepada majikan sahaja yang mana kita tahu Bank Pertanian ada ditubuhkan oleh Kerajaan. Di mana ada Bank Buruh yang ditubuhkan oleh Kerajaan; saya tahu ada Bank Buruh tetapi siapa menubuhkannya. Kita tahu juga oleh kerana dalam masa perbincangan yang lalu saya tidak hendak cakapkan bagaimana keadaan Bank Buruh menyeleweng atau tidaknya tetapi apa tanggungjawab Kerajaan terhadap buruh-buruh ini. Katakan untuk meninggikan taraf hidup buruh sebab yang penting sekali duit untuk meninggikan taraf mereka. Adakah buruh-buruh ini boleh meminjam di bank-bank, Bank-bank mengatakan: apa hendak buat? Kalau buat rumah, tidak; hendak berniaga, mereka tidak diberi pinjaman. Dengan sebab itu Kerajaan mestilah memberi seperti bank-bank yang diakui Kerajaan \$100 million atau \$50 million untuk permulaan diberi kepada Bank Buruh ini-dijaga oleh Kerajaan macam diadakan Bank Rakyat, Bank Pertanian dan sebagainya, ini baharu dapat menjaga kehidupan buruh. Buruh ini dapatlah dijamin oleh majikannya dengan mengatakan boleh pinjam daripada bank-bank. Kalau dia tidak bayar dipotong daripada gajinya tiap-tiap bulan. Tetapi kalau dikatakan di dalam Rang Undang-undang ini untuk membeli tanah, untuk meminjam satu bulan pada majikan dengan tidak ada faedah (interest). Untuk menolong buruh ini dikatakan mengikut pepatah Melayu: seperti se titik air di dalam lautan sahaja, tidak menjadi apa-apa. Hendak beli basikal, hendak beli motosikal tetapi kita kehendaki kehidupan buruh untuk hari-hari akan datang, mereka akan hidup barangkali 60 hingga 70 tahun akan datang apa akan jadi kepada buruh-buruh ini.

Saya tidak mengatakan semua buruh sebab buruh-buruh ini dibahagi kepada dua tiga macam; ada buruh yang bergaya-executive, itu buruh juga. Tetapi yang saya

fikirkan kepada buruh-buruh rendah Division D yang tidak ada apa-apa pun. Adakah Kerajaan hendak menengok keadaan begini. Dengan sebab itu diadakan betul-betul satu cadangan iaitu diadakan Bank Buruh di mana buruh-buruh ini boleh meminjam duit oleh kerana dia tidak dapat meminjam duit EPF sebelum sampai umurnya 50 tahun, dia boleh pinjam daripada Bank Buruh. Kalau sudah sampai 50 tahun baharu hendak buat rumah, dia mesti bersedia dahulu. Tuan Yang di-Pertua. Orang lain semua bersedia, buruh-buruh tidak dapat hendak buat apa. Yang Berhormat Menteri tahu atau tidak yang buruh-buruh ini menggunakan duit untuk membeli rumah yang didirikan oleh PKNS dan yang lain-lain, duit pendahuluan pun tidak ada bagaimana hendak membeli rumah. Inikah kita katakan, kita hendak menolong buruh. Itu sebabnya kita nampak buruh-buruh mendirikan rumah setinggan di sekeliling Kuala Lumpur. Itu pun diburu oleh Kerajaan Tempatan dan sebagainya. Disuruh buka, dia lari dan buat lagi rumah, diburu lagi, diroboh, hancorkan, dibuat lagi rumah, apa hendak buat.

Dengan sebab itu, jika ada duit pendahuluan, bank-bank ini boleh beri duit pendahuluan bukan diharapkan kepada majikan sahaja tetapi di saluran-saluran yang lain juga dapat menolong buruh-buruh ini dengan faedah-faedah yang tertentu, jangan faedah-faedah yang terlampau tinggi kerana kita hendak menolong buruh-buruh kita. Faedah-faedah yang diberikan kepada pegawai Kerajaan juga, pegawai Kerajaan barangkali kalau hendak pinjam duit untuk loan rumah hanya 4% faedahnya. Begitu juga buruh-buruh ini boleh dipinjamkan dan dikenakan faedah 4%. Kerajaan tidak akan rugi di atas perkara ini oleh kerana negeri kita ialah negeri yang kaya raya.

Sebab apa saya katakan begitu, Tuan Yang di-Pertua, jika buruh-buruh ini menyeleweng nanti bukan sahaja negeri ini susah macam darurat dahulu, beratus million satu hari terpaksa kita berbelanja menentang fahaman komunis. Daripada itu lebih baik kita memberi kemudahan-kemudahan kepada buruh-buruh ini supaya kita boleh bela mereka untuk memperbaiki kehidupannya. Mereka berkehendakkan rumah bukannya mahligai, istana, tidak; asalkan rumah-rumah murah yang dikatakan \$20,000. Ini takkan tidak ada daya upaya mereka untuk membeli rumah yang berharga \$20,000 walau rumah semurah

apa pun. Itu sebabnya Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat mengadakan perundingan dengan Kementerian Perumahan untuk membuat rumah yang lebih murah, yang betul-betul murah. \$20,000 dikatakan murah; 25,000 dikatakan murah; \$30,000 dikatakan murah. Tidak ada sebab mengatakan \$25,000 itu murah. Kalau hendak 10% wang pendahuluan daripada \$20,000 berapa-\$2,000. Mana buruh-buruh ini ada duit \$2,000. Itu sebab dikaji betul-betul, sebelum kita buat Rang Undang-undang ini kita kaji bagaimana untuk mendapatkan mereka ini kesenangan walaupun dari pihak Kerajaan ataupun majikan terutama majikan-majikan dari luar negeri. Mereka datang ke mari memanglah dengan tujuan hendak mencari keuntungan. Ini kita tahu sebab dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada lebih 300 perusahaan-perusahaan akan datang ke negeri kita ini oleh kerana negeri kita ini baik, buruhnya baik, keadaannya baik, politiknya baik, negerinya kaya-raya, bagus, mereka akan datang, tetapi buruh kita juga tidak boleh sekali-kali dipermainkan oleh orang-orang yang datang ini. Oleh kerana gaji murah orang ini datang untuk memperhambakan orang-orang kita.

Jadi dengan gaji yang berpatutan memang itulah pertimbangan Kerajaan pada hari ini untuk memberi mereka ini gaji. Kalau hendak melampau sangat sebab itu labour union kerjanya untuk menghasut, tambah lagi gaji dengan tidak pula diberitahu kepada buruh ini mengatakan kalau begini gayanya kilang-kilang akan ditutup, mereka akan susah. Ini juga pegawai-pegawai buruh mesti bertanggungjawab memberitahu kepada buruh ini. Jikalau kilang-kilang itu ditutup nanti apa akan jadi kepada mereka ini. Kalau mereka ini menanam modal ke negeri lain apa akan jadi pula. Penerangan-penerangan ini semuanya mestilah diberi oleh pegawai-pegawai buruh.

Cuba kita tengok buruh-buruh di estet. Buruh-buruh di estet pada masa dahulu layanan orang puteh, kalau saya katakan orang putih bukan British sahaja, oleh sebab itu saya borong kata orang puteh; ada French, ada juga American. Dengan sebab itu orang puteh diperhambanya betul-betul orang kita dalam estet sehinggakan hendak lalu di hadapan pejabatnya itu kalau naik basikal mesti turun dari basikal kena panggil 'Represi Dorey', maknanya 'Tuan Besar'.

Perkara ini sudah lepas tetapi orang puteh itu memberi tempat orang-orang ini, tiap-tiap estet ada tempat bertanam sayur, ada tempat memelihara lembu. Pada hari ini cuba tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa estet-estet kita yang diberi tempat untuk menanam sayur dan memelihara lembu sebab kebanyakan orang-orang Malaysia keturunan India sekarang ini hendak memelihara lembu kerana hendak susu, kalau tidak begitu yang bergaji kecil macam mana hendak gemuk, hendak sihat. Jadi dia terpaksa perah susu lembu ini untuk diberi anak-anaknya minum susu lembu begitu juga dia supaya dia bekerja kuat. Ini tempat kandang tidak diberi, begitu juga sayur supaya dapat dia mencangkul kebun sayurinya selepas pukul 2.00 petang, iaitu lepas dia memotong getah, mesin getah, kemudian dapat dia menanam sayur untuk menambah rezekinya dan juga untuk dirinya sendiri, tetapi mana ada pada hari ini, disuruh Kerajaan juga membuat rumah di dalam estet. Mana ada estet-estet ini menempatkan tapak-tapak rumah. Begitu besarnya estet 5,000 ekar, 10,000 ekar macam Dunlop Estate ada berpuluh ribu ekar, mana ada diberi tapak walau sejadi pun untuk buruh-buruh ini, tak ada langsung. Itulah dikatakan rumah buruh (labour line) disuruh Kerajaan memberi, mana Kerajaan ada tanah lagi sebab tanah ini sudah diberi kepada orang puteh dahulu. Tanah yang baik semua diambil oleh orang puteh dahulu.

Sepatutnya pada hari ini Menteri Buruh mesti buat satu undang-undang dalam estet terutama sekali, kalau kilang tidak dapat sebab kilang itu untuk 5 ekar atau 10 ekar, itupun payah mendapat tanah untuk kilang, hendak tanah rumah lagi susah, tidak usahkan tanah untuk buruh tetapi di estet ini boleh dibuat. Apa sebabnya tidak boleh diberi kalau tidak Kerajaan acquire betul secara acquisition, secara murah barangkali dapat tanah estet kalau diacquire oleh Kerajaan untuk dibuat perumahan, Estate Manager tidak boleh meninggalkan harga tanah itu. Barangkali kalau tanah getah cuma \$4,000 sahaja satu ekar tetapi cuba kalau orang India di Estet, orang Melayu dalam estet atau orang Cina dalam estet itu atau buruh estet itu keseluruhannya hendak membeli tentu dia kata \$15,000, \$20,000, \$30,000 satu ekar. Dengan sebab itu Kementerian Buruh mestilah menjalankan cara-cara ini, kemudian diberi sedikit, setengah atau suku ekar seorang untuk mereka ini membua:

rumah masing-masing dan tiap-tiap estet tentulah ada, sampai hari ini tak ada apapun dibuat kepada mereka ini, adalah barangkali satu-satu di sana. Saya hendakkan supaya dapat pekerja-pekerja estet ini tanah perumahan.

Begitu juga buruh-buruh kita yang di lombong-lombong. Negeri kita dikorek oleh orang-orang puteh, harta pesaka kita habis dikorek, tinggal pasir, tinggal lubang-lubang sahaja, buruh kita diperguna, diperkosanya hendak mendapatkan keuntungan yang begitu banyak, tetapi adakah selepas tanah ini dikorek oleh kerana buruh ini makin lama makin tua bekerja, terutama sekali berkenaan lombong yang dikatakan "lombong kapal korek" sudah 15-20 tahun bergerak di situ juga. Buruh ini makin lama makin tua bekerja di situ, bekerja kuat, adakah atau tidak tanah-tanah bekas lombong ini diberi kepada mereka, diminta kepada Kerajaan oleh kerana ini adalah tanah lease, saya tahu tanah itu adalah tanah Kerajaan tetapi diminta kepada mereka ini supaya jangan si Ah Chong, si Ahmad, si Manikam dapat 200-300 ekar untuk buat rumah dan dijual satu kaki \$8.00, buruh mana yang boleh beli tanah \$8.00 satu kaki.

Di Serdang lepas melombong, pergi semak Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh, \$8.00 satu kaki sesudah dilanyak buat lombong, dijual \$8.00 satu kaki orang dapat daripada Kerajaan Negeri, orang-orang buruh tidak dapat ap-apa. Ini tanggungjawab kita kepada buruh kita yang telah menitikkan peluh jatuh ke tanah untuk mengkayakan bumi Malaysia ini, mengkayakan negara tetapi akhirnya mereka ini bersetingan. Pekerja lombong ini juga mesti ditengokkan dan tanah-tanah bekas-bekas lombong ini diminta kepada Kerajaan Negeri setelah habis leasennya atau sebelum leasennya habis oleh kerana apabila sudah dibuat lombong, lombong ini tidak digunakan lagi, kita boleh minta kepada State Government kalau dilulus oleh orang lombong tanahnya sudah dileasekannya sebelum leasennya mati boleh juga dikatakan saya beri balik kepada Kerajaan Negeri dan Pejabat Buruh boleh minta ataupun pertubuhan buruh ataupun apa sahaja boleh minta supaya mendirikan rumah untuk buruh-buruh yang bekerja dalam lombong ini daripada menumpang sampai bila-bila.

Kalau hendak diceritakan perkara ini banyak, iaitu berkenaan dengan buruh-buruh di pelabuhan perkapalan, buruh dalam kilang-kilang dan sebagainya tetapi Kerajaan kita ialah Kerajaan yang bertanggungjawab dan telah memerhati dan menengokkan keadaan-keadaan buruh ini.

Cuma yang saya katakan supaya Kerajaan mengambil berat lagi, bukan saya kata Kerajaan kita tidak mengambil berat, Kerajaan kita makin lama makin mengambil berat terhadap buruh-buruh kita ini sebab siapa sahaja yang memegang buruh tahu cara menjalankan administration buruh-buruh ini, mengambil hati buruh, Kerajaan Negeri kita akan kukuh, Kerajaan Negeri kita akan stabil selama-lamanya.

Kalau kita tengok di negeri-negeri lain macam di Italy boleh dikatakan tiap-tiap hari mogok, bank itu mogok, bank ini mogok, kapalterbang itu mogok, kapalterbang ini mogok, negerinya tidak boleh jadi kuat. Dengan sebab itu, kalau negeri ini hendak menjadi kuat maka buruh mestilah dijaga betul-betul. Itu sebabnya tadi kita sudah luluskan undang-undang menjaga security buruh, bagaimana keadaan buruh-buruh, ini bagus supaya kita tengok keselamatan buruh-buruh ini.

Begitu juga buruh ini bukanlah tetap buruh kasar selama-lamanya. Di England misalnya, ini kalau saya kata, itu England, ini lain perkara, ini Malaysia, tetapi kita mengatakan kita hendak tujukan satu perkara iaitu kita hendak meninggikan taraf buruh, buruh yang berkehendakan kenaikan hidupnya juga Kementerian Buruh mesti mengadakan kelas-kelas. Kelas-kelas apa sahaja, buruh-buruh ini berkehendakan masuk kelas kerana hendak belajar lagi, meninggikan taraf hidup mereka sebab mereka tidak berpeluang, boleh jadi buruh-buruh ini orang miskin, ibubapanya miskin, bukan dia hendak miskin, dia hendak pengetahuan untuk meninggikan taraf hidupnya, kalau dia boleh naik pangkat daripada foreman naik kepada engineer, atau daripada buruh kasar naik jadi supervisor. Mereka ini diberi peluang macam orang lain juga diberi peluang. Adakah kita sudah buat begitu kepada buruh-buruh kita oleh kerana kita sudah 20 tahun merdeka, kalau lima tahun merdeka saya tidak cakap begitu, sebab 20 tahun sudah kita merdeka, Undang-undang Buruh sudah kita tukar, berapa kali sudah kita tukar jadi sekarang

tidak terlambat lagi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri fikirkan iaitu ini baik, cadangannya bagus, oleh kerana buruh-buruh juga berkehendakan perubahan, dapat menawan hati mereka ini biar mereka keluar, boleh jadi satu hari esok buruh kasar ini boleh jadi engineer.

Seorang budak hotel yang mengambil beg misalnya, satu hari nanti dia boleh jadi manager di hotel itu, oleh kerana dia ada peluang untuk belajar, ada kelas malam macam mana diadakan di England dan sebagainya. Bukan sahaja private, tidak tetapi ada satu tempat yang diadakan oleh Pejabat Buruh.

Selain daripada itu, oleh kerana hari ini hari penghabisan, penghabisan bagi saya-kah. . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nisfu Syaaban pun malam ini juga.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Ya, boleh. Dengan sebab itu, saya mintalah kepada Yang Berhormat Menteri bukan sahaja berkenaan dengan rehat tadi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ada dalam ucapannya rehat diberi, kesihatan pun diberi. Jadi kerehatan ini ada setengah-setengah negeri misalnya di negeri-negeri satu minggu ada lima hari bekerja, dua hari tidak bekerja. Ada negeri-negerinya. Di sini rehat barangkali kita telah mengadakan cuti rehat kepada pekerja-pekerja kita.

Misalnya, negeri yang belum berapa maju kalau diberi banyak rehat productivity kita kurang, ini saya bersetuju oleh kerana terlampau banyak rehat negeri hendak maju tidak dapat maju, orang tidak hendak menoreh getah lagi, mereka kata hujan sahaja hari-hari; jadi negeri tidak boleh maju. Ini saya bersetuju sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi buruh-buruh ini juga berkehendakan kerehatan sebagaimana yang saya katakan berkehendakkan rehat, rehat itu bukan apa, tidak, setahun sekali macam di negeri-negeri lain buruh-buruhnya macam orang kita juga, macam pegawai-pegawai kita, mereka juga hendak menengok tempat-tempat lain, dibawa mereka ini menengok, tidak dapat ke luar negeri tidak menjadi hal tetapi dalam negeri, misalnya ke Pulau Langkawi, misalnya Desaru dan juga tempat-tempat yang menarik

kerana mereka ini juga hendak menengok bagaimana tempat-tempat ini semasa cuti rehat.

Mereka ini juga berkehendakkan kepada permainan, macam mana saya tengok di negeri-negeri lain semuanya ada, macam orang lain ada baseballnya, criketnya, segala-galanya tetapi oleh kerana negeri ini belum berapa maju lagi mestilah ada sepak raga, bola tampar, badminton, diadakan sosial ini untuk pekerja-pekerja kita. Kalau tidak begitu nanti fikirannya asyik bekerja sahaja, orang pun tidak berapa sehat otaknya dan juga kalau otaknya sehat bekerja productivity daripada kilang itu bertambah lagi. Kalau tidak dia pura-pura hendak bekerja, walaupun apa dia pura-pura bekerja, misalnya sebuah kilang itu dia tidak peduli, berjalan atau tidak kilang itu dia tidak peduli, berjalan kerana waste pun banyak, lebih banyak lagi dalam kilang-kilang itu kerana dia tidak ambil peduli lagi.

Misalnya di lombong apa yang dia buat. Dia tembak, monitor itu diarahnya ke tanah, dia tolak ke depan sahaja, jadi tanah itu tidak berserah, dia tidak kuasa, peduli, taukeh tidak beri dia belanja lebih. Jadi kalau berkehendakan productivity lebih layanan mesti elok tentulah lombong tembak itu ditembaknya betul-betul supaya tanah boleh gugur ke bawah, ada meresap ke palung dan sebagainya. Kalau tidak tentu tidak dapat ditembak, berlubang sahaja tanah apa hasil pun tidak dapat. Itu sebabnya bunuh ini mesti dipelihara dengan baik baru productivity dalam kilang, dalam lombong dalam estet banyak. Ini barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu lebih tahu daripada saya di atas perkara ini.

Dengan ini maka saya minta juga kepada contract workers. Dalam estet banyak contract worker ini. Beberapa banyak tuan-tuan punya estet hendak mengelakkan diri daripada membayar maka diadakan kontrak, jadi contract workers inilah yang memotong getah dan sebagainya dalam estetnya. Ini mesti ditengokkan betul-betul oleh kerana satu daripadanya orang-orang yang bekerja dalam estet, yang betul-betul bermastautin dalam estet tidak dapat kerja, dibawa daripada luar dengan lori dan sebagainya. Sesudah itu layanan kepada contract workers ini tidak ada apa pun. Ini mesti dijaga oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menengokkan supaya contract workers ini

bukan sahaja di estet, juga di kilang-kilang diadakan contract workers ini. Itu mestilah ditengok supaya ada layanan-layanan yang baik kepada pekerja serupa itu.

Saya ingat oleh kerana rakan-rakan saya banyak lagi hendak bercakap, maka saya harapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memikirkan iaitu menubuhkan satu Bank Buruh, benar-benar Bank Buruh di mana buruh dapat mengadu nasib mereka dan barangkali buruh satu hari hendak menjadi peniaga-peniaga kecil dan sebagainya dapat meminjam sedikit sebanyak ataupun hendak mendirikan rumah ataupun hendak menghantar anaknya sekolah dan sebagainya dapat meminjam kepada Bank Buruh ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator K. Kumaran.

6.30 ptg.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pindaan-pindaan yang dibawa kepada Ordinan Kerja Tahun 1955 adalah amat penting dan harus dapat sokongan yang penuh dari Dewan ini.

Apabila kita meneliti fasal-fasal dalam Rang Undang-undang ini, kita dapat satu gambaran bahawa pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah menghalusi segala peruntukan dalam Undang-undang yang penting ini dan juga pengalaman sepanjang 25 tahun dalam perlaksanaannya. Berikutan kepada pindaan-pindaan kepada Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan, Rang Undang-undang yang dibentangkan ini mencerminkan sikap dan dasar Kerajaan untuk membela nasib pekerja-pekerja negara kita sejajar dengan keadaan zaman sekarang dan kepentingan negara.

Saya merasa bahawa tidak ada fasal pun dalam Rang Undang-undang ini yang tidak akan membawa perlindungan yang lebih dan faedah yang lebih besar daripada apa yang terdapat dalam Undang-undang asal itu. Bukan sahaja faedah-faedah cuti dan lain-lain dinaikan tetapi juga kadar pembayaran kerja lebih masa dan kerja pada hari rehat dan hari kelepasan am dinaikan. Perlindungan kepada pekerja-pekerja yang jatuh sakit dan juga kepada perempuan-perempuan yang bersalin adalah diperkuatkan lagi untuk menentukan bahawa mereka ini tidak ditindas oleh majikan mereka.

Selain daripada aspek-aspek yang lain, saya ingin menyentuh dua aspek dalam Rang Undang-undang ini. Satu daripadanya ialah Fasal 22 yang membawa pindaan kepada Seksyen 60A (1), untuk menyekatkan tempoh masa seorang boleh diminta bekerja dalam satu tempoh 10 jam pada satu hari. Dengan pindaan yang dibuat itu, seorang pekerja tidak boleh dipaksa tunggu menunggu di tempat pekerjaannya sepanjang lebih pada 12 jam, tetapi diberi kerja selama 8 jam sahaja dalam tempoh masa 12 jam itu. Masa kerjanya dipecah-pecahkan dalam peringkat-peringkat dan ianya diberi beberapa tempoh rehat secara paksaan dalam tempoh masa 12 jam itu, semata-mata untuk majikannya dapat mengelakkan pembayaran overtime. Dengan lain-lain perkatan, pekerja itu tidak dibenarkan masa rehat yang sebenarnya, tetapi dikehendaki "hang around" di tempat pekerjaan untuk satu tempoh masa yang berpanjangan. "Staggered hours of work" seperti ini menjejaskan dasar dan tujuan Kerajaan bahawa pekerja-pekerja kita mestilah diberi masa rehat dan peluang untuk mereka bersama-sama dengan keluarga mereka selepas kerja mereka, untuk mereka dapat juga masa dan peluang menyertai kegiatan sukan dan kemasyarakatan.

Dengan pindaan ini beberapa jenis pekerja akan dapat perlindungan daripada pembuatan majikan mereka. Saya dapat memberi contoh, kakitangan dalam estet-estet, seperti conductor, pembantu hospital dan kerani-kerani. Adalah setengah daripada mereka ini yang dikehendaki melaporkan dari pada pukul 5.30 pagi apabila penoreh-penoreh getah datang kemuster sebelum dihantar ke tempat kerja mereka. Dengan pemberian masa rehat daripada pukul 8.00 hingga pukul 10.00 pagi dan sekali lagi pada pukul 1.30 petang hingga 3.30 petang lagi, mereka terpaksa kerja hingga 5.30 petang hari itu. Dengan tempoh masa rehat 2 jam sekali atau masa seperti itu, tempoh waktu kerja mereka dapat dipecahkan. Tetapi mereka itu tidak berpeluang dalam masa yang singkat ini keluar dari estet-estet mereka atau pergi ke mana-mana. Mereka tidak ada pilihan lain, tetapi mereka juga tidak diberi bayaran yang lebih walaupun terpaksa di tempat kerja mereka selama 12 jam. Ini dapat dibuat kerana Undang-undang dahulu tidak ada apa-apa syarat untuk mengawal penyelewengan majikan seperti ini.

Dengan pindaan dalam Rang Undang-undang ini, kakitangan seperti ini tidak akan dipaksa tunggu-menunggu selama 12 jam atau lebih di tempat-tempat pekerjaan mereka dengan cara "staggered hours of work" yang membawa akibat kehilangan peluang kepada mereka berehat ataupun mendapat bayaran overtime yang berpatutan.

Saya percaya kakitangan seperti dalam estet-estet dan lain-lain di beberapa sektor seperti di klinik-klinik doktor, di restoran dan lain-lain tempat akan mengalu-alukan pindaan ini yang bertujuan menyekatkan "staggered hours of work" ini dalam satu tempoh masa yang lebih pada 10 jam. Waktu-waktu lebih daripada itu akan dikenakan bayaran overtime.

Pindaan yang kedua yang saya ingin menarik perhatian ialah Fasal 26 (a) yang menambahkan kelayakan cuti sakit sehingga 22 hari daripada 14 hari yang terdapat sekarang dan juga membenarkan seorang pekerja ke mana-mana doktor jika perlu memandangkan kepada jenis atau keadaan penyakitnya itu dan tidak dipaksa pergi kepada doktor Syarikat itu sahaja untuk mendapat rawatan dengan cuti sakit. Pindaan ini adalah sangat bermakna, kerana pada masa ini pekerja-pekerja menghadapi kerumitan yang besar dalam keadaan keemasan atau "urgency". Ramai doktor yang dilantik oleh majikan duduk di bandar-bandar besar sahaja dan tidak membuka klinik mereka sepanjang hari dan malam. Dalam keadaan ini, pekerja-pekerja ditindas oleh majikan dengan tidak diberi gaji pada hari mereka terpaksa cuti sakit, jika pergi ke doktor yang tidak di dalam panel atau dilantik oleh Syarikat itu sendiri.

Ada juga majikan-majikan yang kadangkala mengarah kepada doktor yang dilantik oleh mereka untuk mengurangkan kelulusan cuti sakit kepada pekerja-pekerja yang datang ke mereka, semata-mata untuk menjimatkan perbelanjaan mereka. Mereka dengan itu menghiraukan kesihatan dan kesejahteraan pekerja-pekerja mereka semata-mata untuk mengurangkan kos mereka.

Dengan kelonggaran yang dibawa oleh pindaan ini, pekerja-pekerja akan dapat dilepaskan daripada rigidity syarat-syarat undang-undang sekarang. Fasal ini juga akan disambut baik oleh pekerja-pekerja di kawasan luar bandar khususnya.

Pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini akan menguntungkan semua pekerja baik mereka dalam union atau pun tidak. Faedah-faedah dalam Rang Undang-undang ini akan dapat dinikmati lebih oleh pekerja-pekerja di tempat-tempat pekerjaan yang kecil. Tempat-tempat ini tidak mempunyai union untuk memperjuangkan nasib mereka di situ dan Kerajaanlah yang patut menjaga kepentingan mereka. Kita selalu dengar hujah-hujah bahawa pekerja di kebun-kebun kecil, di kilang-kilang tempatan dan lain-lain tidak diberi hari kelepasan, atau bayaran overtime atau EPF dan lain-lain. Dengan pindaan dalam Rang Undang-undang ini, perlindungan yang lebih dan kebajikan yang lebih dapat diberi kepada pekerja-pekerja seperti ini.

Saya harap pihak Kementerian Buruh akan mengawal perlaksanaan Undang-undang ini dengan cermat dan berkesan untuk menentukan bahawa pekerja-pekerja kita sebenar-benarnya dapat menikmati hasil pindaan-pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Datuk Haji Ahmad bin Arshad.

6.40 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya ada sembahyang, jadi. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nisfu Syaaban.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Ya, Nisfu Syaaban, saya tidak tahulah, terpulanglah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya akan tempohkan setengah jam.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun memberi sokongan atas Rang Undang-undang yang ada dihadapan kita ini dan saya berterima kasih kepada Kerajaan yang bersimpati walau naskah undang-undang dalam bahasa Inggeris, tetapi Huraian di belakangnya menggunakan Bahasa Kebangsaan maka dengan ini satu faedah yang besar kepada kami Ahli-ahli Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pertumbuhan ekonomi negara sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi ada kaitan besar dengan buruh. Kemajuan pembangunan negara itu adalah terletak atas tanggungjawab buruh-buruh kita di semua sektor, sekiranya buruh-buruh ini mencuaikan tugas yang diletakkan kepada mereka, ekonomi negara ini akan lumpuh jadi telah sewajarnya walau dalam masa yang begitu lama menyusun, meminda, mengkaji, menganalisa undang-undang ini dapat dibawakan dalam Dewan ini. Kemudian saya harap setelah diluluskan dan diwartakan hendaklah disebarkan kepada mass media dan juga diberikan risalah-risalah kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan untuk pengetahuan buruh-buruh khususnya buruh-buruh daripada lapisan bawah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah buruh ini saya gemar membuat satu pertanyaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Tadi dia telah mengatakan bahawa buruh di tanahair kita ini lebih daripada 2.5 juta dan sebahagian kecil daripadanya hanya memasuki Union. Ini satu kebanggaan kepada negara bahawa dengan adanya Rang Undang-undang ini 2.5 juta manusia tenaga pekerja sama ada buruh kecil, buruh halus, buruh sederhana dan buruh kasar semua dapat menikmati peruntukan Rang Undang-undang ini.

Saya menyokong atas pandangan Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi supaya Kementerian ini memikirkan satu ketika kelak supaya mewujudkan Bank Buruh dalam negeri ini. Kalau kita ada Bank Pertanian, kita ada Bank Rakyat dan lain-lain bank, Bank Buruh kita patut wujudkan demi kepentingan kebajikan buruh kita di tanahair kita ini pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya mengharapkan Yang Berhormat memberikan satu penjelasan apa tindakan yang akan dibuat oleh Kementerian ini atas permintaan yang dibuat oleh CUEPACS bagi melaksanakan sistem kerja lima hari seminggu kepada semua kakitangan Kerajaan pada masa sekarang. Apa sikap Kementerian kerana pada masa sekarang pekerja kita bekerja satu minggu 5½ hari, pihak Kesatuan minta supaya diadakan lima hari, ini banyak diamalkan oleh negeri-negeri yang maju. Jadi pada satu minggu pekerja kita dapat

rehat, tadi Yang Berhormat mengatakan memang peluang hendak diberikan kepada pekerja kita rehat, jadi kita beri rehat kepada pekerja kita seminggu dua hari. Sekarang cuma 1½ hari pun kelam-kabut ada kalanya kalau hari Sabtu atau hari Khamis di negeri Johor bila pukul 10.30 pagi hari Khamis atau hari Ahad banyak pegawai sudah cabut. Jadi dengan keadaan semacam ini saya fikir patut dipertimbangkan permintaan Kesatuan ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, buruh kita ini ada juga kaitan dengan buruh antarabangsa, walaupun kita perbaiki buruh-buruh kita dalam negeri kita, buruh kita mendapat kerjasama, perhatian buruh antarabangsa. Oleh itu saya harap Kerajaan ketika menghantar wakil daripada Malaysia ini kepada Persidangan Pertubuhan Antarabangsa (ILO) pada tiap-tiap tahun atau dua tahun sekali hendaklah mengawasi wakil-wakil itu ketika memberi ucapan itu janganlah melibatkan parti atau menindas Kerajaan atau Kementerian Buruh sendiri atau menunjukkan imej kelemahan-kelemahan pentadbiran Kerajaan negeri kita, kita hendaklah tujukan kepada wakil buruh pergi menghadiri persidangan itu menunjukan kepentingan buruh dalam negeri ini. Jadi dengan keadaan ini tidaklah perhatian luar negeri terhadap wakil buruh kita di persidangan itu bercanggah dengan kehendak Kerajaan. Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga hendaklah memperhati dengan begitu tepat dalam hal buruh antarabangsa ini iaitu kita hanya dapat mengiktiraf hanya satu sahaja pertubuhan buruh di Malaysia ini. Jadi kebanyakan pertubuhan buruh yang mewakili Malaysia ini ke peringkat antarabangsa maka akan pincang kehendak-kehendak buruh dalam negeri ini. Itu perkara yang saya harap supaya dapat perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi berhubung dengan kelepasan kemudahan yang diberikan kepada buruh-buruh kita termasuklah cuti sakit dan cuti bersalin. Cuti bersalin ini saya harap jangan dihadkan, selama pekerja wanita kita bersalin itu kita beri dia cuti. Menurut apa yang difahamkan kepada saya hanya tiga kali bersalin sahaja yang dapat pembayaran gaji. Saya mahu biarlah setiap pekerja wanita kita bersalin diberi

seterusnya cuti bergaji kepada mereka, sebab selain daripada tenaganya menolong Kerajaan, dia menolong melahirkan anak negeri ini, patut kita hormati dan negeri kita bukan kekurangan kewangan, jangan kita terikut-ikut dengan dasar sebuah negeri yang ekonominya pincang. Kalau kita buat hak ini di Malaysia mungkin sekurang-kurangnya kita menghormati hak wanita yang bersusah payah, tidak boleh dilahirkan oleh orang lelaki hanya wanita sahaja yang boleh, kena apa kita tidak boleh beri? Jadi saya harap Kementerian Buruh ini akan mengkaji dan memikir dengan cara mendalam dalam masalah ini.

Yang ketiga, dalam masalah cuti sakit, setengah-setengah majikan swasta ditentukan doktornya dan kakitangan Kerajaan juga kalau mengambil cuti jangan dengan doktor-doktor prebet, kita ada doktor Kerajaan yang dihaskan, kita pergi jumpa doktor diakui oleh doktor bahawa dia sakit, sebab kalau dia pergi kepada doktor swasta dia boleh pakat kerana selama mereka cuti kita bayar gajinya penuh yang diiktiraf oleh doktor dia sakit walhal dia tidak sakit. Dalam hal ini bukan saya sangsi, bukan saya curiga profession doktor-doktor swasta tetapi ada setengah-setengahnya boleh pakat, dengan keadaan itu kita peruntukkan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan kalau hendak bercuti sakit hendaklah diiktirafkan sakitnya oleh doktor-doktor Kerajaan.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak juga kena buat pandangan-pandangan kepada majikan bagi pihak Kementerian Buruh supaya semua buruh kita di tanahair sama ada daripada sektor Kerajaan, sektor awam, sektor swasta dan badan-badan berkanun, buruh-buruh itu kita kaji balik supaya mereka itu dapat diberikan gaji yang maksima disebabkan keadaan hari ini sara hidup di Malaysia ini naik dengan keadaan-keadaan itu kita tidak boleh nafikan bahawa sara hidup di Malaysia ini sekarang sudah naik, gaji kakitangan Kerajaan dan lain-lain naik, jadi gaji buruh ini juga patut kita fikir, kita jangan menyebelah hanya kepada majikan sahaja, majikan tujuannya hendakkan keuntungan.

Tadi saya tanya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan fasal tambang MAS naik, dia kata sebab minyak naik. Jadi ini walau kecil, walau rendah sedikit sahaja helahnya sebab apa barang naik sebab minyak naik. Kita

tidak mahu memikir bahawa nasib pekerja-pekerja yang memberikan hasil yang memberikan hasil yang membangunkan negara ini bagi peringkat buruh ini patut kita timbangkan gaji mereka supaya dinaikkan supaya sesuai dengan keadaan sara hidup dalam Malaysia kita ini yang begitu tinggi dari sehari ke sehari.

Dalam masalah masa bekerja pula, tadi Yang Berhormat telah menyatakan bekerja itu ada had masanya 32 jam sebulan. Ini satu pandangan yang sangat baik sebab ada setengah-setengah majikan dan swasta tidak suka mengambil buruh-buruh yang lain, dia suka buruh-buruh itu bekerja lebihmasa. Jadi keadaan ini Kementerian hendaklah berhati-hati dalam memberikan kelulusan itu.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah bekerja malam hari. Kalau dapat Yang Berhormat mengkaji dan memikirkan supaya buruh-buruh wanita Islam jangan dibenarkan atau tidak selayaknya mereka bekerja di waktu malam hari dan beri peluang kepada buruh-buruh yang bukan Islam bekerja malam hari bahkan majikan-majikan ada memberikan elaun yang lebih. Yang saya maksudkan ialah wanita-wanita yang bekerja waktu malam di kilang-kilang. Kalau boleh kita cegah wanita Islam jangan bekerja waktu malam sebab timbul bermacam-macam masalah dan Islam pun tidak membenarkan kerana orang perempuan itu adalah pakaian orang laki-laki, dan waktu malam dia kena berehat dengan suami. Dengan sebab itulah kita jangan beri peluang dia bekerja di kilang-kilang pada waktu malam. Saya tidak mahu detailkan kemudaratannya di Dewan yang mulia ini. Perkara ini saya harap kepada Yang Berhormat kalau dapat difikirkan.

Dalam masalah Kelepasan Am, Tuan Yang di-Pertua, ini juga patut diperhati oleh Kementerian ini. Ada setengah majikan-majikan tidak menghiraukan Kelepasan Am ini. Mereka arahkan buruh-buruh bekerja pada hari itu. Jadi hal ini sukar hendak dapat dipastikan tetapi banyak pengaduan dari buruh-buruh mengatakan pada hari Kelepasan Am seperti pada Hari Jadi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mereka disuruh juga bekerja. Jadi majikan-majikan yang macam ini adalah majikan yang tamakkan keuntungan, tidak menghiraukan kepentingan dan kemurnian negara kita. Hal yang macam ini sedang berlaku walaupun

ada peraturan-peraturan tetapi setengah-setengah majikan dan swasta terus mengabaikan menyuruh bekerja pada hari-hari Kelepasan Am.

Terlanjur saya bercakap mengenai Kelepasan Am ini, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tolong sekali lagi mengambil perhatian bahawa tiap-tiap hari Jumaat berilah kelepasan kepada pekerja-pekerja Islam balik lebih awal daripada bekerja dengan tujuan supaya dapat mereka menunaikan fardu Jumaat. Walaupun ini telah dikatakan oleh setengah-setengah majikan, telah dikatakan oleh Kementerian tetapi pada praktiknya tidak ada, terus disuruh buruh-buruh itu bekerja pada hari Jumaat. Bila kita bertanya: mengapa kamu tidak sembahyang Jumaat? Dia kata: majikan saya tidak benarkan; disuruh terus bekerja. Keadaan ini saya fikir patut diberikan perhatian oleh Kementerian. Bukan terus hari Jumaat itu dia tidak bekerja, hanya waktu mereka hendak pergi sembahyang itu sahaja disuruh dia berhenti, lepas sembahyang Jumaat lebih kurang satu jam, dia boleh balik semula bekerja. Ini demi kepentingan buruh-buruh yang beragama Islam sebab kalau Kerajaan tidak mengambil perhatian, buruh-buruh ini akan mempersalahkan majikan, akan mempersalahkan Kerajaan. Saya tidak hendak tanggungjawab ini akan dipersoalkan oleh Tuhan kepada Kerajaan kita terhadap orang-orang Islam. Dia tidak mahu pergi sembahyang itu lain masalah tetapi kelapangan, kelepasan diberi kepada dia, itu adalah tugas majikan atau Kerajaan.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, menurut pandangan saya, tadi Yang Berhormat telah menyatakan berhubung dengan ada setengah majikan menggunakan buruh-buruh melalui kontrak. Ini tidak patut kita galakkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad hendak sambung kerana saya akan tempohkan Majlis sekarang selama setengah jam.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Saya hendak sambung sedikit lagi. Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama setengah jam.

Persidangan ditempohkan pada pukul 6.55 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 7.50 malam.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila Datuk.

7.50 Malam.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya tadi iaitu berhubung dengan penggunaan buruh-buruh kontrek. Kalau sekiranya tidak ada buruh kontrek, ianya juga tidak dapat menolong menyelesaikan projek-projek yang besar sama ada projek pembinaan mahu pun projek-projek lain. Tetapi dalam masalah sistem buruh kontrek ini, saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya memerhatikan, sebab ada setengah kontrektor itu tidak bertanggungjawab kepada buruh-buruh yang bekerja dengannya. Ada kalanya walaupun mereka telah diberikan peruntukan yang baik dalam pemborongannya itu, tetapi gaji pekerja mereka tidak disempurnakan dengan baik. Kadang kala apabila selesai sahaja kerja-kerja kontrek itu, pihak kontrektor itu membuat bermacam-macam helah dalam memberikan pembayaran gaji kepada buruh-buruh itu.

Terlanjur saya bercakap berkenaan buruh secara kontrek ini, Tuan Yang di-Pertua, patutlah Kerajaan memberikan perhatian supaya kontrektor yang ada dalam tanahair kita yang telah didaftarkan perniagaannya itu tetapi mereka mengambil kesempatan menindas buruh kontrek yang saya katakan tadi yang banyak menggunakan buruh daripada Indonesia. Sebab buruh-buruh Indonesia yang telah dapat kelulusan bermastautin di tanahair kita ini adalah dengan pertolongan buruh Indonesia yang mana satu pertolongan yang besar kepada kita. Kalau sekiranya dengan tak ada tenaga mereka, mungkin segala rancangan badan-badan berkanun Kerajaan khasnya dalam bidang pertanian dan juga bidang pembinaan tidak begitu berjalan mengikut jadual. Jadi dalam masalah ini yang dialami oleh buruh kontrek itu, pihak kontrektor itu pernah membuat pengkhianatan kepada mereka dengan tidak membayar gaji ataupun mereka dibayar dengan separuh gaji sahaja, tetapi apabila kerja-kerja selesai, kontrektor telah dapat

pembayaran daripada Kerajaan atau badan-badan berkanun, mereka telah membuat report kepada polis kononnya orang-orang Indonesia itu adalah pendatang haram. Dengan keadaan yang begini, bila helah semacam ini dibuat, maka buruh-buruh kontrek itu merasa ketakutan, lari daripada kawasan itu, pihak kontrektor itu mendapat keuntungan dengan cara melakukan perkara semacam itu. Perkara ini juga patut kita perhatikan bahawa hak tenaga pekerja itu patut diberikan perlindungan kepada mereka supaya dengan keadaan ini keselamatan dan faedah mereka dapat dikawal dan dijaga, walaupun saya kata buruh-buruh itu daripada Indonesia dan setengahnya bukan pendatang haram malahan ada kelulusan, ada permit boleh bermastautin dalam negeri kita ini. Banyak mereka menolong pembangunan negara kita ini tetapi kalau setengah daripada buruh-buruh itu tidak menyempurnakan atas janji atau gaji mereka, kadang kala berlaku perkelahan dan pembunuhan di kawasan itu. Jadi saya harap kepada Menteri yang berkenaan supaya memberikan perhatian dalam perkara ini demi kepentingan buruh-buruh kita.

Sekianlah sahaja, saya ucapkan terima kasih dan saya sokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Senator Subramaniam.

7.55 mlm.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Ordinan Kerja, 1955.

Saya juga ucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan dan mengalu-alukan pindaan yang dibuat ini. Seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi inilah kali pertama dalam tempoh 25 tahun semenjak 1955, Ordinan kerja ini dikemaskinikan peruntukan-peruntutannya. Saya fikir 25 tahun itu adalah satu tempoh yang sangat panjang dan dengan pindaan-pindaan yang perlu dialu-alukan ini, saya fikir adalah terlewat sedikit, jika dipinda lebih awal oleh sebab banyak peruntukan yang dipinda sekarang adalah peruntukan yang sangat mustahak kepada pekerja-pekerja di beberapa bidang.

Dalam Rang Undang-undang ini walaupun Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Ordinan kerja, 1980 adalah piawaian-piawaian yang minima dan bukan maksima bagi syarat-syarat pekerjaan pekerja-pekerja tetapi dari apa yang kita boleh nampak dari amalan-amalan kebanyakan ataupun lebih kurang semua majikan-majikan menganggap faedah-faedah atau syarat-syarat ini sebagai piawaian-piawaian yang maksima atau pun faedah-faedah yang maksima dalam perkara-perkara seperti gaji, waktu-waktu dan masa kerja, hari rehat, cuti dan faedah-faedah bersalin dan juga lain-lain faedah yang dikemukakan dalam Rang Undang-undang ini, selalunya dianggap sebagai maximum benefit dan ini adalah satu perkara, saya fikir hendaklah diteliti oleh Kementerian yang berkenaan. Barangkali ada juga majikan-majikan yang besar yang ada kemampuan untuk bertanggungjawab atas faedah-faedah yang lebih ataupun yang boleh memberi kemudahan atau faedah-faedah yang lebih dari apa yang dikehendaki dalam Rang Undang-undang ini, tidak sanggup memberi faedah-faedah itu.

Jadi saya harap Kementerian ini boleh memikirkan atau mengkaji masalah ini dan barangkali jika boleh menimbangkan memberitahu ataupun memberi amaran kepada majikan-majikan jika mereka anggap syarat-syarat itu sebagai maksima. Saya fikir jika Kementerian atau Menteri yang berkenaan diberi kuasa untuk mengarahkan faedah-faedah yang lebih ataupun standards which are higher than what is stated in this Ordinance. Ini bukan sahaja saya sebut dari segi Akta undang-undang ini tetapi dari semua faedah-faedah yang diberikan oleh majikan ataupun yang terkandung dalam undang-undang biasanya majikan-majikan menganggap perkara-perkara ini sebagai maksima.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk Fasal 12 Pindaan Rang Undang-undang ini mengenai upah pendahuluan kepada pekerja-pekerja yang akan diberi. Selain daripada masa yang lalu upah pendahuluan boleh juga diberi kepada pekerja-pekerja untuk membeli kereta, motosikal ataupun basikal dan juga selain daripada memberi atau membaiki rumah, membeli tanah ataupun ternakan. Ini adalah satu pindaan yang baik, yang progresif, yang realistik. Oleh sebab dalam masa-masa yang lalu pekerja-pekerja yang

hendak membeli barang-barang seperti itu oleh sebab mereka tidak dapat menerima upah pendahuluan dari majikan-majikan, mereka pinjam wang itu dari beberapa scures lain. Mereka pergi pajak gadai ataupun lain-lain tempat di mana bunga yang di bayar adalah sangat tinggi. Mereka sebagai golongan pekerja, sebagai golongan yang menerima pendapatan rendah menghadapi beberapa kesulitan. Jadi saya mengalukan pindaan ini dan harap pindaan ini juga dikawal oleh sebab walaupun pindaan ini akan diluluskan tetapi banyak majikan tidak sanggup memberi upah pendahuluan untuk maksud-maksud yang ada di dalam Rang Undang-undang ini.

Saya suka menyentuh sedikit dalam perkara cuti bersalin Fasal 16 pindaan ini menerangkan bahawa tempoh minimum cuti bersalin seseorang pekerja wanita berhak mendapat 60 hari berturut-turut dengan gaji. Ini adalah satu pindaan yang paling mustahak khasnya kepada kaum wanita bukan kakitangan Kerajaan tetapi kepada kaum wanita di sektor swasta, oleh sebab 60 hari berturut-turut dengan gaji ini bukanlah sama dengan pekerja-pekerja Kerajaan. 60 hari cuti ini mengikut General Orders (Perintah Am) berlainan oleh sebab mengikut General Orders pekerja-pekerja atau kakitangan Kerajaan hanya diberi 42 hari cuti bersalin kepada hanya 3 orang anak yang lahir, tetapi 60 hari dalam sektor swasta ialah kepada tiga orang anak yang hidup. Ini adalah perbezaan, mengapa perbezaan ini berlaku tidak berapa terang. Saya fikir Kerajaan sebagai majikan yang terbesar dalam negara kita mestilah, menjadi majikan yang model sebagai contoh kepada mijikan-majikan lain di sektor swasta. Cuti bersalin yang diberi kepada wanita-wanita ialah tidak kurang daripada 60 hari, jadi ini juga membolehkan majikan-majikan memikirkan boleh memberi cuti lebih dari 60 hari berturut-turut dengan gaji kepada wanita-wanita yang bersalin.

Sebenarnya pada masa sekarang di kebanyakan negara-negara lain cuti bersalin ini ialah selama 90 hari bukan 60 hari, walaupun sehingga sekarang undang-undang yang ada memberi tidak melebihi daripada 60 hari, pindaan ini menerangkan bahawa boleh memberi lebih daripada 60 hari, tetapi tidak boleh kurang daripada 60 hari. Selain daripada tempoh cuti, menghadkan cuti bersalin ini kepada tiga orang anak yang hidup di Ordinan ini dan tiga orang anak yang lahir

(birth) mengikut General Orders tidaklah berpaturan dan bukan progresif. Mengapa kita hadkan cuti bersalin hanya kepada tiga orang anak? Ini tidak berapa adil.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik pun telah menimbulkan perkara ini dan saya fikir perkara ini sangat mustahak oleh sebab jika kita mementingkan kesihatan ibu sehingga tiga anak saya fikir selepas tiga anak pun kita mementingkan kesihatan ibu, dan jika kita hanya mengikut General Orders iaitu tiga orang anak yang lahir, jika anak itu meninggal dunia, perkara itu tidak diambil kira. Saya fikir dalam perkara ini satu kajian yang sedalam-dalamnya hendaklah dibuat dan cuti bersalin tiga anak akan dikaji balik, jika ada juga satu fikiran bahawa jika cuti bersalin diberi kepada lebih daripada tiga orang anak berangkali keluarga-keluarga dalam Malaysia boleh jadi keluarga-keluarga besar, tiap-tiap satu keluarga mempunyai 6-7 atau 8 orang anak, tetapi ini adalah satu pendapat sahaja, oleh sebab walaupun cuti bersalin hanya diberi kepada tiga orang anak tetapi keluarga yang ada sekarang ataupun anak-anak di tiap-tiap keluarga bukan automatically reduced to three. Pekerja-pekerja dari golongan berpendapatan rendah di ladang-ladang tidak memberhentikan anak-anak mereka selepas tiga. Saya fikir kita boleh mengadakan Family Planning Programme ataupun kita memberi pendidikan, penerangan kepada pekerja-pekerja golongan berpendapatan rendah untuk mengurangkan keluarga, bukan melalui undang-undang, tanpa memberi cuti bersalin kita boleh automatically mengurangkan keluarga ataupun anak-anak. Jadi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bolehlah memandangkan berat atas perkara ini dan memberi satu jawapan oleh sebab sekarang kita baca dan mendengar berita-berita bahawa kaum wanita hendak cuti bukan sahaja kepada mereka sendiri dalam masa bersalin tetapi kepada suami pula dalam tempoh itu. Ini kita dengar dan ada juga negara-negara yang mengamalkan praktis ini dan dalam zaman ini saya fikir tidaklah patut kita menghadkan cuti bersalin kepada tiga orang anak.

Mengenai hari kelepaan am ini dari 7 hari ditambah kepada 10 hari sekarang, ini adalah satu pindaan yang baik bukan sahaja dari segi jumlah hari cuti yang ditambah tetapi juga menentukan dari jumlah 10 hari

itu 4 hari sebagai hari kelepasan am iaitu pada Hari Kebangsaan, hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong dan juga hari Keputeraan Sultan atau hari ulangtahun Yang di-Pertua Negeri bagi tiap-tiap negeri ataupun hari Wilayah Persekutuan kepada negeri Wilayah Persekutuan dan juga hari Perayaan Pekerja. Ini menentukan bahawa seluruh negara dapat meraikan hari-hari berbahagia ini, hari-hari yang penting ini sehingga sekarang banyak majikan yang memikirkan mana satu hari kelepasan ataupun hari-hari yang berbahagia ini yang penting ini tidak mustahak, mereka tidak memberi hari itu sebagai hari kelepasan am. Jadi dengan specification dalam undang-undang ini empat hari ini ditetapkan sebagai compulsory holidays dan mana-mana majikan tidak boleh tidak mematuhi peruntukan ini. Sehingga sekarang kita telah mendengar banyak aduan-aduan daripada beberapa sektor bahawa hari-hari kelepasan am seperti hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong tidak diberikan sebagai hari kelepasan am, khususnya kita dengar perkara ini di estet-estet di seluruh negara dalam lawatan-lawatan kita dan mana-mana pihak fikir hari ini tidak dirayakan oleh penduduk-penduduk di tempat itu mereka tidak memberi hari cuti pada hari itu.

Saya fikir pindaan ini adalah patut, pindaan ini akan mengelakkan kesalahan yang berlaku hingga sekarang. Dalam hal inipun saya hingga sekarang belum tahu apa akan jadi kepada Hari Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang akan dijalankan pada 10hb Julai ini sama ada akan jadi hari Cuti Am atau tidak belum diketahui sehingga sekarang khususnya kepada seluruh penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan oleh sebab Pertabalan ini akan berlaku di Wilayah Persekutuan dan ini adalah satu penghormatan yang tinggi kepada Duli Yang Maha Mulia dan saya fikir perkara-perkara seperti yang dibuat dalam pindaan-pindaan ini akan diberi keberatan yang lebih bukan sahaja oleh Kementerian yang berkenaan tetapi seluruh Kerajaan. Mengenai Hari Pertabalan ini saya harap Timbalan Menteri jika boleh jawab lebih baiklah kita semua boleh mendengar mengenai perkara ini.

Fasal 29 berkenaan dengan Bahagian baru XIIA, ini adalah satu pindaan yang paling mustahak dalam Rang Undang-undang ini. Sehingga sekarang tidak ada kuasa kepada

Menteri menentukan faedah-faedah penamatan ataupun pemberhentian kerja dan juga persaraan (Termination, lay-off and retirement benefits). Dalam Bahagian ini dikemukakan satu peruntukan yang akan memberi kuasa kepada Menteri untuk menentukan faedah-faedah penamatan berhenti kerja dan juga persaraan. Seperti saya kata tadi ini adalah satu pindaan yang paling mustahak oleh sebab di beberapa tempat sehingga sekarang apabila majikan-majikan itu buat termination ataupun lay-off pekerja-pekerja itu tidak dapat faedah-faedah yang berpatutan. Jadi pekerja dan juga majikan berunding. Jika mereka tidak dapat persetujuan, kemudian Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat hanya memberi nasihat, tidak ada kuasa sehingga sekarang. Walaupun majikan memberi tawaran satu amaun yang tidak berpatutan, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sehingga sekarang tidak ada apa-apa kuasa untuk memaksa majikan-majikan membayar satu faedah ataupun compensation yang berpatutan. Jadi sekarang kuasa ini diberi kepada Menteri, ini akan menjadi satu pindaan yang paling mustahak kepada pekerja-pekerja yang akan menjadi mangsa dalam perkara-perkara ini.

Saya tahu di beberapa tempat Kerajaan sendiri adalah mengambil ladang-ladang ataupun tanah-tanah. Kerajaan mengambil tindakan untuk acquire tanah-tanah untuk projek-projek Kerajaan, umpamanya Ladang West Country di Selangor diambilalih oleh Kerajaan untuk membina universiti di tempat itu. Universiti itu penting kepada negara pada keseluruhannya tetapi apabila Kerajaan ambilalih (acquire) ladang itu pekerja-pekerja di situ tidak tahu berapa mereka akan terima sebagai lay-off ataupun termination benefits. Begitu juga di Wilayah Persekutuan, Ladang Bukit Kiara dan juga Ladang Segambut telah diambilalih oleh Kerajaan dan di tempat-tempat itu walaupun ladang-ladang ini telah diambilalih dari tahun 1978 atau 1973 sehingga sekarang pekerja-pekerja di kedua buah ladang ini belum terima retrenchment benefits dari majikan-majikan. Saya sendiri telah membawa perkara ini kepada Kementerian yang berkenaan tetapi belum lagi menerima jawapan. Begitu juga Ladang Effingham dan lagi sebuah ladang di Hawthornton juga di Selangor. Ini adalah contoh-contoh yang ada di seluruh negara. Ada banyak lagi ladang-ladang bukan sahaja ini akan membawa faedah-faedah kepada

pekerja-pekerja di ladang-ladang sahaja, ada juga kilang-kilang yang menutup (closed shop) dan sehingga sekarang tidak ada kuasa kepada Menteri untuk mengarahkan membayar faedah-faedah yang berpatutan.

Ini adalah satu pindaan yang sangat penting dan yang dialu-alukan dan saya harap pekerja-pekerja bukan sahaja pada masa hadapan, bukan sahaja pada tempat-tempat yang akan diambilalih pada masa hadapan tetapi tempat-tempat yang sudah diambilalih, kepada pekerja-pekerja itupun saya harap Kementerian dan Menteri yang berkenaan boleh mengkaji masalah-masalah ini dan berunding dengan majikan-majikan dan membuat a definite decision atas bayaran-bayaran yang kena dibuat oleh majikan kepada pekerja-pekerja.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun pindaan-pindaan ini pada keseluruhannya akan membawa banyak faedah kepada pekerja-pekerja tetapi dalam hal menguatkuasakan peruntukan ini atau Undang-undang Buruh, bukan sahaja Ordinan Kerja, 1980 tetapi lain-lain pun, saya suka Kementerian hendaklah memberi keberatan yang lebih, attention yang lebih. Barangkali ada juga pegawai-pegawai yang tidak mencukupi untuk mengawal beberapa syarat-syarat. Undang-undang yang ada sekarang dari beberapa segi adalah baik tetapi untuk mengawal apa yang diamalkan oleh beberapa majikan-majikan, saya fikir tidak dapat hingga sekarang untuk mengawal sebenarnya.

Pada masa sekarang Kementerian Buruh atau pegawai-pegawai di Kementerian Buruh hanya membuat lawatan dari masa ke semasa, satu lawatan dalam tempoh setahun atau lebih-lebih dua lawatan untuk memeriksa rekod-rekod, untuk memeriksa adakah syarat-syarat yang mustahak, syarat-syarat yang menentukan hak-hak asasi golongan pekerja-pekerja dipatuhi atau tidak.

Saya harap Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat mengambil perhatian dalam perkara ini. Kalau perlu menambahkan kakitangan dan pegawai-pegawai untuk menjalankan dari segi enforcement. Ini adalah sangat penting, kita telah meluluskan beberapa undang-undang etatpi memang ada; bukan semua majikan, ada satu dua majikan-majikan di tiap-tiap negeri yang tidak mematuhi. Masih ada majikan-majikan yang

tidak membayar EPF. Ini apabila Kementerian berkenaan menerima aduan atau laporan mereka siasat dan ambil tindakan, tetapi ada banyak tempat lagi yang pekerja tidak membuat laporan aduan kepada Kementerian. Jadi enforcement saya fikir adalah satu perkara yang penting dan saya harap Kementerian berkenaan mengambil berat atas penguatkuasaan ini bukan sahaja lebih-lebih penting dari segi pekerja-pekerja kontrak. Ramai pekerja-pekerja menjalankan kerja mereka di rancangan-rancangan FELDA dan juga di Kerajaan-kerajaan Tempatan (Local Authorities) dan juga estet-estet dan pekerja-pekerja kontrak seperti diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu pekerja-pekerja kontrak yang sebelum pindaan-pindaan dibuat dalam Rang Undang-undang ini, banyak faedah-faedah mereka tidak terima. Masih ada banyak majikan-majikan yang mempunyai pekerja-pekerja kontrak yang tidak membayar EPF kepada pekerja-pekerja. Kita semua maklum perkara ini tetapi oleh sebab tidak ada kemampuan kepada Kementerian mengetahui semua kesalahan yang dibuat oleh majikan-majikan jadi saya fikir enforcement ataupun kakitangan yang dikehendaki untuk memastikan bahawa semua syarat-syarat dalam undang-undang yang dibuat yang menjamin hak-hak pekerja-pekerja dikawal pada masa-masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Rahmah binti Othman.

8.12 mlm.

Puan Rahmah binti Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru nampak seorang perempuan hendak bercakap. Saya akan mengambil masa yang pendek sahaja. Saya harap Menteri Buruh dapat memberikan overtime allowance kepada Senator-senator, dipertimbangkanlah kerana sudah lewat. Oleh kerana itu saya hanya hendak bercakap berkenaan dengan point-point yang tertentu.

Pertama sekali saya ingin menyentuh kerana belum ada lagi orang yang menyentuh. Kelihatan dalam undang-undang pindaan ini memanglah baik. Ia mencerminkan hasrat Kerajaan untuk menentukan bahawa pekerja-pekerja kita dalam semua sektor dapat menikmati hasil tenaga buruh, yang sebaik-baiknya. Tetapi saya berharap lepas ini

janganlah pula majikan-majikan membuat satu demonstrasi bertemu dengan Menteri Buruh kerana jika dilihat daripada pindaan-pindaan ini semuanya menguntungkan pekerja-pekerja. Misalnya overtime yang diberikan tiga kali ganda daripada masa-masa yang lalu, cuti rehat dan sebagainya. Semua yang disebutkan dalam ini memanglah yang kita mahu dan menguntungkan kepada pekerja-pekerja.

Saya ingin membawa perhatian kepada seksyen 2 (1) (g) dicadangkan sekarang ini berkenaan dengan annual bonus. Saya rasa bonus ini mestilah dianggap sebagai satu insentif untuk produktiviti. Jika dimasukkan ini ke dalam gaji, part of the wages, ini akan memberi satu perasaan kepada pekerja supaya ia tidak ada satu pandangan dan ia akan terus bekerja secara biasa, mereka akan terus bekerja macam hari-hari, kalau sekiranya bonus ini dijadikan satu insentif iaitu pada akhir tahun mereka ini berlumba-lumba untuk mendapatkan insentif itu.

Satu perkara yang saya sebutkan tadi oleh kerana banyak rakan-rakan lelaki saya yang begitu terpengaruh dengan cuti bersalin pekerja-pekerja wanita, maka saya juga kalau tidak sebutpun tidak patut pula, tetapi rasa saya perbandingan ini agak jauh sedikit daripada apa yang dikatakan di sini, "not less than 60 consecutive days with full pay" kepada pekerja-pekerja wanita dalam masa cuti ini. Tetapi jika saya lihat dalam Arahan Perkhidmatan JPA 74 Bahagian 3-26, "cuti bersalin hanya boleh diberi sebanyak tiga kali sahaja dalam masa tempoh perkhidmatan seseorang pegawai perempuan." Tetapi dalam ini tidak disebutkan berapa anak. Adakah seorang pekerja perempuan itu boleh tiap-tiap tahun melahirkan anak selagi ia boleh melahirkan anak berterusan 60 hari, 60 hari, 60 hari, kalau dia very productive 12x60, 12 anaknya bermakna 720 hari dalam masa itu kerana tidak diberikan satu bilangan anak.

Saya dapat lihat di sini yang satu menyuruh orang beranak dan yang satu menyuruh orang merancang keluarga. Dalam JPANYA dia kata kalau anak 4 dan seterusnya pegawai itu bolehlah ambil cuti rehatnya. Jika cuti rehatnya sudah habis ia diberi pula tanpa gaji bagi masa pemulihannya. Saya berharap Menteri dapat menimbangkan perkara ini supaya pertama sekali pada cadangan saya biarlah disamakan tidaklah orang yang

bekerja di pejabat Kerajaan itu kalau melahirkan anak berlain pula dengan orang yang bekerja di syarikat swasta dan supaya dapat menentukan bilangan anak yang dilahirkan.

Saya sungguh ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Menteri, nampaknya pindaan-pindaan yang baru ini bukan sahaja menguntungkan pekerja-pekerja kita yang tidak ada dalam union tetapi nampaknya menguntungkan juga mereka yang manual labour. Semua ini nampaknya kalau kita lihat seksyen 58 yang dipotong ini, ini maknanya semua mereka ini termasuklah motor mechanics, drivers, semua ada potongan.

Di samping itu saya ingin menyebutkan satu perkara iaitu masalah majikan juga, mungkin pindaan baru ini majikan nampaknya terpaksa membayar sekarang ini, dalam masa cuti kalau dia bekerja overtime kalau dia bekerja lebih daripada sepuluh jam lamanya dia membayar banyak dan ia terpaksa membayar kalau dia bekerja dalam masa cuti umum ia kena membayar 3½ kali ganda. Maka dengan itu saya rasa saya ingin membawa perhatian kepada seksyen ini bagaimana caranya hendak dikenakan kepada syarikat-syarikat yang memerlukan overtime, misalnya di bank-bank, syarikat-syarikat komputer. Sekarang ini kita ada commodities brokers, stock brokers, mereka ini tentulah terpaksa menyediakan satu peruntukan yang lebih untuk keperluan produktiviti yang banyak tetapi dengan itu memerlukan juga kewangan yang banyak.

Saya ingin mendapat satu lagi penjelasan daripada Menteri yang berkenaan dalam Seksyen 12-Notis Berhenti Perkhidmatan, saya tahulah, saya nampak bahawa tujuan ini supaya memberikan lebih banyak kepada pekerja yang berhenti itu untuk mencari kerja yang lain. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu ini berkenaan dengan pekerja-pekerja yang diberhentikan perkhidmatannya atas sebab-sebab tatatertib, majikan berpindah ataupun mereka yang terpaksa berhenti atas keadaan-keadaan dengan cara sukarela; apakah jaminan bagi mereka ini. Saya tidak dapat melihat di sini, peruntukan yang disebutkan.

Satu lagi perkara yang saya hendak sebut ini berkenaan dengan Seksyen 60F, ada flexibilitinya sedikit di dalam pindaan yang baru ini. Saya berbincang dengan kawan saya, doktor di sebelah saya ini, ini katanya boleh

memberi kesempatan kepada pekerja-pekerja mendapatkan medical chit yang lebih senang kerana kalau diberikan dia kepada doktor atau Medical Officer yang di luar atau Registered Medical Practitioners yang disebut di sini bolehlah, tetapi kalau tidak silap saya disyaratkan di dalam kilang-kilang ini mesti ada doktornya sendiri. Agaknya ini kurang jelas diterangkan kepada kami dan kami berharap Menteri boleh memberikan penjelasan. Saya hanya hendak tegaskan di sini memanglah baik pindaan-pindaan ini diadakan tetapi perlulah juga Menteri berkenaan menimbang pula dari segi majikan, jangan kita hendakkan satu usaha supaya hasil pengeluaran yang baik daripada pekerja-pekerja ini tetapi kita menindas pihak majikan dan ini mungkin akan mengurangkan 'output' daripada syarikat-syarikat ataupun kilang-kilang ini. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Abdullah.

8.33 mlm.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan undang-undang bagi kebaikan pekerja di seluruh tanahair kita bagi pihak 2.5 juta pekerja di negara kita. Saya mengalu-alukan juga tindakan Akta ini satu tindakan yang bersesuaian bukan sahaja dengan keadaan negara kita pada masa ini untuk buruh yang amat kita hargai kemajuan di negara yang akan membangun tetapi selaras dengan kehendak-kehendak pekerja di seluruh dunia (international) dari segi keselamatan, pelajaran, kerehatan, sukan, peluang rehat, cuti, peluang berkeluarga, nampaknya semuanya disediakan oleh Menteri berkenaan bersabit dengan buruh di tanahair kita. ini.

Saya pandang ini satu ciptaan yang berani dan berteras bagi faedah negara. Walau bagaimanapun, saya memajukan dua tiga usul. Saya tidak hendak berbalik bercakap di Dewan ini, saya hendak memajukan dua tiga usul untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri.

Yang pertama sekali, fasal sifat perangai tuan dengan hamba. Ada saya tengok majikan-majikan dalam negeri ini berasa dirinya tuan besar dan pekerja-pekerja itu sebagai hamba abdi-hendak lalu dekat dia pun

perlahan; hormat dan rendah benar diri dia sebagai hamba abdi yang tidak patut di dalam dunia moden hari ini berasa rendah diri atau sebagai tuan besar sebagai seorang hamba abdi dan patut dihapuskan. Saya harap Menteri berkenaan tolong mengambil perhatian yang nyata dalam negeri kita Malaysia ini kita harap jangan ada lagi penyakit tuan dan hamba sebagaimana yang saya sebutkan demikian.

Yang keduanya, ibadat. Sebagai agama rasmi di negara ini, saya suka berterus terang, saya amat dukacita semasa saya melawat di kilang-kilang dan di industri-industri di negeri ini didapati langsung tidak mengambil peduli hal-hal agama Islam kepada pekerja-pekerja atau pegawai-pegawai yang beragama Islam terutama sekali hari Jumaat. Kadangkala masa yang singkat diberinya macam mana hendak pergi. Ini saya harap Menteri tolong beritahu seluruh pekerja-pekerja yang beragama Islam ataupun yang beragama lain berilah masa kepada mereka menjalankan urusan agama ini dengan baik dan sempurna sebagai yang dimasukkan. Kalau perlu tiap-tiap swasta di dalam negeri ini diadakan tempat beribadat.

Tuan Yang di-Pertua, negara tidak rugi yang sebenarnya, sebab apa agama dalam dunia ialah penyelamat, penyempurna dia mengabdikan kepada Allah yang menjadi jiwa bersih, jadi apabila jiwa bersih dia sedia bekerja bertungkus lumus dengan ikhlas. Sebab dia yakin, Tuhan tahu jikalau dia menipu, kalau dia curi tulang waktu bakerja, kalau dia buat tidak tentu bukan manusia yang dia takut, Tuhan yang maha kuasa. Sebab itu kita beri mereka itu beragama, beribadat yang semuanya menguntungkan kepada negara dan tentunya kepada Tuhan memanglah, tetapi kepada majikan sendiri sebab mereka suci, bersih jiwanya. Sebab itu saya minta Menteri yang berkenaan terutama agama Islam di dalam kilang atau swasta di negeri ini tolonglah dengan tegas minta diadakan tempat ibadat itu dan bagi peluang ibadat ini, jangan disia-siakan.

Yang ketiga, saya rasa di dalam undang-undang ini semuanya complete hanya satu sahaja saya rasa iaitu mustahaklah Menteri yang berkenaan mengadakan, disemak semula undang-undang supaya disesuaikan dengan suasana keadaan alam Malaysia kita ini dengan keadaan buruhnya sekurang-kurangnya 10 tahun sekali dimasa kehadapan

disemak Undang-undang Buruh dalam negeri kita ini supaya kita jangan ketinggalan bas sebagaimana pada masa yang telah lalu.

Yang keempat, saya menyeru kepada pegawai Kementerian seperti mana-mana di negara moden yang kita lawat, yakni para pegawai, Menteri, Senator-senator ataupun Ahli-ahli Dewan Rakyat di negeri ini supaya membuat lawatan mengejut melihat sendiri buruh-buruh dalam swasta-swasta; tidak semestinya pegawai Kementerian sahaja, ini saya rasa sampai masanya Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan Ahli Dewan Rakyat sama juga dapat mengunjungi dalam sesuatu kilang memerhatikan keadaan buruh negeri kita ini sebab buruh 2.5 juta ini adalah yang sebenarnya akar umbi bagi pembangunan negara dari masa ke semasa. Sebab itu kita mesti ambil berat bukan sahaja bagi menolong Kerajaan ataupun Kementerian tetapi semua lapisan pegawai dan Ahli-ahli Dewan negeri kita ini supaya mengambil perhatian yang berat berkenaan dengan buruh dan memberi pendapat-pendapat secara terus kepada Menteri yang bertanggungjawab dalam Kerajaan di negeri kita ini.

Saya rasa setakat itu sahaja, sebab saya berjanji dengan dua tiga orang sahabat saya dibelakang, tidak melebihi 10 minit bercakap. Saya rasa ada banyak lagi, tetapi cukuplah tiga perkara. Saya mengalu-alukan mengenai Undang-undang Buruh yang saya pandang setaraf dengan Undang-undang Buruh Antarabangsa. Ini satu kebahagiaan kepada negeri kita Malaysia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook.

8.40 mlm.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan saya hanya akan menyentuh beberapa perkara yang saya rasa agak penting. Nampaknya pindaan ini adalah sedikit berat sebelah iaitu berat ke sebelah pekerja-pekerja.

Mengenai Fasal 2 (1) (g), muka 2 adalah difahamkan iaitu bonus ini diberi dengan sesuka hati. Mana-mana pihak pun tidak memaksa pihak majikan memberi bonus kepada pekerja-pekerja. Jadi, kalau bonus itu dicampur dengan gaji bagi mengira bayaran overtime, akan menjadikan satu

masalah di mana majikan itu tidak berminat lagi hendak memberi bonus kepada pekerja-pekerja.

Yang kedua, saya hendak menyentuh ialah Fasal 16 (a) di mana pada masa sekarang cuti bersalin ialah 60 hari tetapi Rang Undang-undang ini akan dipinda maksimumnya menjadikan minima. Saya ingin tahu dari Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat adakah Kementerian ini bertujuan untuk memberi cuti bersalin lebih daripada 60 hari. Kalau dibuat satu undang-undang tetapi bagi semua pihak "not more than 60 days", di pinda "not less than 60 days" adalah bermakna kita akan menggalakkan majikan memberi mereka lebih daripada 60 hari. Jadi memnag ada pihak-pihak nanti ingin dapat lebih daripada 60 hari kerana diberi 60 hari pun dianggap tidak cukup, masalah ini akan timbul.

Saya berbalik kepada Fasal 22, muka surat 12 (*Dengan izin*): This amendment states that the employees cannot be required to work more than 5 hours without a break of half an hour. Ada kilang-kilang barangkali berjalan 24 jam syif. Jadi dengan fasal ini barangkali akan menjadi masalah kesulitan kepada majikan itu bagaimana dia hendak jalankan syifnya 24 jam iaitu dengan 6 jam satu syif. Mereka memang ada some understanding where the workers and the employers are happy to work that shift. Tetapi dengan pindaan ini tidak boleh dijalankan. Pada pendapat saya kalau boleh saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan akan mengambil pertimbangan atas majikan-majikan di mana mereka akan menjalankan kilang-kilang mereka 24 jam dengan 6 jam satu syif.

Berbalik saya kepada Fasal 22 (b). (*Dengan izin*) This amendment proposes to restrict the spread over period from 12 hours to 10 hours. Pindaan ini pun dianggap akan membawa kesulitan sedikit kepada majikan. Umpamanya restoran waktu bekerja bagi pekerja-pekerja adalah dari pukul 11 pagi hingga pukul 3.00 petang pekerja-pekerja itu bekerja 4 jam, kemudian diberi 4 jam rehat, dan sambutan berkerja pada pukul 7.00 malam sehingga pukul 11.00 malam, semuanya kalau dikira spread over adalah 12 jam. Dengan pindaan ini bagaimana mereka hendak fit in schedule itu. Jadi, kalau restoran itu hendak membayar 2 jam sebagai

overtime, jadi 2 jam itu diberi kepada pekerja-pekerja itu dengan tidak productive (non-productive—it is a waste to the employer). Saya bukan seorang majikan tetapi kalau kita pandang dari segi klinik pun, Tuan Yang di-Pertua, banyak klinik pun begitu juga. Mereka bekerja dari pukul 9.00 pagi hingga pukul 12.00 tengahari kemudian rehat 4 jam. Selepas itu datang balik pada pukul 4.00 petang hingga pukul 8.00 malam, ianya spread over 12 jam. Jadi majikan dengan pekerja-pekerja di bidang seperti ini memang ada "agreement amongst themselves" di mana kedua-dua pihak puas hati bekerja dengan keadaan yang sedemikian. Saya harap Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan menimbang kesulitan yang akan dihadapi oleh pihak-pihak di bidang-bidang seperti yang saya sebutkan tadi.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Fasal 26 (b) di muka surat 20. (*Dengan izin*) This proposal seeks to amend the law to enable the employee to obtain sick leave from any doctor other than the company's appointed medical practitioner. Tuan Yang di-Pertua, jika fasal ini diluluskan, pada pendapat saya, kita akan menggalakkan "malingering" umpamanya seperti pekerja-pekerja memang ada penal doktor tetapi penal doktor itu mesti jaga interest kedua-dua belah pihak, majikan dengan pekerja, employer's and employee's interest must be looked after by this panel doctor. Itu yang kita harapkan di mana-mana kilang majikan akan mengadakan panel doktor memberi kemudahan-kemudahan perubatan (medical facilities) bagi pekerja-pekerja. Jadi dengan Fasal ini kita tikam majikan itu dari belakang sedangkan kita akan menggalakkan seperti saya katakan tadi 'malingering'. Pekerja A pergi ke penal doktor, penal doktor berpendapat sakitnya adalah ringan tidak payah cuti tetapi tujuan pekerja A pergi berjumpa doktor itu ialah hendak mendapatkan surat cuti. Dengan adanya penal doktor tidak beri cuti, apa lagi dia pergilah cari doktor lain. Dengan kelulusan Fasal ini keadaan demikian akan terjadi, Tuan Yang di-Pertua.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, mengenai surat cuti saya memang bantah apa yang dicadangkan tadi oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk

Haji Ahmad Arshad di mana Yang Berhormat itu mencadangkan surat cuti yang dikeluarkan oleh doktor-doktor swasta masih kena sahkan oleh doktor Kerajaan. Ini saya bantah keras. Kita jangan anggap dari segi prinsip ini. Sebelum kita anggap dari segi prinsip ini, kalau kita fikir jika doktor Kerajaan dipaksa untuk mengesahkan setiap surat cuti yang dikeluarkan oleh doktor-doktor swasta, pada pendapat saya General Hospital akan ditetapkan dengan dua orang doktor khas untuk mengesahkan surat-surat cuti. Jadi dua orang doktor untuk buat kerja itu sahaja dengan tidak memberi faedah kepada rakyat dan negara. Ini dari segi prinsip sahaja.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan. Menurut ingatan saya atas apa yang saya utarakan tadi begini, seseorang pekerja yang hendak mendapatkan surat cuti daripada doktor, saya tidak mahu menghendaki surat cuti itu diambil daripada doktor swasta, tetapi hendaklah diambil surat cuti yang diiktiraf oleh doktor Kerajaan. Itu yang saya anjurkan.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih atas penjelasan dari sahabat saya itu. Saya hendak menambah sedikit, iaitu jika fasal ini diluluskan maka angka malingerer akan bertambah.

(*Dengan izin*) dengan langkah ini juga we are going to discourage the company from appointing panel doctors. With this Clause, we are going to discourage a lot of companies from appointing their own company doctors whereas this is the desired thing to do, because in fact we want as many companies as possible to provide medical facilities for their employees; and to that, we have got to restrict them to panel doctors. We cannot give them freedom to go and see anybody and thus bypass the company doctor because the company doctor is looking after the interests of both sides—the employer and the employee. The company doctor has a great responsibility, Tuan Yang di-Pertua. This is a very uncomfortable responsibility. He faces the worker and the worker says, "Doctor, you are not going to give me leave? I don't think I will come to see you next time." He points it straight to the doctor's face. Then the next moment, if the doctor gives him leave, the employer rings him up, "Doctor, this fellow is not very sick; why do you give so much

leave?" So, there is a great responsibility and this is a very uncomfortable position that the company doctor is in. With this Clause in, I think it is going to discourage a lot of employers from appointing company doctors.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

8.55 m/m.

Tuan Alexander Y. L. Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan kerana memperkenalkan Pindaan Rang Undang-undang Ordinan Kerja ke Dewan ini buat pertama kali dalam 25 tahun, yang menyediakan satu kajian menyeluruh tentang syarat-syarat pekerjaan dan perkhidmatan bagi pekerja-pekerja yang dilindungi oleh Akta ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat kerana menimbulkan perkara-perkara yang bingkak pindaan-pindaan tersebut. Terdapat beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan.

Pertamanya saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Subramaniam dan saya rasa kita tidak perlu menunggu sehingga 25 tahun sebelum mengkaji kembali undang-undang ini. Kajian ke atas sesuatu undang-undang yang dilakukan selepas 25 tahun akan membawa perubahan-perubahan yang penting yang akan mempunyai kesan mendalam ke atas ekonomi secara menyeluruh sedangkan kajian dan pindaan serta mengemaskini syarat-syarat pekerjaan yang dilakukan lebih kerap tidak akan mempunyai kesan yang mendadak bagi pekerja-pekerja dan ke atas ekonomi. Jadi saya berharap Kementerian akan terus mengkaji dan mengemaskini syarat-syarat perkhidmatan dari masa ke semasa.

Keduanya, saya perhatikan bahawa pindaan-pindaan ini menyediakan masa bekerja yang lebih pendek, lebih cuti dalam masa setahun, kemudahan-kemudahan yang lebih dan kadar lebih masa yang tinggi. Pendeknya, masa kerja yang kurang dengan gaji yang lebih. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan dalam ucapannya bahawa pindaan-pindaan ini merupakan rangka ekonomi negara dan dasar bagi kita untuk

menghadapi cabaran-cabaran pada tahun-tahun yang akan datang. Saya hanya memikir sama ada pindaan-pindaan ini akan mengakibatkan pengurangan pengeluaran kita. Walaupun saya menyokong konsep bahawa kita harus memberi masa riha dan kemudahan-kemudahan yang lebih kepada pekerja-pekerja yang bergaji, saya juga berpendapat perkara-perkara ini tidak harus mempengaruhi pengeluaran kita. Seperti yang kita semua ketahui, kita adalah negara yang mempunyai penduduk yang tekun dan disebabkan ini kita telah dapat mengatasi kesan-kesan inflasi dunia dengan terus mengekalkan kadar pengeluaran yang tinggi. Sebahagian dari negara-negara yang telah membangun telah memberikan masa riha yang banyak kepada pekerja-pekerja mereka sehingga mereka tidak berminat untuk bekerja lagi dan saya harap Kementerian yang berkenaan akan terus berusaha meninggikan kadar pengeluaran serta keadaan pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa mereka telah membuat kajian mendalam suasana pekerjaan dan pindaan-pindaan yang telah dibuat adalah berdasarkan kajian-kajian yang mendalam ini. Saya tidak sangsi bahawa sektor moden dapat menemui dengan pindaan-pindaan ini, lebih-lebih lagi dengan kadar kerja lebih masa yang tinggi, tetapi saya tidak pasti bahawa sektor tradisional boleh berbuat demikian. Sektor tradisional merupakan 30% dari ekonomi kita, iaitu pekedai-pekedai, pemborong-pemborong dan lain-lainnya. Ramai dari mereka mendapat keuntungan yang hanya mencukupi tiap tahun untuk terus kekal. Dengan pindaan-pindaan yang diperkenalkan, mereka akan mendapati amat sukar untuk mengikutinya dan seandainya pindaan-pindaan ini membawa hanya kesusahan kepada sektor ini, Yang Berhormat Menteri patut mengambil langkah-langkah untuk mengurangkannya.

Tuan Yang di-Pertua, tentang waktu lebih masa, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa Kementeriannya akan menyediakan satu had baru jumlah maksima waktu lebih masa sebanyak 64 jam sebulan tanpa mengira cuti umum dan cuti minggu. Beliau telah menyatakan khususnya, sektor urusan bank ialah tempat pekerjaan di mana terdapat jam-jam kerja lebih masa yang terbanyak sekali. Tuan Yang di-Pertua, sektor urusan bank adalah satu industri

perkhidmatan dan adalah amat penting bahawa sektor ini berjalan dengan cekap. Oleh kerana sektor ini berjalan dengan cekap dari sehari ke sehari tanpa masalah ianya dianggap memang begitu. Pergerakan wang merupakan satu fungsi yang utama dan sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, jumlah wang dalam negara juga akan bertambah. Bank-bank harus menyediakan satu perkhidmatan yang cekap untuk terus mengerakkan wang ini dengan cara yang cepat dan kerana ini bank-bank mengalami jam-jam kerja lebih masa yang banyak. Seseorang yang ingin tunaikan cek hendakkan wangnya dengan serta-merta. Ia tidak memikirkan tentang kerja yang dibuat di belakang kaunter untuk memproses sesuatu cek dan juga untuk menentukan cek tersebut tidak tersalah bayar. Pihak bank sentiasa mengambil langkah untuk memodenkan sistem mereka seperti memperkenalkan komputer-komputer dan mengkaji semula sistem-sistem urusan bank. Terutama sekali dalam bidang komputer, pelaburan yang diperlukan adalah banyak dan kos untuk mengekalkan perkhidmatan komputer juga adalah mahal.

Contohnya sewa tahunan satu line talipon komputer dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang ialah kira-kira \$75,000. Terdapat penipuan komputer yang berlaku dan oleh kerana bank sentiasa bertanggungjawab ke atas kewangan orang ramai ia harus berhati-hati apabila menggunakan komputer. Jadi saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan terus menimbang permohonan-permohonan dari sektor bank dalam kes lebihmasa supaya bank-bank akan terus menyediakan perkhidmatan yang cekap kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut perkhidmatan 5 jam yang terus menerus sebagai satu pindaan yang membina. Kita ketahui bahawa ramai dari pekerja-pekerja kita dieksploit dan terpaksa bekerja untuk jangka waktu yang panjang. Di sini saya ingin menyebut tentang pekerja kabin sistem penerbangan kita, M.A.S. Dalam satu penerbangan dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur, saya diberitahu bahawa kumpulan yang sama terpaksa bekerja untuk sepanjang penerbangan dari Seoul, Korea ke Kuala Lumpur, iaitu selama 12 jam. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memerhatikan perkara ini. Kalau timbul

sesuatu kecemasan dalam penerbangan, mereka tidak akan berjaga-jaga seperti sepatutnya dan ini akan membahayakan nyawa-nyawa penumpang.

Tentang penamatan pekerja dan kemudahan-kemudahan berhenti kerja bagi pekerja-pekerja, kita tidak diberitahu apakah kemudahan-kemudahan ini Yang Berhormat tetapi Timbalan Menteri menyatakan beliau berharap matlamat-matlamat pindaan-pindaan ini akan membantu dalam mengurangkan perubahan buruh. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan dari firma-firma negara tidak menyediakan kemudahan-kemudahan berhenti kerja kepada pekerja-pekerja yang berhenti secara sukahati untuk kerja yang lebih baik. Kalau terdapat kemudahan-kemudahan berhenti kerja yang mesti disediakan walaupun pekerja itu sendiri berhenti untuk sesuatu pekerjaan yang lebih baik, ini pasti menggalakan eksploitasi pekerja-pekerja dan mengakibatkan penukaran kakitangan yang lebih tinggi dan juga menggalakkan pekerja-pekerja selalu menukar pekerjaan supaya ia mendapat bukan sahaja kemudahan sesuatu pekerjaan yang lebih baik tetapi juga kemudahan-kemudahan berhenti kerja dari pekerjaannya yang sebelum itu. Saya berharap apabila Yang Berhormat Menteri membuat syarat-syarat pekerjaan ini beliau akan menimbang perkara-perkara yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah di antara perkara-perkara yang ingin saya timbulkan. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini akan membawa perubahan yang mendalam ke atas bidang pekerjaan, dan akan mengakibatkan gaji yang lebih tinggi. Struktur gaji di dalam sektor swasta telah pun dikaji semula setelah pihak Kerajaan meninggikan gaji kepada kakitangan-kakitangannya. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan kadar pertambahan gaji kakitangan Kerajaan tidak akan meninggikan kadar inflasi. Saya harap pindaan ini tidak akan mengakibatkan bukan hanya pertambahan kadar inflasi tetapi juga mengurangkan pengeluaran. Walau bagaimanapun, saya akan menyokong sebarang langkah untuk memperbaiki keadaan pekerja-pekerja kita. Dalam banyak hal, mereka telah ditindas dan saya menyambut pindaan ini sebagai satu langkah membina ke arah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel.

9.05 mlm.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Kerja dan terus ingin membawa perhatian Dewan ini iaitu dalam masa mesyuarat yang lepas, dalam bulan April kita telah meluluskan satu Rang Undang-undang Kesatuan Buruh di mana sungguhpun pemimpin-pemimpin pekerja buruh mengatakan Rang Undang-undang itu tidak begitu adil, kita telah meluluskan satu Rang Undang-undang pada masa itu untuk kepentingan pekerja-pekerja dan pada hari ini kita membawa pula satu Rang Undang-undang lagi di mana daripada mula-mula sehingga habis ini membawa banyak keuntungan dan kebaikan kepada pekerja-pekerja.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri serta Timbalan Menteri Buruh Malaysia iaitu kita menggalakkan pelabur-pelabur asing untuk melabur di tanahair kita. Jadi jikalau kita membawa undang-undang di mana selalu mereka menekankan diberi peruntukan untuk pekerja-pekerja sahaja di mana employers tidak begitu untung, ini patut dikaji sedalam-dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh tadi bahawa peruntukan ordinan ini dan pindaan-pindaan ini adalah piawai minima dan boleh dibaiki. Kerajaan mestilah mengawal perkara ini oleh kerana zaman ini ialah zaman inflasi. Jika kesatuan-kesatuan sekerja yang kuat dapat melalui kesatuan mereka menaikkan gaji ahli-ahli mereka tiap-tiap tahun dan dapat juga arrears yang banyak, ini akan membawa pendesakan inflasi dan akan membawa kerugian kepada rakyat jelata negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dahulunya perkara ini tidak menjadi masalah kerana gaji adalah rendah dan inflasi tidak menjadi satu hal yang merunsingkan tetapi keadaan sekarang sudah berubah. Free collective bargaining and agreement and inflationary mestilah dikaji semula oleh Kementerian berkenaan. Kita mestilah mencantumkan bahawa kenaikan gaji dan lain-lain elaun adalah dalam kemampuan majikan dan dalam lingkungan productivity increases tahun-tahun.

Tuan Yang di-Pertua, tidak usahlah kita membenarkan kesatuan sekerja yang paling

kuat dalam Malaysia ini. Jika kita membenarkan begitu, ini akan merosotkan financial stability dan price stability dalam tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila menjawab.

9.08 mlm.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang nampaknya dengan jelas telah mengambil perhatian mendalam mengenai Rang Undang-undang ini dan saya rasa pada amnya Rang Undang-undang ini telah dapat sambutan yang baik dan sokongan daripada semua pihak walaupun ada satu dna aspek yang merunsingkan sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jika saya hendak jawabkan semua hujah yang dibangkit itu, barangkali kita di sini sampai tengah malam dan Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman telah pun mencadangkan Menteri Buruh membayar overtime kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi Menteri dalam keadaan di mana Menteri terpaksa tuntut juga overtime untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan saya cubalah menjimatkan masa di dalam perkara ini.

Yang pertama, Yang Berhormat Mulia Raja Datuk Nong Chik telah mencadangkan dan juga telah disokong oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad iaitu diadakan bank khas untuk pekerja-pekerja mendapat pinjaman bagi kemudahan pinjaman perumahan dan lain-lain. Walaupun saya sendiri memandangkan cadangan ini sebagai satu cadangan yang baik, saya sendiri tidaklah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan lesen bank, kuasa itu di bawah tanggungjawab Kementerian yang lain dan cadangan begitu akan dapat dikaji oleh pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Mulia Raja Datuk Nong Chik telah menyebut berkenaan ladang-ladang ternakan lembu, tanaman dan lain-lain. Perkara ini saya akan ambil perhatian dan Kementerian saya memang memberi pandangan dan perhatian yang berat terhadap perkara ini dan akan cuba berikhtiar sebolebolehnya untuk menentukan kemudahan-kemudahan ini sungguh-sungguh dinikmati oleh pekerja-pekerja.

Berkenaan dengan cadangan Kelas Dewasa untuk pekerja Kelas dewasa seperti itu adalah di luar daripada kuasa Kementerian saya. Walau bagaimanapun rancangan untuk meningkatkan kemahiran pekerja memang mendapat perhatian daripada Kementerian saya dan akan juga diperluaskan di masa-masa yang akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator Subramaniam, Raja Datuk Nong Chik dan Datuk Haji Ahmad Arshad telah menyentuh pekerja-pekerja kontrak. Ini adalah satu perkara yang mustahak dan di dalam pindaan yang dibuat kepada Ordinan Kerja ini pada tahun 1977 kita sudahpun memperuntukkan pada Seksyen 2A untuk mendatangkan kawalan yang lebih rapi terhadap amalan pekerja kontrak ini dan selepas siasatan akan dibuat oleh Kementerian saya baru-baru ini kita telah mencadangkan untuk mengenakan kawalan melalui Seksyen 2A itu terhadap pekerja kontrak dalam satu dua bidang, khususnya dalam bidang kayu-kayan. Kita harap dengan pengalaman yang kita dapat daripada rancangan itu, peraturan kawalan kerja-kerja kontrak dalam plywood, veneer dan lain-lain kilang kayu tidak termasuk sawmill kita akan dapat memperluaskan peraturan itu terhadap pekerja kontrak di lain-lain tempat. Saya boleh memberi jaminan di sini bahawa Kementerian saya akan mengambil perhatian yang berat terhadap masalah pekerja kontrak ini.

Yang Berhormat Senator K. Kumaran dalam ucapannya berharap bahawa dengan adanya pindaan yang dialu-alukan ini bahawa pelaksanaan oleh Kementerian saya tentang undang-undang ini dan pindaan-pindaan akan juga dihebatkan untuk menentukan bahawa pekerja kita menikmati faedah undang-undang ini dan juga perkara ini sudah dapat sokongan daripada Yang Berhormat Senator Subramaniam dan lain-lain. Saya dapat memberi keterangan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya sekarang ini atau dalam tahun yang lalu juga telah membuat lebih daripada 40,000 lawatan-lawatan rasmi (inspections) ke tempat-tempat kerja. Dalam perkara ini memang kita mempunyai rancangan untuk memperluaskan lagi tenaga pegawai kita dan juga peruntukan untuk transport and travelling di Kementerian kita untuk membolehkan pegawai membuat lawatan-lawatan (inspections) ke tempat-tempat pekerjaan untuk mengawal di atas

peruntukan undang-undang ini. Kita harap dengan lawatan seperti itu dan kawalan seperti itu kita akan dapat satu adherence kepada peruntukan ini yang sungguh luas, tetapi dalam perkara ini haruslah juga saya menegaskan bahawa Kerajaan memang berharap feedback daripada pekerja-pekerja, Ahli-ahli Yang Berhormat dan pemimpin-pemimpin masyarakat. Mengenai kesilapan atau kesalahan ataupun penyelewengan di dalam perkara-perkara itu, maka saya boleh memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan siasat setiap rayuan atau aduan yang dibuat kepada Kementerian kita untuk menentukan tujuan kita membawa Undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad telah membangkitkan satu soal yang penting iaitu mengenai permintaan CUEPACS dan juga lain-lain pihak untuk melaksanakan skim 5 hari bekerja (5-day week) dalam seminggu dan beliau telah meminta bilakah ini akan dapat diamalkan. Perkara ini adalah satu yang kompleks dan rumit dan seperti saya telah katakan dalam ucapan saya tadi haruslah kita memikirkan segala faedah yang kita wajibkan di bawah undang-undang ini dengan teliti untuk menentukan bahawa faedah-faedah itu tidak akan melemahkan semangat rajin dan semangat produktiviti di negara kita dan bahawa dalam keadaan negeri kita yang sedang maju kita berkehendakkan tenaga dan semangat yang lebih untuk meninggikan lagi pengeluaran dan mutu negara kita.

Jadi perkara seperti memanjangkan lagi cuti rehat ataupun mengurangkan lagi tempoh masa bekerja dalam seminggu adalah perlu kita teliti dengan baik dan kita mesti berjaga-jaga bahawa kita tidak dengan bebas sahaja mengikuti amalan kerja di lain-lain tempat. Di dalam perkara ini kita haruslah juga mengambil perhatian bahawa di negara yang sudah begitu majupun amalan 5 hari bekerja itu belum lagi menjadi satu yang diwajibkan di bawah undang-undang, hanya perkara ini diamalkan melalui perjanjian-perjanjian bersama ataupun amalan-amalan di satu-satu industri di mana keadaan memerlukan atau membolehkan amalan seperti itu. Dan di negara kita Malaysiapun undang-undang tidak menghalang bekerja dalam 5 hari seminggu, tetapi Kerajaan pada masa ini belum lagi mencadangkan untuk mengamalkan bekerja 5 hari seminggu. Masanya saya

rasa belumlah sampai untuk kita memikirkan perkara ini.

Mengenai cuti bersalin yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator Subramaniam, Datuk Haji Ahmad Arshad serta Puan Rahmah Othman, perkara ini adalah satu perkara yang jelas.

Pada masa ini, Kerajaan ataupun undang-undang tidak menghalang atau melarang secara undang-undang bahawa wanita-wanita kita atau keluarga-keluarga kita mempunyai lebih daripada tiga anak. Undang-undang Kerja hanya mengatakan bahawa mereka yang melahirkan lebih daripada tiga anak dan ketiga-tiga anak itu masih hidup bahawa mereka tidak berhak untuk mendapat cuti dan gaji penuh untuk 60 hari. Mereka mempunyai hak untuk melahirkan berapa ramai anak yang mereka hendak, kita tidak melalui undang-undang memberi galakan dengan cuti dan gaji penuh dan lain-lain. Tetapi saya dapat memberi keterangan di sini bahawa Undang-undang Kerja itu memberi perlindungan kepada wanita-wanita yang melahirkan anak atau bersalin lebih daripada 3 kali atau melahirkan lebih daripada anak dan mereka tidak berhak mendapat gaji penuh untuk 60 hari tetapi mereka berhak untuk mengambil cuti tanpa gaji dan majikan-majikan dalam keadaan seperti itu tidak boleh menamatkan pekerjaan wanita itu melainkan mereka dapat membuktikan kesalahan yang lain. Jadi, itu keterangan yang pertama.

Yang kedua, adalah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan S. Subramaniam dan juga oleh Senator Puan Rahmah binti Othman mengenai keadaan di mana amalan di bawah Undang-undang Kerja ini adalah lebih baik daripada apa yang dipraktikkan oleh Kerajaan sendiri yang mana di bawah Arahan JPA (General Orders) Kerajaan hanya memberi 42 hari cuti, walhal kita dalam Undang-undang ini pula menghadkan pekerja-pekerja wanita dapat tidak kurang daripada 60 hari cuti dengan gaji penuh. Kementerian saya memang sedar tentang perbezaan-perbezaan ini dan Kementerian saya telahpun mencadangkan kepada Kerajaan bahawa peruntukan cuti bersalin dalam General Orders haruslah dikaji semula untuk menyelaraskan peruntukan dalam General Orders itu dengan Undang-undang yang baru dipinda oleh Parlimen pada masa ini atau akan dipinda di peringkat Senate pada malam ini.

Saya sendiri harap bahawa perkara ini akan dapat diselesaikan dan diselaraskan dengan perhatian yang sedalam-dalamnya oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan lain-lain. Adalah juga dibangkitkan dalam perkara cuti bersalin ini oleh Yang Berhormat Tuan S. Subramaniam tadi, apakah sebabnya kita menghadkan elaun bersalin ini untuk tiga anak sahaja, apakah salahnya jika elaun ini diberi juga kepada anak-anak yang lain. Hal ini disuarakan juga oleh yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad. Seperti saya terangkan tadi undang-undang tidak menghadkan kelahiran anak yang lebih hanya mengatakan bahawa majikan tidak diwajibkan di segi undang-undang membayar elaun bersalin dan kita dalam perkara ini telah mengambil sikap bahawa kewajipan di bawah undang-undang ini untuk memberi elaun bersalin itu sudah seperti menjadi macam satu insentif kepada setengah keluarga untuk melahirkan anak-anak yang lebih. Kita sedar dengan pindaan-pindaan undang-undang ini dengan syarat elaun bersalin diberi kepada tiga orang anak yang hidup, saya rasa neutralizekan dalam perkara ini dengan tidak memberi insentif ataupun tidak memberi disinsentif kepada sesiapa. Jika kita memandang dalam perkara ini kita harus juga ingat bahawa ada banyak wanita dalam negara kita ini yang tidak langsung mendapat elaun bersalin ataupun cuti bersalin untuk melahirkan anak mereka di kampung-kampung, di pekan-pekan dan di semua tempat. Jadi kita mestilah mempunyai satu pandangan yang seimbang dalam perkara ini dan kita harap dapat juga fahaman yang seimbang daripada semua pihak dalam perkara ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah juga saya rasa membangkitkan dua perkara mengenai pekerja-pekerja Islam. Yang pertama mengenai keperluan pekerja-pekerja Islam menunaikan fardu Jumaat (Sembahyang Jumaat) dan kemudahan untuk mereka dapat cuti pada masa itu. Perkara ini sudahpun dapat sokongan daripada Senator Tuan Ibrahim bin Abdullah tadi, ini memang kita sedar dan Kementerian saya memang memberi galakan yang penuh kepada majikan-majikan untuk mengadakan peraturan-peraturan yang cukup bagi pekerja-pekerja Islam mereka yang ingin menunaikan fardu Jumaat dan mengkaji waktu kerja mereka untuk mengaturkan tempoh masa itu yang cukup untuk mereka pergi Sembahyang Jumaat dan saya sendiri

haraplah bahawa dengan kajian oleh majikan-majikan memang kebanyakan pekerja-pekerja akan dapat menikmati kemudahan yang mereka memikirkan ini penting.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Senator Datuk Haji Ahmad Arshad iaitu tidak begitu baik mengenai buruh-buruh wanita Islam yang bekerja malam. Beliau telah mencadangkan bahawa mereka dilarang atau tidak digalakkan bekerja malam, saya rasa bukan sahaja Islam yang berkehendakan isteri-isteri bersama-sama dengan suami mereka pada waktu malam khususnya, saya rasa itu hal lain, cuma suami suka itu melainkan suami itu sudah mempunyai lebih daripada satu isteri. Dalam keadaan seperti ini saya rasa bekerja pada waktu malam itu di perusahaan atau di lain tempat secara shift adalah baik dan menyenangkan kita semua. Tetapi dalam perkara ini saya tidak tahu point agama yang dibangkitkan itu, tetapi kita memang berjaga-jaga tentang wanita-wanita yang dikehendaki bekerja malam dan sekarang ini semua wanita yang bekerja selepas pukul 10.00 malam, majikan-majikan mereka hendaklah dapat persetujuan secara bertulis daripada Kementerian saya sebelum mereka boleh menjalankan amalan itu. walau apapun agama mereka yang bekerja pada malam hari, Kementerian saya mengambil kira kemudahan-kemudahan pengangkutan, keselamatan, bayaran mereka dan lain-lain sebelum majikan itu diberi persetujuan atau kelulusan untuk wanita itu bekerja malam dan perkara ini akan terus dalam jagaan Kementerian saya.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad juga telah membangkitkan satu perkara yang menghairankan saya iaitu mengenai pekerja-pekerja daripada Indonesia yang bekerja di Malaysia dan beliau telah mengatakan bahawa ada setengah pekerja-pekerja itu sudah mendapat kelulusan bermastautin di Malaysia dan ada setengah mereka yang tidak mempunyai kelulusan itu adalah dianggap sebagai pendatang haram di negara Malaysia dan mereka dianiayakan oleh majikan-majikan. Saya sedar tentang pekerja-pekerja atau orang-orang Indonesia yang datang secara haram ke negara Malaysia dan ada setengahnya bekerja di tempat-tempat yang terpencil di negara kita khususnya dirancangan-rancangan FELDA yang pendalaman dan lain-lain tempat. Kementerian saya dan pihak Imigresen sedang mengambil

tindakan untuk menangkap mereka dan hantar mereka balik dan ada juga yang dihukum di mahkamah-mahkamah kerana mereka datang secara haram. Tetapi saya tidak tahu secara mana pekerja-pekerja Indonesia ini sudah dapat bermastautin tetap di Malaysia, jika ada maklumat-maklumat itu saya sendiri inginlah kerana bukanlah senang untuk orang-orang asing dapat kelulusan bermastautin tetap di Malaysia.

Saya juga ingin memberi amaran kepada majikan-majikan di mana-mana pun tidak usahlah menggaji pendatang-pendatang haram dari negeri manapun oleh kerana ini adalah satu kesalahan yang besar dan akan dipandang sebagai satu kesalahan yang besar dan jika mereka ditangkap akan dituduh di mahkamah. Kita akan berhati-hati dalam perkara itu kerana kita belum lagi dan kita tidak meluluskan pekerja-pekerja luar negeri melainkan secara melalui Malaysianisation Committee dan Jawatankuasa itu memang mementingkan pekerja-pekerja di Malaysia kita lebih daripada pekerja-pekerja yang diimport daripada luar negeri.

Yang Berhormat Senator S. Subramaniam telah membangkitkan perkara kaedah penamatan atau pemberhentian kerja dan Yang Berhormat Senator Alexander Lee juga telah menyentuh perkara ini. Dua perkara yang saya ingin menyatakan di sini iaitu faedah penamatan atau pemberhentian kerja adalah pada pertama kali diperkenalkan melalui pindaan yang kita bawa di Dewan ini pada masa ini. Tetapi sebelum ini ada banyak tempat majikan yang sudah secara perjanjian dengan pekerja-pekerja atau kesatuan mereka membayar faedah pemberhentian (retrenchment pay) dan diladang-ladang khasnya baru-baru ini dalam beberapa tahun yang lalu pihak NUPW (Kesatuan) dan MAPA (majikan) di ladang-ladang telahpun mengikat janji untuk membayar faedah pemberhentian dan ada banyak ladang atau pekerja-pekerja ladang yang sudah menikmati faedah-faedah itu tetapi saya berani kata bahawa faedah-faedah yang akan diperuntukkan dalam peraturan-peraturan Yang Berhormat Menteri akan memperkenalkan pada masa Undang-undang ini sudah diluluskan, adalah satu faedah yang lebih sedikit daripada apa yang terdapat dalam perjanjian NUPW dan MAPA dan kita sendiri memandang Bahagian XIIA yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini sebagai satu Bahagian yang penting.

Kepada Yang Berhormat Senator Alexander Lee yang telah menyuarakan perkara ini dan bertanya jika pekerja-pekerja yang dengan sendirinya menamatkan kerja mereka akan layak menikmati faedah pemberhentian ini, secara jelas saya boleh mengatakan bahawa tidak kerana faedah ini jika kita baca Bahagian XIIA dan keterangan yang saya sudahpun memberi di Dewan Rakyat, faedah-faedah ini hanya akan dapat dinikmati di dalam keadaan di mana majikan-majikan sendiri memberhentikan atau menamatkan pekerjaan seseorang dan peraturan-peraturan itu akan mengandungi syarat-syarat untuk menentukan bahawa beberapa golongan pekerja yang tidak layak untuk menikmati faedah-faedah pemberhentian itu. Satu daripadanya ialah mereka yang ditamatkan pekerjaan mereka di atas alasan disiplin (tatatertib) di mana majikan menggunakan kuasa mereka untuk menamatkan kerja mereka, ataupun pekerja-pekerja sendiri menggalakkan kerja mereka dan apa yang dikehendaki oleh Seksyen 12 dalam Ordinan Kerja ini adalah bahawa mereka pun mesti memberi notis kepada majikan jika mereka meninggalkan pekerjaan mereka dan peraturan-peraturan yang kita bawa itu sudah tentu akan dapat menjalankan tujuan yang saya sebutkan dalam ucapan bahawa mereka yang bekerja lebih lama dengan sesuatu majikan akan dapat faedah yang lebih dan itu dengan jelasnya akan dapat menjalankan atau mengurangkan masalah turn-over of labour yang kita hadapi di banyak tempat pada masa ini.

Yang Berhormat Senator S. Subramaniam telah juga menyentuh mengenai piawaian minima di bawah Undang-undang ini dan telah membayangkan keadaan ini di mana banyak pekerja menghadapi keadaan di mana piawaian ini menjadi piawaian maksima atau syarat maksima. Ini memang kita faham tetapi perkara ini adalah satu perkara yang kita mesti menghadapi secara perlahan-lahan kerana kita sedar ada banyak pekerja, lebih kurang 2.5 million pekerja yang pada masa ini tidak menikmati faedah Perjanjian Bersama (Collective Agreement) dan kita mestilah memandang juga kepada keadaan-keadaan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Alexander Lee di mana terdapat ramai majikan tradisional yang tidak mampu untuk memikul beban syarat-syarat Undang-undang yang lebih tetapi memang kita akan kaji undang-undang ini

dan harap dapat memajukan aspek-aspek yang perlu dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator S. Subramaniam telah juga membangkitkan perkara Hari Kelepasan Am (Public Holiday). Mengenai Hari Pertabalan, saya belum lagi mendapat nasihat tentang perkara ini kerana perkara ini adalah satu keputusan yang harus dibuat oleh Kerajaan dan saya rasa perkara itu memang dalam pertimbangan.

Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman telah juga membangkitkan satu perkara yang saya mesti menjelaskan di sini dan perkara ini sudahpun disuarakan juga oleh Yang Berhormat Senator Dr Choo Kooi Fook iaitu mengenai bonus. Saya rasa ada kesilapan faham di kalangan Yang Berhormat-Yang Berhormat mengenai perkara ini. Undang-undang ini atau pindaan-pindaan ini tidak di mana-mana pun memaksa sesiapa-pun membayar bonus dan di mana bonus ini dibayar secara incentive atau secara budi-bicara majikan (discretion) akan terus jadi satu discretionery mengikut budibicara majikan. Pindaan yang kita bawa mengatakan keadaan di mana bonus itu sudah jadi satu perkara perjanjian atau kontrak, bonus itu atau sebahagian bonus yang jadi kontrak itu mestilah dianggap sebahagian daripada gaji pekerja-pekerja. Amalan ini sudah lama kita buat dan apa yang kita buat pada masa ini ialah untuk menjelaskan Undang-undang dan contractual bonus ini mestilah difahamkan secara itu.

Undang-undang tidak memaksa pembayaran bonus ataupun tidak berkehendakkan semua bonus yang dibayar dianggap sebagai gaji. Hanya sebahagian bonus yang sudah menjadi sebahagian daripada Contract of Service pekerja-pekerja yang akan diambil kira untuk menentukan jumlah gaji seorang pekerja.

Mengenai Fasal 26 yang sudah dapat perhatian daripada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Senator Puan Rahmah Othman, Senaor Dr Choo Kooi Fook dan juga satu dua orang yang lain, saya ingin menerangkan di sini bahawa Fasal 26 itu ialah untuk membolehkan seorang pekerja pergi kepada seorang doktor yang bukan daripada panel yang ditentukan oleh seorang majikan dan dalam keadaan-keadaan yang tertentu kerana Undang-undang yang terdapat dahulu sudah menjadi satu akibat yang buruk kepada pekerja-pekerja.

Saya memberi contoh di mana seorang majikan atau lebih daripada seorang majikan yang mempunyai tempat pekerjaannya di Johor Bahru telah melantik seorang doktor penalnya di Singapura dan pekerja-pekerjanya di Johor Bahru terpaksa pergi ke Singapura jika mereka ingin mendapatkan cuti bergaji pada masa mereka sakit. Itu adalah satu contoh yang sangat jelas sekali di mana pekerja-pekerja sudah dianiaya dan mereka sudah diberi beban yang berat dalam keadaan-keadaan yang tertentu dan ada banyak tempat seperti mana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Subramaniam tadi di mana pekerja-pekerja di luar bandar tidak dapat pergi ke doktor-doktor di bandar-bandar yang ditetapkan sebagai doktor penal oleh majikan-majikan yang tertentu dan biasanya ada doktor penal ini mempunyai klinik di pekan-pekan dan mereka ini mempunyai tempat penjagaan yang banyak, luas, satu-satu keliniknya mempunyai beribu-ribu pekerja di bawah jagaannya dan mereka pun ingin mendapat week-end holiday, public holiday dan lain-lain, mereka pergi juga bekelah dan lain-lain tetapi pekerja pula tidak dapat pergi, tidak dapat rawatan atau jagaan ataupun kemudahan rawatan doktor.

Apa yang kita buat pada masa ini adalah untuk memperuntukan bahawa dalam keadaan di mana perlu dan dengan izin, saya quote:

60F. (1) An employee shall, after examination at the expense of the employer—

(a) x x x x x x x x

(b) if no such medical practitioner is appointed of, - dan ini yang penting - if having regard to the nature or circumstances of the illness, the services of the medical practitioner so appointed are not obtainable within a reasonable time or distance, by any other registered medical practitioner or by a medical officer.”

Jadi kita telah mengqualifykan kemudahan kelonggaran yang diberi pada masa ini dengan dua syarat iaitu satunya nature or circumstances of the illness mesti menunjukkan keperluan beliau pergi kepada seorang doktor yang luar daripada doktor penal dan keduanya, perkhidmatan doktor penal itu dalam penyakitnya tidak dapat digunakan, within a reasonable time or distance oleh

pekerja-pekerja. Hanya dalam keadaan itu mereka dapat pergi kepada seorang doktor yang lain yang diluar daripada doktor penal atau bukan seorang doktor Kerajaan dan ini kita sedar adalah satu kelonggaran yang dirasai sebagai perlu diatasi dari pengalaman kita beberapa tahun ini dan kita harap majikan-majikan akan dapat menggunakan budibicara mereka dalam menentukan apakah nature or circumstances of the illness yang memerlukan seorang pekerja pergi kepada seorang doktor yang bukan terdiri daripada doktor penal mereka dan kita akan mengawasi perlaksanaan dan pengalaman dalam perkara ini dan Kementerian tidak menggalakkan malingering oleh pekerja-pekerja dan kita harap pekerja-pekerja juga tidak akan menyalahgunakan kelonggaran yang dibuat untuk keadaan-keadaan yang tertentu.

Yang Berhormat Senator Alexander Lee telah juga menyentuh perkara pekerjaan cabin crews MAS yang bekerja 12 jam berturut-turut. Saya rasa perkara ini adalah satu yang bukanlah begitu jelas dan saya rasa MAS yang sudah diberi exemption oleh Kementerian saya dalam perkara ini untuk tempoh lebih masa bekerja yang panjang sudahnya membuat peraturan-peraturan yang cukup untuk cabin crewnya berehat dan saya diberitahu bahawa cabin crews itu selepas mereka bekerja satu turn of duty yang panjang begitu mempunyai hak untuk berihat dua atau tiga hari kemudiannya dan dengan giliran seperti itu, saya rasa cabin crews MAS tidaklah kurang peluang berihat dan lain-lain. Tetapi dalam perkara yang beliau telah bangkitkan, adakah peraturan-peraturan atau undang-undang yang kita bawa ini berat sebelah yang telahpun disuarakan oleh Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook tadi, saya ingin mengatakan bahawa pindaan-pindaan yang dibawa oleh Kerajaan ini adalah satu yang dirasakan sebagai perlu dan wajar dan sejajar dengan keperluan masa dan sejajar dengan kemajuan sosio-ekonomi kita.

Kita tidak ingin membebankan majikan dalam perkara ini ataupun untuk memberi satu treatment mollycoddling kepada pekerja-pekerja kita tetapi undang-undang ini yang dipinda selepas beberapa masa ini adalah dengan satu sikap yang seimbang kepada keperluan negara, keperluan masyarakat dan juga kepentingan majikan-majikan dalam perkara ini. Inilah sikap yang kita akan

amalkan dalam pelaksanaan undang-undang ini dan juga dalam lain-lain pindaan yang mungkin kita akan dapat bawa dalam masa-masa akan datang.

Pada akhirnya, saya ingin menyentuh kepada satu sahaja aspek yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook iaitu mengenai pindaan yang kita bawa untuk menyekat amalan "spread over work dan staggered hours of work" pada pertama kali di bawah Fasal 22.

Perkara ini sudah disemak oleh Kerajaan dan Kementerian saya dengan teliti dan kita memikirkan bahawa masa sudah sampai untuk kita membuat satu peraturan dalam perkara ini di mana pekerja-pekerja yang sekarang ini dikehendaki menunggu-nunggu di tempat-tempat pekerjaan mereka selama selama 12 jam untuk mendapat bayaran 8 jam gaji hendaklah diberi perlindungan. Di tempat-tempat yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi iaitu restoran-restoran kelinik-kelinik doktor, estet-estet juga dan satu dua tempat yang lain, perusahaan pengangkutan dan lain-lain, kita tahu bahawa peraturan yang dibawa ini akan memberi beban sedikit. Tetapi saya rasa tidaklah begitu susah untuk menyemak semula tempoh pekerjaan pekerja-pekerja itu ataupun mengamalkan satu cara shift dan lain-lain untuk mengatasi masalah-masalah yang susah dalam keadaan-keadaan tertentu jika perkhidmatan itu hendak dinikmati oleh pelanggan-pelanggan di restoran ataupun oleh patient-patient di kelinik-kelinik.

Saya rasa patient-patient dan pelanggan-pelanggan mestilah juga tahu bahawa pekerja atau kakitangan di restoran, di kelinik dan lain-lain juga berkehendakkan masa rihat dan jika masa rihat mereka dikurbankan, mereka mesti juga diberi balas bayaran untuk pengurbanan mereka. Ini adalah satu perkara yang saya harap akan mendapat perhatian simpati oleh majikan-majikan dalam restoran-restoran, kelinik-kelinik dan lain-lain tempat dan mereka akan dapat kaj i keadaan ini untuk menentukan

masa tempoh atau waktu kerja yang lebih menasabah daripada apa yang diamalkan sekarang dengan staggered hours of work.

Saya ingin juga menyebutkan di sini jika majikan-majikan dalam Perusahaan-perusahaan ini mengalami kerumitan yang besar dan ingin dapat nasihat atau pandangan dalam perkara ini mereka adalah digalakkan datang ke Kementerian saya dan pegawai-pegawai Kementerian saya akan memberi segala bantuan yang perlu dalam perkara ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin menyentuh dalam perkara ini dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah memberi perhatian yang begitu mendalam kepada pindaan-pindaan kepada Ordinan Kerja ini yang Kerajaan sendiri merasa adalah satu yang penting bagi pekerja-pekerja dalam negara kita.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 39 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.55 malam.